# PELAKSANAAN DAN MASALAH DAKWAH IKATAN DA'I INDONESIA DI ACEH

**AZHARI JAILANI DAUD**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2017**

University of Malaya

# PELAKSANAAN DAN MASALAH DAKWAH IKATAN DA'I INDONESIA DI ACEH

**AZHARI JAILANI DAUD**

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2017**

University of Malaya

## ABSTRACT

Aceh is the first entry of Islam into the archipelago of south of east Asia named nusantara. Admission of Islam was approved as early as the first century AH brought by the Islamic missionaries of Arab and Indian traders. Of Aceh, Islam then spread to the rest of the archipelago by peaceful means. The long journey of preaching Islam in Veranda of Mecca's land gives a very in-depth study of the interaction of Islam as peaceful and blessed religion with local people. Evident from the beginning until now Islam remains the religion and beliefs of the people of Aceh which will guide the life of society and state. Aceh is the only state in Indonesia that implement Islamic law so it will be a role model for other states in the implementation of religious life and society in harmony. This study aimed to investigate the role of the organization named Association of Indonesian Da'i (IKADI) states dakwah efforts in Aceh, identifying the dakwah efforts that have been made, and identify the problems faced dakwah. This study was conducted using qualitative descriptive method to collect data about IKADI Aceh's activities. The data collected through documentation, observation and interviews. The study found that the dakwah efforts of IKADI Aceh include a teacher for people with educating people do Islamic activities restore the people to the nature of Islam with lectures and sermons on various occasions, be a partner of government (umara ') in a variety of programs, empowers people to Islam, especially in the fields of economics and education, provide a bulwark against apostasy and knitter brotherhood to all agencies and Muslims. Of the efforts that have been undertaken, there are weaknesses in IKADI Aceh that have been identified, including: lack of documentation and program activities so much information that is not up to the public, lack of adequate technology, particularly in the mastery of social media and the lack of human resources, especially in terms of quantity.

University of Malaya

# ABSTRAK

Aceh merupakan tempat pertama masuknya Islam ke bumi nusantara. Masuknya Islam ini disahkan seawal abad pertama Hijrah. Ianya dibawa oleh para pendakwah daripada kalangan peniaga Arab dan India. Dari Aceh, Islam kemudian menyebar ke serata nusantara dengan jalan damai. Perjalanan panjang dakwah Islam di bumi yang bergelar Serambi Mekah ini memberikan pembelajaran yang sangat mendalam tentang interaksi agama yang rahmatan li al-‘ālamīn pada rakyat tempatan. Terbukti daripada dahulu sehingga masa sekarang, Islam tetap menjadi agama dan keyakinan rakyat Aceh yang menjadi panduan hidup bermasyarakat dan bernegara. Aceh merupakan satu-satunya negeri di Indonesia yang melaksanakan syariat Islam sehingga ia akan menjadi role model bagi negeri-negeri lainnya dalam melaksanakan kehidupan beragama dan bernegara secara harmoni. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui peranan pertubuhan bernama Ikatan Da’i Indonesia (IKADI) Aceh dalam usaha-usaha dakwah di Aceh, mengenal pasti usaha-usaha dakwah yang telah dilakukan dan serta mengenal pasti permasalahan dakwah yang dihadapinya. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode deskriptif kualitatif mengumpulkan data tentang aktiviti IKADI Aceh. Data-data tersebut dikumpulkan melalui teknik dokumentasi, observasi dan temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa usaha-usaha dakwah IKADI Aceh iaitu menjadi guru bagi umat dengan sentiasa melakukan aktiviti mendidik umat, mengembalikan umat kepada fitrahnya iaitu Islam dengan ceramah dan khutbah di pelbagai kesempatan, menjadi rakan pemerintah (umara’) dalam pelbagai program, memperkasa umat dengan Islam utamanya di bidang ekonomi dan pendidikan, menjadi benteng terhadap pemurtadan dan perajut ukhuwah kepada semua lembaga dan umat Islam. Dari usaha-usaha yang telah dijalankan, terdapat kelemahan-kelemahan IKADI Aceh yang telah dikenal pasti, di antaranya kekurangan dokumentasi aktiviti dan program sehingga banyak maklumat

University of Malaya

yang tak tersampaikan kepada masyarakat ramai, kekurangan teknologi yang memadai utamanya dalam penguasaan sosial media, dan kekurangan sumber manusia terutama dari segi kuantiti.

University of Malaya

## PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

إن الحمد لله نحمده و نستعينه و نستغفره و نستهديه و نؤمن به و نتوكل عليه و نعوذ بالله من شرور

أنفسنا و من سيئآت أعمالنا من يهده الله فلا مضل له و من يظلل فلا هادي له

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له و أشهد أن مُحَّدًا عبده و رسوله

Segala pujian dan kesyukuran hanyalah bagi Allah subhānahu wa ta’ālā semata. Selawat dan salam kepada baginda junjungan Rasulullah Muhammad shallallāhu ‘alaihi wa sallama beserta kepada seluruh ahli keluarganya, sahabat baginda, tābi’īn dan tābi’ tābi’īn serta pewaris hingga akhir zaman nanti.

Bersyukur sekali kepada Allah subhānahu wa ta’ālā yang telah memberikan kesejahteraan, kebahagiaan, kesihatan dan kelapangan sehingga saya dapat menyiapkan disertasi ini. Dengan tetap memohon kepada Allah subhānahu wa ta’ālā, semoga Allah subhānahu wa ta’ālā selalu berikan kita taufik dan inayah agar dapat berjaya dalam mengabdi kepadaNya selama di dunia ini.

Dalam kesempatan ini, saya merakamkan banyak-banyak terima kasih -*jazāhullāhu khairan kathīran*- khususnya kepada pembimbing saya selama mengambil pengajian ini iaitu DR. Fakhrul Adabi bin Abdul Kadir -*hāfiẓahullāhu*-. Beliau tidak hanya seorang pembimbing bagi saya akan tetapi lebih dari pada itu semua, guru dan ustaz dalam peradaban, sahabat dalam setiap masa dan seseorang yang sangat berteladan dalam hidup. Saya memohon kepada Allah subhānahu wa ta’ālā, agar beliau diberikan umur dan kesihatan yang berkat, diberikan kekuatan dalam menebarkan ilmu dan hikmahNya kepada umat, kelak di akhirat mendapat ganjaran pahala surgaNya yang penuh nikmat.

University of Malaya

Penghargaan dan terima kasih saya juga kepada para pensyarah dan kaki tangan khususnya di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan dan umumnya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Minta maaf sangat-sangat tidak dapat saya sebutkan setiap satu, semoga semuanya menjadi amal shālih dan mendapatkan ganjaran pahala sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada keluarga besar Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) Aceh, sama ada Pengurus dan ahli jawatan kuasanya serta sesiapa sahaja yang ada di dalamnya terlibat langsung ataupun tidak langsung. Antum sudah mahu bersusah-susah dengan saya sehingga saya dapat berjaya menyelesaikan kajian ini. Semoga Allah subhānahu wa ta'ālā memberikan ganjaran pahalanya kepada Antum semuanya di dunia ini dan di akhirat kelak.

Penghargaan saya yang setinggi-tingginya kepada ibundaku Salamah binti Syama'un itulah satu-satu orang tuaku yang masih hidup, semoga Allah subhānahu wa ta'ālā selalu melindungimu. Kemudian do'a tulus dan ikhlasku selalu mengiringi ayahandaku almarhum Jailani bin Daud yang telah lebih dulu kembali kepadaNya, semoga Allah subhānahu wa ta'ālā ampuni dosamu dan masukkanmu ke dalam surgaNya. Tidak lupa juga penghargaan kepada ayahanda dan ibunda mertuaku Bapak Mohammad Rofii (almarhum) dan Ibu Ummi Hanik atas sokongan yang diberikan kepada menantumu ini. Penghargaan dan terima kasih juga kepada kakak, abang dan adik-adik semua atas support sama ada do'a dan usaha yang diberikan.

Penghargaan dan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada keluargaku, khususnya isteriku Qonitatillah binti Mohammad Rofii atas pengorbanan yang diberikan. Tidak lupa juga kepada buah hatiku: Unaysah Azkia Madania, Umar Abdullah Tsubayt, Umayrah, Uwaynah dan Unayyah. Semoga kalian semua selalu dalam cinta dan kasih sayang Allah subhānahu wa ta'ālā dan semoga pula kalian



University of Malaya

menjadi para pewaris Nabi penegak kalimatillah Lā Ilāha Illā Allāh di atas muka bumi ini.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada semua sahabat, guruku dan keluarga besar Ma'had al-Ittihad al-Islami Camplong Sampang Madura, keluarga besar Ma'had Miftahul Jannah Meureudu, Pidie Jaya, Aceh, keluarga besar Yayasan Panti Asuhan Yatim Piatu Darul Aitam Meureudu, Pidie Jaya, Aceh atas dukungan yag diberikan.

Akhirnya kepada Allah lah kita berlindung dan memohon agar IA selalu arahkan kita berada di jalan orang-orang yang lurus iaitu jalannya para rasul, nabi, syuhada dan shalihin.

Penulis

Azhari Jailani Daud

No 16, Jalan Merant 13, Taman Sri Pulai

81300 Skudai, Johor

Email: azharimadinah@gmail.com

Hp: +60177440779

University of Malaya

## ISI KANDUNGAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| **ABSTRAK** | iv |
| **ABSTRACT** | vi |
| **PENGHARGAAN** | vii |
| **ISI KANDUNGAN** | x |
| **SENARAI JADUAL** | xiii |
| **SENARAI GAMBAR** | xiv |
| **SENARAI KEPENDEKAN** | xv |
| **PANDUAN TRANSLITERASI** | xvi |

**BAB I : PENDAHULUAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.3 | Objektif Kajian | 6 |
| 1.4 | Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.5 | Pemilihan Lokasi Kajian | 7 |
| 1.6 | Skop Kajian | 8 |
| 1.7 | Kajian Lepas | 9 |
| 1.8 | Metodologi Kajian | 12 |

**BAB II : PELAKSANAAN DAKWAH**

| | |
|---|---|
| 2.1. Dakwah Islamiyah | 16 |
| 2.2. Definisi Pelaksanaan Dakwah | 19 |


University of Malaya

2.2.1. Metodologi Dakwah 20

2.2.2. Pengurusan Dakwah 24

**BAB III : GERAKAN DAKWAH DI ACEH**

3.1. Sejarah Islam di Aceh 27

3.2. Dakwah dan Pelaksanaan Syariat Islam (Hukum Hudud) di Aceh 30

3.3. Syariat Islam di Aceh dari Masa ke Masa 34

3.4. Aspek-aspek Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh 43

3.5. Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh Kini 48

3.5.1. Pejawat-pejawat Pelaksana Syariat 52

3.5.2. Tinjauan Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh 54

3.6. Dakwah Islam di Aceh dari Masa ke Masa 58

3.6.1. Dakwah di Awal Abad ke 20 58

3.6.2. Dakwah Aceh di Masa Orde Baru 65

3.6.3. Dakwah Aceh di Masa Kini 67

3.7. Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) 74

3.7.1. Sejarah dan Perkembangan IKADI 74

3.7.2. Visi, Misi dan Tujuan IKADI 75

3.7.2.1. Visi 75

3.7.2..2. Misi 75

3.2.3 Tujuan 75

3.7.3. Aktiviti 76

3.7.4. Ciri Khas Organisasi IKADI 77

3.7.5. IKADI dan Cawangan di Seluruh Indonesia 78

3.7.6. IKADI Wilayah Aceh 80

3.7.7. Struktur dan Cawangan IKADI Aceh 82

University of Malaya

**BAB IV : PELAKSANAAN DAN PERMASALAHAN DAKWAH IKADI ACEH**

4.1. Pelaksanaan Dakwah IKADI di Aceh 84

4.1.1 Menjadi Guru Bagi Umat 85

4.1.2. Program Penyebaran Da'i 87

4.1.3 Program Pembekalan Da'i 92

4.1.4 Kuliyah Berbasiskan Masjid dan Surau 97

4.1.5 Bengkel Am 101

4.2 Mengembalikan Umat kepada Fitrah 103

4.3 Menjadi Rakan Pemerintah (Umara') dalam Pelaksanaan Syariat Islam 105

4.4 Memperkasa Umat dengan Islam 106

4.4.1 Menjadi Benteng terhadap Pemurtadan 109

4.4.2 Perajut Ukhuwah 114

4.5 Kelemahan Usaha Dakwah IKADI Aceh 116

4.5.1 Kekurangan Dokumentasi Aktviti dan Program 116

4.5.2 Kekurangan Teknologi yang Belum Mencukupi 117

4.5.3 Kekurangan Sumber Manusia 118

**BAB V : PENUTUP**

5.1 Rumusan 120

5.2 Implikasi Kajian 121

5.3 Cadangan 122

**BIBLIOGRAFI** 124

University of Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 4.1. Lembaga rakan IKADI Aceh 115

University of Malaya

## SENARAI GAMBAR


| | |
|---|---|
| Gambar 2.1 Peta Aceh | 48 |
| Gambar 4.1 Program Penyebaran Da'i | 88 |
| Gambar 4.2 Program Tebar 100 Da'i | 90 |
| Gambar 4.3 Pelatihan Pembekalan Da'i | 92 |
| Gambar 4.4 Pelatihan Materi Dasar Islam | 93 |
| Gambar 4.5. Pelatihan Manajemen Masjid | 94 |
| Gambar 4.6. Bengkel I'daadud Duat | 95 |
| Gambar 4.7. Pelatihan Da'i Muda | 95 |
| Gambar 4.8. Pembekalan Guru Mengaji | 96 |
| Gambar 4.9. Pasar Rakyat Ramadhan 1427H | 106 |
| Gambar 4.10. Sidang Media Kristenisasi di Aceh | 111 |
| Gambar 4.11. Suasana Daurah Kristologi | 112 |


University of Malaya

## SENARAI KEPENDEKAN

| | |
|---|---|
| BAZIS | : Badan Amil Zakat Infaq dan Sedekah |
| BRR | : Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi |
| DDII | : Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia |
| Depag | : Departemen Agama |
| DM | : Dewan Masjid |
| HMI | : Himpunan Mahasiswa Islam |
| ICMI | : Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia |
| IKADI | : Ikatan Da'i Indonesia |
| KAMMI | : Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia |
| Kemenag | : Kementrian Agama |
| Kesra | : Kesejahateraan Rakyat |
| Menko | : Kementerian Koordinator |
| MUI | : Majelis Ulama Indonesia |
| NAD | : Nanggroe Aceh Darussalam |
| NII | : Negara Islam Indonesia |
| NII | : Normal Islam Institut |
| Pemda | : Pemerintahan Daerah |
| Perda | : Peraturan Daerah |
| PII | : Pelajar Islam Indonesia |
| TPA | : Taman Pendidikan al-Qur'ān |
| UU | : Undang-undang |
| UUPA | : Undang-undang Pemerintah Aceh |
| WH | : Wilayatul Hisbah |
| YDSF | : Yayasan Dana Sosial Al-Falah |

University of Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

Panduan transliterasi ini mengikut panduan penulisan ilmiah yang diterbitkan oleh Pejabat Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

**a. Konsonan**

| Arab | Roman | Arab | Roman |
|---|---|---|---|
| ا | ’ | ط | **ṭ** |
| ب | b | ظ | **ẓ** |
| ت | t | ع | **‘** |
| ث | th | غ | **gh** |
| ج | j | ف | **f** |
| ح | ḥ | ق | **q** |
| خ | kh | ك | **k** |
| د | d | ل | **l** |
| ذ | dh | م | **m** |
| ر | r | ن | **n** |
| ز | z | هـ | **h** |
| س | s | و | **w** |
| ش | sh | ي | **y** |
| ص | ṣ | ة | **h,t** |
| ض | ḍ | ء | **a** |

**b. Vokal**

| Vokal Pendek | Transliterasi | Vokal Panjang | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـَـ | **a** | آ،ى | **ā** |
| ـِـ | **i** | ي | **ī** |
| ـُـ | **u** | و | **ū** |

### c. Diftong

| Diftong | Transliterasi |
|---|---|
| ـَـ وْ | **aw** |
| ـَـ يْ | **ay** |
| ـُـ وّ | **uww** |
| ـِـ | **iy, ī** |

University of Malaya

BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Aceh merupakan sebuah negeri awal mulanya masuk Islam ke bumi Nusantara Indonesia melalui dakwah Islam yang dibawa oleh para pendatang muslim daripada Arab dan India. Mereka masuk ke Indonesia awal mulanya dengan cara berniaga.[1] Melalui perniagaan inilah mereka menyebarkan Islam secara perlahan-lahan, kemudian tersebarlah Islam di seluruh bumi Nusantara Indonesia.

Masuknya Islam ke Aceh ini diperkirakan pada abad ketujuh Masihi atau bertepatan dengan abad pertama Hijrah. Pendapat ini disokong oleh ramai para pakar Sejarah Islam. Salah seorang daripada mereka ialah Haji Abdul Malik Karim Abdullah atau lebih dikenali dengan nama HAMKA. Beliau mengatakan bahawa Islam datang ke Indonesia bermula pada abad pertama Hijrah atau bertepatan dengan pada abad ketujuh Masihi, ianya dibawa oleh saudagar-saudagar Islam yang datang daripada tanah Arab dan Gujarat India.[2]

Ada juga yang mengatakan bahawa Islam masuk ke Indonesia itu pada abad ketiga belas Masihi dengan bukti adanya Kerajaan Islam Pertama di Aceh iaitu Kerajaan Peureulak (840-1290 Masihi). Kini pendapat tersebut diragukan oleh Sejarawan Islam, padahal sebelumnya pendapat ini diterima berabad-abad lamanya. Sebab para Sejarawan Islam meragukannya kerana sumber pendapat ini didasarkan kepada tulisan para Sejarawan Barat atau Sejarawan yang bukan Islam.[3]

---

[1] Slamet Mulyana, *Kuntala Sriwijaya dan Suwarnabhumi* (Jakarta: Yayasan Idayu, 1981), 256.
[2] Hamka, "Masuk dan Berkembangnya Agama Islam di Daerah Pesisir Sumatra" dalam Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, Medan, 1963, 87.
[3] Raliby Osman, "Aceh: Sejarah dan Kebudayaan", dalam Ismail Suny. Bunga Rampai tentang Aceh (Jakarta: Bharata Karya Aksara, 1980),21.



University of Malaya

Masyarakat Aceh sebelum masuknya Islam ke tengah-tengah mereka adalah para pemeluk berbagai macam kepercayaan sama ada animism, dinamism, pemujaan hyang dan nenek moyang.[4] Dan juga menganut salah satu agama iaitu agama Hindu.[5]Dengan adanya dakwah Islam yang dibawa oleh juru dakwah Islam, bertukarlah kepercayaan dan agama mereka kepada Islam. Hebatnya, Islam masuk ke Aceh ini bukanlah melalui jalan perang akan tetapi ianya melalui akhlak yang lahir dan nampak daripada para pendakwah-pendakwah Islam tersebut. Kemudian tanpa disedari, perkembanganIslam dari masa ke masa menjadikan jumlah pemeluk agama Islam di Aceh semakin bertambah ramai. Kehadiran agama baru ini bagi mereka dapat memberi keberkesanan dalam hidupnya. Melihat keadaan ini, para pendakwah-pendakwah Islam pun semakin gencar menyampaikan risalah-risalah dakwahnya sehingga dapat dikatakan seluruh masyarakat Aceh sudah menjadi pemeluk Islam semuanya bahkan Kerajaan Islam Pertama di Indonesia itu dijumpai di Aceh.[6]

Seiring dengan berlalunya masa daripada awal datangnya Islam hingga terbentuknya kerajaan Islam maka keadaan kehidupan masyarakat Aceh mengalami pasang surut dalam perkembangan Islam sama ada ibadah ataupun terealisasinya hukum-hukum Islam dalam kehidupan masyarakat, terlebih-lebih lagi tidak selarinya antar kerajaan Islam. Maka pada tahun 1511 Masihi, kerajaan-kerajaan Islam di Aceh dipersatukan oleh Ali al-Mughayatsyah dan kemudian pada masa Kerajaan Sultan Iskandar Muda (1607-1636 M) diberlakukanlah hukum-hukum Islam bermazhab Syāfiʿī. Hukum-hukum tersebut kemudian disusun menjadi Qanun al-Asyi *(Adat*

---

[4] Abdul Hadi Arifin, Malikussaleh Reinterpretasi Penyebaran Islam Nusantara (Lhokseumawe: Unimal Press, 2005).
[5] Ibid.
[6] Marwati Djoened Poesponegoro dan Nugroho Notosusanto, Sejarah Nasional Indonesia III Zaman Pertumbuhan dan Perkembangan Kerajaan Islam di Indonesia, ed. ke-2 rev. (Jakarta: Balai Pustaka, 2008), 21.

University of Malaya

*Meukuta Alam)* dan diangkat menjadi Undang-undang Dasar Kerajaan Aceh Darussalam.[7]

Kerana Kerajaan Islam Aceh melaksanakan hukum Islam dalam kehidupan, khususnya dalam pelaksanaan dan penegakan syariat Islam, salah satu ulama terkemuka Aceh iaitu Teungku Chik di Tiro Muhammad Saman (1891 M) bersiap sedia melancarkan penentangan terhadap penjajah Belanda. Namun sebelum terjadinya peperangan, Teungku Chik di Tiro mengirimkan surat kepada Ratu Belanda dengan mencadangkan tiga perkara, iaitu: Pertama, supaya Ratu Belanda memeluk Islam dan memerintah secara Islam. Kedua, supaya Ratu Belanda membenarkan rakyat Aceh menjalankan syariat Islam dan sebagai balasannya rakyat Aceh akan mengakui perlindungan Ratu Belanda. Ketiga, meminta Ratu Belanda memerintahkan tentera Belanda untuk keluar daripada Aceh agar Aceh dapat menjadi Negara yang berdaulat. Jika ketiga-tiga perkara tersebut ditolak maka tidak ada pilihan lain baginya dan rakyat Aceh selain berperang melawan Belanda.[8]

Kini Aceh diberikan ruang oleh Pemerintah Indonesia untuk merealisasikan hukum-hukum Islam, artinya Aceh dibenarkan untuk menerapkan hukum Islam dalam segala aspek kehidupan masyarakatnya. Kerana di dalam pelaksanaan sehingga tegaknya hukum Islam tersebut pemerintah Indonesia tidak dapat melaksanakan dan mengkawal sendiri, maka ianya sangat memerlukan penyertaan atau partisipasi pertubuhan-pertubuhan swasta, pertubuhan-pertubuhan dakwah maupun usaha persendirian sangatlah penting bagi terlaksananya matlamat ini. Sejarah telah mencatat bahawa Aceh kaya dengan ulama-ulama yang mendidik masyarakat untuk sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam. Ulama-ulama tersebut diantaranya ialah Hamzah

---

[7] Muslim Ibrahim, Langkah-langkah Penerapan Syariat Islam di Aceh(dalam Lahmuddin Nasution et.al 2004), *Penerapan Syariat Islam di Indonesia: Antara Peluang dan Tantanga* (Jakarta: Globalmedia Cipta Publishing, 2001), 1.

[8] Alyasa‟ Abubakar, *Syariat Islam di NAD: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*, edisi ke-4 (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Aceh, 2006), 78.



University of Malaya

Fanshuri, Nuruddin al-Raniry dan Abdurrauf al-Singkili (Syiah Kuala). Hamzah Fanshuri penulis kitab *Mir'at al-Mu'min* mendapat gelaran "Jalaluddin Rumi Dunia Melayu" juga terkenal sebagai pujangga dan penyair. Nuruddin al-Raniry ialah ulama terkenal yang mengarang kitab *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* dan *Bustān al-Salāṭīn*. Sedangkan Abdurrauf al-Singkili atau lebih dikenali sebagai Syiah Kuala memiliki dua karya yang sangat terkenal, iaitu kitab *Tarjumun al-Mustafid* yang merupakan kitab tafsir pertama di Asia Tenggara, dan Mirʾat al-Ṭhullāb. [9]

Peranan besar mereka dilanjutkan oleh generasi-generasi yang lahir selanjutnya dan kelahiran mereka telah mengangkat Aceh mencapai kegemilangan tamadun Islam yang terkenal di seluruh pelusuk dunia. Ketinggian ilmu yang mereka miliki dan karya-karya yang dihasilkan telah menjadi ketertarikan bagi masyarakat luar untuk belajar pelbagai ilmu pengetahuan di Aceh. Keadaan tersebut menjadikan Aceh sebagai pusat tamadun Islam di Asia Tenggara dan dari sinilah Islam tersebar hingga ke seluruh Nusantara.[10]

Keberadaan para ulama dan pendakwah-pendakwah Islam di masa kini terwujud dalam bentuk pertubuhan-pertubuhan dakwah yang telah diurus dengan moden dan kemas. Peranan dan sumbangan mereka terhadap tamadun Islam sangatlah bererti, utamanya dalam mendidik masyarakat untuk mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Ada banyak pertubuhan dakwah yang berperan aktif bagi membantu pemerintah mendidik masyarakat Aceh untuk melaksanakan syariat Islam di iantaranya ialah IKADI. Jadi, peranan IKADI dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh menjadi matlamat dalam kajian disertasi ini.

---

[9] Ahmad Daudy, *Syeikh Nur al Din al Raniry: Sejarah, Karya dan Sanggahannya terhadap Wujudiah di Aceh* (Jakarta: Bulan Bintang, 1975), 37-39.
[10] Ismail Sunny, *Bunga Rampai tentang Aceh* (Jakarta: Bharata Karya Aksara, ed.1980), 42.



University of Malaya

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Aceh merupakan tempat pertama Islam masuk ke bumi Nusantara. Kerajaan-kerajaan yang ada pada masa itu sudah mengamalkan hukum Islam secara sempurna yang meliputi semua aspek. Hukum-hukum tersebut kemudian disusun menjadi Undang-undang Dasar Kerajaan Aceh Darussalam. Seiring dengan masa dan pergantian para penguasa, pelaksanaan syariat Islam di Aceh mengalami naik- turun. Berdasarkan Undang-Undang Nombor 44 Tahun 1999 Aceh diberikan hak dan kebenaran khusus untuk melaksanakan syariat Islam dan sehingga kini merupakan satu-satunya negeri di Indonesia yang melaksanakannya. Oleh kerana itu, sangatlah penting bagi Aceh untuk dapat melaksanakan syariat Islam secara baik kerana ianya akan menjadi contoh bagi negeri-negeri lain di Indonesia untuk melaksanakan syariat Islam. Namun apabila pelaksanaan syariat Islam ini tidak membawa kebaikan dan kemajuan bagi rakyat Aceh maka ianya akan menjejaskan stigma buruk kepada Islam dan menambah Islamophobia kepada masyarakat.

Oleh itu, keberhasilan pelaksanaan syariat Islam di Aceh adalah munasabah. Selain daripada kewajipan Pemda Aceh untuk memastikan syariat dipatuhi dan diamalkan dengan sebaik-baiknya, ianya juga perlu campur tangan dari kalangan ulama, institusi keislaman seperti masjid dan pondok pesantren serta pertubuhan-pertubuhan Islam lainnya. Diantara pertubuhan Islam yang ada sekarang ini di Indonesia dan Aceh khususnya adalah IKADI. Disertasi ini mengkaji pada usaha dakwah yang dilakukan IKADI dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh dan permasalahan yang dihadapi.

University of Malaya

## 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti usaha dakwah yang dilakukan oleh IKADI Aceh.
2. Menentukan permasalahan dakwah yang dihadapi oleh IKADI Aceh
3. Menganalisis permasalahan dakwah yang dihadapi oleh IKADI dalam usaha dakwahnya di Aceh.

## 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan menjalankan penyelidikan ini dapatlah diketahui dengan lebih lanjut bagaimana pelaksanaan dakwah Islam di Aceh. Penyebaran dakwah Islam di Aceh bukan hanya menjadi tanggung jawap pemerintah mahupun pegawai-pegawai yang ditugaskan sahaja tetapi ianya menjadi tanggung jawap semua pertubuhan dakwah dan memiliki peranan yang sama agar pelaksanaan syariat Islam dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, peranan pertubuhan dakwah seperti IKADI diharapkan dengan dakwah-dakwah yang dijalankannya itu mampu memberikan kesan yang berjejas terhadap pelaksanaan dakwah Islam di Aceh dan dapat menjadi inspirasi bagi pertubuhan dakwah lain untuk mengambil berat dalam membumikan Islam di Aceh dan di manapun kita berada.

Selain daripada itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai keberadaan pertubuhan-pertubuhan dakwah bahawa ianya adalah salah sebuah pilar penyokong penegakan syariat Islam. Dengan sama-sama berdakwah di dalam sebuah pertubuhan akan memberikan hasil yang lebih baik dibandingkan berdakwah seorang diri. Kerana dalam sebuah pertubuhan dakwah, gerak langkah dakwah disusun dan dirancang dengan lebih terorganisir, .berwawasan ke

University of Malaya

depan dan digerakkan oleh ramai orang. Ianya tak akan dijumpai apabila dilakukan bersendirian.

Selanjutnya, kajian ini juga sangat bermanfaat bagi Pemerintah Daerah (Pemda) Aceh dalam mengevaluasi pelaksanaan kehidupan berIslam selama ini. Dengan bermitra bersama pertubuhan-pertubuhan dakwah yang dikelola masyarakat, gerakan pembumian nilai-nilai Islam akan lebih berkesan bagi masyarakat utamanya yang berada di pelusuk desa. Adanya kajian-kajian semacam ini akan menambah khazanah pengetahuan dan pengalaman untuk dapat membantu menjalankan nilai-nilai Islam yang lebih baik lagi.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat bagi pelajar, akademisi, peneliti dan para pembaca. Kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan dan pembahasan yang lebih mendalam dalam penegakan nilai-nilai Islam yang sebenar-benarnya. Dengan demikian, usaha-usaha untuk dapat melaksanakan dakwah Islam di negeri-negeri lainnya di Indonesia mahupun tempat lainnya dapat berkembang dengan lebih baik.

## 1.5 PEMILIHAN LOKASI KAJIAN

Pengkaji memilih Aceh sebagai lokasi penelitian dikeranakan beberapa alasan strategik, diantaranya ialah:

a. Aceh merupakan pintu masuk Islam ke Nusantara. Kerajaan Islam pertama berdiri di Aceh dan berkembang menyebarkan Islam hingga ke seluruh Nusantara.
b. Aceh ialah satu-satunya kerajaan negeri (provinsi) di Indonesia yang menerapkan syariat Islam ke dalam aktiviti harian masyarakat dan pemerintahan. Pelaksanaannya ditetapkan dengan penguatkuasaan dari segi undang-undang.

University of Malaya

Sejarah mencatat bahawa syariat Islam telah diamalkan masyarakat Aceh sejak zaman kerajaan-kerajaan Islam dulu hingga kini. Berjaya atau tidaknya pelaksanaan syariat Islam di Aceh menjadi rujukan negeri-negeri lainnya yang ingin menerapkan polisi yang sama.

c. Kedamaian di Aceh baru berlangsung semenjak tahun 2005. Masa-masa sebelumnya adalah masa konflik berkepanjangan yang sangat menyengsarakan dan menyusahkan rakyat. Pelaksanaan syariat Islam di Aceh merupakan solusi sebenar dan keinginan rakyat, bukan semata-mata motif politik bagi melegakan ketegangan pihak-pihak yang bertikai.

d. Aceh memiliki kekayaan budaya Islam yang tiada tandingnya di Nusantara. Banyak karya sastera klasik yang ditulis oleh ulama-ulama terkenal seperti Syeikh Nuruddin Ar-Raniry, Hamzah Fanshuri dan Syeikh Abdurrauf as-Singkily (Syiah Kuala) menceritakan sosial budaya Aceh yang sangat dipengaruhi oleh Islam. Karya-karya mereka merupakan harta yang sangat ternilai untuk terus menerus digali dan dipelajari.

e. Aceh sedang membangun di segala bidang. Perkembangan dan peningkatan kuantiti dan kualiti pembangunan dilaksanakan dengan kawalan syariat Islam. Penelitian mengenai syariat Islam berikut pelaku-pelaku yang terlibat aktif di dalamnya merupakan sebuah hal yang sangat menarik. Pemilihan IKADI sebagai pertubuhan dakwah yang dikaji peranannya juga merupakan hal sangat menarik mengingat usianya yang masih muda namun memiliki ramai anggota yang terlibat aktif dalam membumikan syariat Islam.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidikan hanya difokuskan kepada peranan dakwah IKADI Aceh sebagai pertubuhan dakwah dan kiprah dakwahnya di negeri yang sedang melaksanakan



University of Malaya

syariat Islam ini iaitu Aceh. Difokuskan juga pada permasalahan yang dihadapi oleh IKADI Aceh di lapangan.

Pemberi maklumat kajian ini dipilih daripada ahli jawatan kuasa sama ada yang sedang menjawat ataupun yang sudah pernah menduduki jawatan di IKADI Aceh. Kajian ini dijalankan mulai tahun 2011 sehingga 2014untuk mengetahui peranan dan usaha serta permasalahan IKADI Aceh semenjak ianya ditubuhkan.

## 1.7 KAJIAN LEPAS

Pengkaji telah mengadakan review terhadap beberapa sumber rujukan seperti buku-buku, disertasi, tesis ataupun karya-karya ilmiah lainnya, sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia yang memiliki hubung kait dengan sejarah Islam di Aceh dan peranan pertubuhan dakwah IKADI Aceh. Di antaranya iaitu:

1. Mujiburrahman telah menulis tesis doktor falsafahnya di Kolej Sastera dan Sains Universiti Utara Malaysia dengan tajuk Pelaksanaan Sistem Pendidikan Pondok dan Perkembangannya di Aceh Selepas Peristiwa Tsunami.

   Kajian ilmiah ini membincangkan mengenai keterlibatan pondok pesantren dalam dakwah Islam selepas tsunami di Aceh. Secara garis besar, ada empat permasalahan yang dikaji iaitu mengenai sejarah perkembangan dan pelaksanaan syariat Islam di Aceh, perkembangan pondok pesantren sebelum dilaksanakannya syariat Islam di Aceh dan kesan selepasnya serta penglibatan pemerintah dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Kajian ini cukup mendalam dan pembaharuan yang terus menerus kerana ianya dijalankan pada tahun 2010. Dalam kajian ini terdapat banyak maklumat yang menceritakan kondisi terkini Aceh dan keterlibatan pondok pesantren dalam dakwah Islam.

University of Malaya

2. Pemerintah provinsi Aceh telah membuat sebuah buku yang berisi Rencana Pembangunan Jangka Panjang Aceh (RPJP Aceh) Tahun 2005-2025.

   Di dalamnya terdapat maklumat terkini mengenai keadaan Aceh secara keseluruhan, baik mengenai keadaan alamnya, pengembangan sumber manusia, polisi pemerintah dan peluang pengembangan pembangunan di Aceh. Selain itu, juga disertakan analisis mengenai pelaksanaan pelbagai aspek dalam kehidupan rakyat Aceh terkait sosial budaya, politik, ekonomi mahupun hukum.

3. Human Right Watch menerbitkan sebuah buku bertajuk Menegakkan Moralitas: Pelanggaran dalam Pelaksanaan Syariah di Aceh, Indonesia dan diterbitkan Disember 2010.

   Buku ini menyoroti perihal hukum khalwat dan kewajipan untuk berbusana Islam. Menurut HRW, ada banyak celah dalam pelaksanaan hukum-hukum tersebut yang dapat membuat seseorang dikenakan hukuman. Salah satunya ialah perbezaan persepsi terkait kriteria yang dapat terkait dengan kedua hukum tersebut sehingga dapat membabitkan orang tak bersalah akan dikenakan hukuman. Selain terkait masalah hukum, pelaku pelaksana perundang-undangan yang disebut sebagai Wilayatul Hisbah (WH) juga disoroti terkait wewenangnya yang sering melampaui batas dan menyebabkan penyimpangan dalam pelaksanaan di lapangan. Seterusnya, buku ini mengupas masalah pelanggaran hak asasi manusia dalam pelaksanaan hukum khalwat mengikut versi yang diyakininya dan kemudian memberikan rekomendasi kepada institusi-institusi yang dianggap memiliki kepentingan dalam hal ini.

4. United Nation Development Programme (UNDP) juga menerbitkan buku yang berkaitan dengan Aceh. Tajuknya ialah Laporan Pembangunan Manusia Aceh 2010: Pembangunan Manusia dan Pemberdayaan Masyarakat.

University of Malaya

Buku ini merupakan laporan daripada pelbagai program yang diselenggarakan oleh UNDP dan pertubuhan lainnya dalam peningkatan kualiti penduduk Aceh. Secara garis besar, buku ini membahas mengenai pemberdayaan masyarakat Aceh yang terlibat aktif berpartisipasi dalam program-program pemerintah dan keikutsertaan dalam pelbagai polisi pemerintah. Di dalamnya juga disampaikan kondisi sosial masyarakat Aceh kini, indikator pembangunan dan akses ke layanan publik yang meliputi infrastruktur asas, kesehatan, keadilan dan kesempatan ekonomi. Hal terakhir yang dibahas dalam buku ini ialah rekomendasi kepada pihak-pihak yang terkait berkenaan dengan pembangunan di Aceh.

Buku ini juga tidak membincangkan masalah dakwah Islam di Aceh, namun maklumat yang terkandung sedikit banyak menunjukkan perbaikan dan peningkatan taraf hidup masyarakat Aceh di bawah kepimpinan Pemerintahan Daerah yang baharu dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

5. Disertasi yang dibuat oleh Muhammad Choirin, bertajuk „Ikatan Da‟i Indonesia (IKADI): Kajian dari Aspek Program Dakwah di Jakarta‟ di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya tahun 2011.

   Walaupun disertasi ini membincangkan tentang aktiviti dan program dakwah IKADI di wilayah Jakarta, namun ianya juga sangat membantu pengkaji dalam membuat kajian yang sedang dijalankan ini. Walau dari sudut letak negeri berbeza, namun setiap negeri itu punya ciri khas dan karakter tersendiri.

   Disertasi ini membahas penelusuran sejarah IKADI yang dilakukan penulis melalui temu bual kepada pengasas dan ahli jawatan kuasa IKADI pusat di Jakarta. Dari penelusuran ini, pembaca dapat mengetahui latar belakang ditubuhkannya IKADI, para pengasas dan tokoh-tokoh penting serta jaringan

University of Malaya

dan cawangan IKADI di seluruh Indonesia. Buku ini selanjutknya membahas program-prgram dakwah yang dilakukan IKADI di Jakarta dan manfaatnya bagi masyarakat.

## 1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bererti ilmu mengenai cara mengadakan penelitian atau kajian. Metodologi ialah jalan dan petunjuk kepada pengkaji di dalam memahami sesuatu objek yang menjadi sasaran kajian. Ianya merupakan suatu prosidur yang mesti diikuti demi mendapat pengiktirafan dan kualiti yang tinggi di dalam penyelidikan yang dijalankan.[11]

Penelitian ini bersifat kajian lapangan dengan menggunakan pendekatan kualitatif.[12] Penyelidikan kualitatif merupakan jenis penyelidikan yang bermatlamat untuk memahami peranan kelompok atau interaksi pada situasi sosial tertentu.[13] Penemuan penyelidikan kualitatif tidak diperolehi dari prosidur statistik sahaja melainkan suatu penelitian yang berhubung kait dengan penyelidikan alamiah, interpretasi, kajian lapangan, kajian kes, informan dan etnografik.[14]

Sifat kajian kualitatif tidaklah kaku, melainkan bebas, terbuka dan kemungkinan adanya perubahan-perubahan apabila ditemukan fakta yang lebih menjurus, menarik, unik dan lebih bermakna di lapangan.[15] Selain itu, penyelidikan kualitatif menekankan kepada pencarian makna yang mendalam tentang suatu fenomena.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah kajian kualitatif seperti berikut ini:

---

[11] Imam Barnadib, *Arti dan Metodologi Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP, 1982), 51.
[12] Noeng Muhadjir, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Yogyakarta: Rake Sarasin, 1996), 217-218
[13] J. Lexo Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif,* (Bandung: RemajaRosda Karya, 1997).
[14] H.B. Sutopo, *Beberapa Unsur Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif* (Semarang: Yayasan Sejahtera, 2002).
[15]*Ibid 11,* 42-43.



University of Malaya

### 1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data ialah usaha yang dibuat oleh pengkaji di dalam menghimpun data-data berkaitan dengan kajian daripada sumber-sumber yang diakui. Seterusnya, data-data tersebut dianalisis dan ditafsir bagi matlamat penyelidikan.[16]

Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan beberapa teknik lazim yang digunakan dalam kaedah penelitian kualitatif, iaitu:

### 1.8.2 Kajian Dokumen

Penyelidikan dokumen digunakan sebagai teknik untuk memperoleh data yang berkaitan dengan teori-teori berkenaan, seperti dakwah Islam, perubahan sosial, hukum perundang-undangan, polisi kerajaan negeri terkait pemberlakuan syariat Islam di Aceh dan kanun-kanun yang menjelaskannya. Data-data tersebut berupa dokumen-dokumen yang berautoriti seperti manuskrip, fail rekod dan sebagainya.[17] Selain yang telah disebutkan, buku, majalah, risalah, jurnal, ensiklopedia dan laporan yang berkaitan serta relevan dengan penelitian juga digunakan. Dokumen-dokumen yang menjadi rujukan juga diperolehi daripada perpustakaan-perpustakaan seperti perpustakaan utama Universiti Malaya, perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, perpustakaan Universitas Syiah Kuala, perpustakaan IAIN ar-Raniry Banda Aceh, Pustaka IKADI dan banyak lagi lainnya.

### 1.8.3 Temu Bual

Temu bual ialah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh data dan fakta dengan menemubual individu-individu tertentu. Penggunaan teknik temu bual membolehkan pengkaji mengumpulkan pendapat, pemikiran, pandangan dan

---

[16] Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur:Dewan bahasa dan Pustaka, 1990), 86.
[17] Universiti Malaya, *Buku Panduan Menulis Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Islam, 2006), 15.



University of Malaya

pengalaman dalam bentuk penyertaan secara langsung daripada pemberi maklumat kajian itu sendiri.[18]

Temu bual dijalankan dengan para ahli jawatan kuasa IKADI Aceh sama ada yang masih menduduki jawatannya ataupu sudah. Temu bual juga dijalankan terhadap para pendakwah yang terlibat dalam IKADI mengenai aktiviti dakwah Islam yang telah dilakukan kepada masyarakat tempatan di Aceh. Senarai mereka yang ditemu bual ada dalam Bibliogafi rujukan temu bual di bahagian belakang tesis ini.

### 1.8.4 Kaedah Analisis Data

Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu sumber primari dan sumber sekunder. Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan keadaan yang dikaji dan sumber sekunder ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji.[19]Data primari merupakan data yang didapat dari sumber pertama, seperti hasil temu bual, observasi atau soal selidik. Sedangkan data sekunder merupakan data yang telah diolah oleh pihak lain dan diproses kembali oleh pengkaji.[20]

Keseluruhan data yang telah terkumpul akan mengalami proses penyuntingan sebelum dilakukan proses analisis. Proses ini merupakan peringkat awal untuk memeriksa kecukupan data yang dikumpulkan. Seterusnya baru dilakukan proses analisis dengan tahapan sebagai berikut:[21]

---

[18] Morohaini Yusof, Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah, dalam Morohaini (ed.) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan* (Kula Lumpur: Universiti Malay, 2001), 109.
[19]*Ibid 10*, 94.
[20] Husein Umar, *Metode Penelitian untuk Skripsi dan Tesis* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2005), 42.
[21] A.M. Hubermen dan M.B. Miles, *Analisis Data Kualitatif:Buku Sumber tentang Metode-metode Baru*, judul asli *Qualitative data Analysis*(terjemahan Tjetjep Rohendi Rohidi), UI Press, Jakarta, 1984



University of Malaya

a. Reduksi Data

Dalam peringkat ini, data yang diperoleh di lapangan dipilih, disederhanakan dan dikelompokkan.

b. Penyajian Data

Proses ini dimaksudkan sebagai pengorganisasian data secara lebih sederhana ke dalam bentuk-bentuk matriks, rajah, grafik, skema dan jadual. Dengan penyajian data dalam bentuk-bentuk demikian, diharapkan dapat menggambarkan hubungan antara pelbagai variabel tertentu dapat diwujudkan dalam bentuk yang lebih sederhana dan sistematik.

University of Malaya

# BAB II

# PELAKSANAAN DAKWAH

## 2.1. Dakwah Islamiyah

Dr. Jumu‶ah Amin dalam bukunya Fiqih Dakwah[22] menyebutkan bahawa „Dakwah Islamiyah‟ dimaksudkan sebagai „ Risalah terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai wahyu daripada Allah dalam bentuk kitab yang tiada kebatilan di dalamnya sama ada di depan ataupun di belakangnya, dengan kalam-Nya yang bernilai mukjizat, dan yang ditulis di dalam mushaf yang diriwayatkan daripada Nabi SAW dengan sanad yang mutawatir, yang membacanya bernilai ibadah.

Sedangkan dakwah apabila ditinjau definisinya secara bahasa dan istilah, menurut beliau meliputi:

1. al-Nidā‟ yang ertinya memanggil: da‶ā Fulanun ila Fulanah, ertinya si Fulan memanggil si Fulanah

2. Menyeru; al-du‶ā‟ ila syayin, ertinya menyeru dan mendorong pada sesuatu.

3. al-Da‶wat ila Qaḍiyat; ertinya menegaskannya atau membelanya, baik terhadap yang haq ataupun yang batil, positif ataupun yang negatif.

Di antara makna yang positif iaitu firman Allah SWT, "Bagi-Nya dakwah yang haq." Dan firman-Nya, " Allah menyeru (manusia) ke Darussalam (surga) dan menunjuki orang yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus (Islam)." (Yūnus:25).

---

[22] Jum‶ah Amin Abdul Aziz, Fiqih Dakwah: Studi atas Berbagai Prinsip dan Kaidah yang Harus Dijadikan Acuan dalam Dakwah Islamiah (2011; cet.ke-7, Solo: Era Adicitra Intermedia, 2011).

Di dalam suratnya, Rasulullah SAW berbicara kepada Heraclius, “Saya mengajak kamu dengan di‟āyat (dakwah),” maksudnya dakwah Islam iaitu kalimah syahadah dan ajaran Allah. Oleh itu, orang yang beriman di masa Firaun berkata,

Wahai kaumku, bagaimana kamu ini, aku menyeru kamu kepada keselamatan tetapi kamu justeru menyuruhku ke neraka?. (al-Mu‟min:41).

Di antara yang menyeru kepada yang batil ialah sebuah kisah di dalam al-Qurān tentang Nabi Yusuf sebagai berikut:

Yusuf berkata, “Wahai Tuhanku, penjara lebih aku sukai daripada memenuhi dakwah mereka kepadaku….” (Yūsuf:33)

Maksud kata dakwah di atas ialah kepatuhan kepada wanita-wanita dan terjerumus ke dalam dosa sebagaimana sabda Rasulullah SAW kepada kaum „Aws dan Khazraj ketika mereka bersedia untuk berperang, “Apakah (kalian menyeru) dengan dakwah Jahiliyah, sedangkan aku masih lagi berada di tengah-tengah kalian?”.

Dengan ayat-ayat tersebut, jelaslah bagi kita bahawa ada dakwah menuju surga dan ada pula dakwah menuju neraka.

4. Sesuatu usaha berupa perkataan atau perbuatan untuk menarik manusia ke suatu fahaman atau agama tertentu

5. Memohon dan meminta, sering disebut dengan istilah berdoa.

Allah SWT berfirman,” Dan Allah menyeru (manusia) ke Darussalam (surga)…..

Yang dimaksud di sini iaitu Allah mengajak hamba-Nya untuk melakukan sesuatu yang menyebabkan mereka masuk surga dengan berpegang teguh pada agama-Nya.

Dakwah Islamiyah memerlukan para penyeru yang mengarahkan umat kepada jalan Islam. Para penyeru atau da‟i tidak serta merta dapat berjuang di jalan Islam,

University of Malaya

melainkan harus mempunyai kriteria seperti mana yang disampaikan oleh Dr. Jumuʿʿah Amin. Sifat-sifat daʿī yang dimaksud meliputi:

1. Amānat (terpercaya) merupakan sifat utama yang harus dimiliki seorang dai sebelum sifat-sifat yang lain.

2. Ṣidq (kejujuran dan kebenaran) dalam perkaataan, dalam niat dan kehendak, dalam tekd yang benar, dalam menepati janji dan dalam bekerja

3. Ikhlāṣ (ikhlas)

4. Rahmat (kasih sayang), Rifq (setia) dan Hilm (lemah lembut)

5. Ṣabr (sabar)

6. Hirṣ (perhatian yang besar)

7. Thīqah (yakin)

8. Waʿʿiy (memiliki pengetahuan dan wawasan dengan kondisi zaman)

Seterusnya, beliau mengajarkan bahawa daʿʿi tidak serta merta berjaya melakukan dakwah tanpa memahami kaedah-kaedahnya. Kaedah-kaedah dakwah tersebut meliputi:

1. Memberi keteladanan sebelum berdakwah

2. Mengikat hati sebelum menjelaskan

3. Mengenalkan sebelum memberi beban

4. Bertahap dalam pembebanan

5. Memudahkan bukan menyusahkan

6. Yang pokok sebelum yang cawangan

University of Malaya

7. Membesarkan hati sebelum memberi ancaman

8. Memahamkan bukan memaksa

9. Mendidik bukan menelanjangi

10. Muridnya guru, bukan muridnya buku

**2.2. Definisi Pelaksanaan Dakwah**

Istilah ini berasal daripada dua lafaz, iaitu pelaksaaan dan dakwah. Pelaksanaan, menurut kamus Dewan edisi keempat bererti perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya).[23]

Sedangkan dalam bahasa Inggeris, pelaksanaan dakwah bermaksud *implementation of dakwah* yang menurut kamus Oxford, implementation ertinya adalah

*The process of putting a decision or plan into effect; execution.*

Yang maksudnya iaitu proses meletakkan sebuah keputusan atau rancangan menjadi sebuah pengaruh ataupun akibat.

Sedangkan dakwah, jika ditinjau daripada pengertian mengikut kamus pelajar Dewan Bahasa dan Persuratan, dakwah merupakan penyebaran ajaran sesuatu agama. Jadi jika disebut dakwah Islamiah maka yang dimaksud adalah penyebaran agama Islam. Berdakwah bermakna menyebarkan ajaran sesuatu agama dan pendakwah merupakan orang (golongan) yang menyebarkan ajaran sesuatu agama atau disebut juga mubaligh.[24]

---

[23] http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pelaksanaan
[24] http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=dakwah

University of Malaya

Dari pengertian yang disampaikan di atas, penulis dapat menyimpulkan bahawa pelaksanaan dakwah merupakan rangkaian proses dan melakukan aktiviti dakwah yang didahului dengan rancangan, usaha dan keputusan yang memberikan pengaruh ataupun akibat. Dengan kata lain, pelaksanaan dakwah berkaitan erat dengan metodologi dan pengurusan dakwah.

### 2.2.1. Metodologi Dakwah

Ab. Aziz Mohd Zin meyebutkan bahawa metodologi dakwah merupakan ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara berdakwah. Atau dengan ringkas disebut ilmu atau kajian tentang cara berdakwah, atau disebut juga sebagai sains cara dakwah.[25]

Metodologi dakwah memegang peranan yang sangat penting sebelum pelaksanaan dakwah dilakukan kerana matlamat dakwah sangat ditentukan oleh cara-cara ianya dilakukan. Keperluan cara dalam dakwah sangat jelas jika dilihat kepada kedudukan Islam yang hendak dilakukan kepada sasaran. Islam adalah agama yang agung dan mulia, yang datang daripada Allah subhānahu wa taʿālā untuk seluruh umat manusia. Oleh kerananya para pendakwah kena mengikut cara seperti mana yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW iaitu sebagaimana dalam firman Allah subhānahu wa taʿālā dalam surah al-Nahl : 125

ادع إلى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة و جادلهم بالتي هي أحسن (النحل : 125)

*Ertinya : Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbicaralah dengan cara yang paling sesuai (al-Nahl ; 125)*

Apa yang telah disebutkan dalam al-Qurʾān ini merupakan asas utama dalam metodologi dakwah, iaitu:

---

[25] Ab. Aziz Mohd Zin, Metodologi Dakwah, (Kuala Lumpur,Penerbit Universiti Malaya, 2001), 2



University of Malaya

1. Hikmah

Secara mudah hikmah bererti bijaksana. Sayyd Qutb memberi ulasan yang menarik mengenai hikmah. Beliau menyebutkan bahawa hikmah dalam ayat di atas alah melihat kepada keadaan sasaran dan suasana mereka, kadar yang perlu supaya tidak memberatkan mereka dan tidak menyusahkan mereka sebelum sasaran tersebut bersedia. Ia juga termasuk cara penjelasan dan kepelbagaian mengikut keperluan dan jangan sekali-kali berdasarkan semangat yang boleh terkeluar daripada hikmah.[26]

Sedangkan Al-Bayanuni berpendapat bahawa hikmah ialah suatu uslub yang sesuai dengan keadaan sasaran dan dapat dilakukan dengan bermacam-macam bentuk dan gaya. Ia pula menambahkan hal-hal yang perlu disesuaikan dengan sasaran yang meliputi: pemilihan isi atau pedekatan isi, uslub dengan makna khusus atau bentuk persembahan isi, dan pemilihan saluran atau media.[27]

Hikmah memiliki pengertian yang sangat luas. Ia termasuk segala macam usaha dan cara yang sesuai dan bijaksana berdasarkan kesesuaian sasaran untuk mempengaruhinya.

2. Nasihat yang baik

Nasihat yang baik bererti kata-kata yang disebutkan secara halus, lembut, tenang dan boleh menyejukkan kepanasan hati. Jauh sekali dari menyinggung dan terpancar dari hati yang tulus. Nasihat untuk tujuan dakwah hendaklah dilakukan dengan cara yang baik supaya sasaran dapat memahami adanya kejujuran penasihat dan ianya semata-mata menjaga kepentingan sasaran untuk keperluan dunia dan akhiratnya.

[26] Sayyid Qutb, Fi Zilal Al-Quran (Al-Shuruq, Beirut, 1977),jild 2, 2201-2202
[27] Muhammad Abu al-Fath Al-Bayanuni, al-Madkhal ila „Ilm al-Dakwah (al-Risalah Beirut, 1993),245

University of Malaya

Al-Bayanuni kembali menyampaikan bahawa cara nasihat yang baik memliki berapa keistimewaan seperti berikut:

a. Ia dilakukan dengan perkataan yang lembut dan halus, yang kedudukannya sesuai dengan golongan sasaran.
b. Bentuknya bermacam-macam, yang boleh dipilih mengiku kesesuaian sasaran.
c. Kesannya yang mantap, kerana ia sesuai dengan jiwa manusia.[28]

3. Berbicara dengan cara paling sesuai

Perbincangan dengan cara paling sesuai hendaklah dilakukan denan menjaga adab-adab supaya tidak difahami untuk menjatuhkan pihak yang terlibat dan tidak pula untuk memburukkan dan menghina pendapat yang berkenaan. Apatah lagi perbincangan bersemuka atas nama agama, tentunya agak berat bagi orang Islam melakukannya. Oleh itu, pendakwah harus berhati-hati dalam menyampaikan hujahnya agar kesan baik yang didapati dan bukan sebaliknya.

Al-Bayanuni menjelaskan, perbincangan dengan cara ini mempunyai keistimewaan tertentu, iaitu:

a. Ia berasaskan kepada ilmu dan pengetahuan yang mantap. Kalau tidak, tidak boleh dilakukan dengan cara ini.
b. Mengemukakan alasan dan hujah kepada asaran, dan ia diprlukan oleh Islam kerana kebenaran Islam berdasarkan hujah yang jelas dan alasan yang kukuh.
c. Mendapat kesan yang bermacam-macam, seperti kepuasan fikiran untuk menerima pihak yang kuat hujahnya, menyuburkan intelektual dan dapat

[28] Ibid, 261



University of Malaya

menghilangkan taksub dan ikutan membabi buta terhadap suatu pendapat tanpa usul periksa dan tnpa memkirkan kebenarannya.[29]

Metodologi dakwah, mengikut penjelasan Al-Bayanuni, memiliki kestimewaan umum yang sangat penting bagi kejayaan dakwah yang dilakukan:

1. Ia selaras dengan fitrah manusia. Atas dasar terebut, psikologi sangat diperlukan dalam dakwah.
2. Kepelbagaian bentuk dan cara bagi memenuhi keperluan dakwah dan fitrah sasaran.
3. Berkembang dan berubah berdasarkan masa dan tempat.

Ab. Aziz Mohd Zin[30] menyebutkan, bahawa metodologi dakwah dapat lagi dihuraikan menjadi golongan-golongan:

1. Metodologi berhubung dengan isi kandungan

Ianya mendedahkan tentang cara dakwah dari sudut isi kandungan. Ia menghuraikan tentang pemilihan isi kandungan untuk disesuaikan dengan saran tertentu, yang berbeza satu sama lain. Berdasarkan metode dari sudut ini, akan berlakulah keselarasan antar isi dan keadaan sasaran dan keperluannya. Dengan adanya kaedah ini boleh menarik sasaran dan mempengaruhinya.

2. Metodologi pada gaya persembahan isi

Pada bahagian ini, beliau menjelaskan betapa pentingnya dakwah dilakukan mengikut bentuk dan gaya persembahan isi yang selaras dengan minat dan kegemaran sasaran untuk mempengaruhi mereka. Hal ini telah dilaksanakan oleh pendakwah-pendakwah

---

[29] Muhammad Abu al-Fath Al-Bayanuni, al-Madkhal ila „Ilm al-Dakwah (al-Risalah Beirut, 1993), 267-268

[30] Ab. Aziz Mohd Zin, Metodologi Dakwah, (Kuala Lumpur,Penerbit Universiti Malaya, 2001),83-213



University of Malaya

dahulu yang dapat menghasilkan kejayaan yang baik dalam arena dakwah mereka. Gaya persembahan isi termasuk didalamnya iaitu dalam bentuk memikirkan sesuatu, dengan bercerita, membuat perbandingan, melalui rangsangan, contoh teladan yang baik, syair dan pantun, pujukan dan dalam bentuk tdak langsung (indirect).

3. Metodologi berkaitan dengan saluran media

Pada masa sekarang ini, orang ramai menggunakan banyak saluran media dalam komunikasi di kalangan mereka. Oleh kerana isi dakwah boleh disalurkan kepada sasaran melalui bermacam-macam saluran dan media, maka perlulah dicari kesesuaian dalam penggunaannya untuk menyampaikan isi dakwah dan mesejnya kepada sasaran. Metode ini memilih media yang sesuai dalam penyampaian kandungan dakwah kepada sasaran, baik media tradisional, media cetak, dan media elektronik serta media sosial.

4. Metodologi melalui pendekatan psikologi

Dakwah melalui pendekatan psikologi bererti dakwah mengikut cara psikologi atau pnggunaan psikologi dalam dakwah. Dakwah dengan cara ini adalah penting kerana ia membawa pengaruh dan kesan yang besar kepada sasaran. Beberapa bagian dalam psikologi yang boleh dimanfaatkan iaitu seperti penggunaan perkara-perkara yang boleh menarik perhatian sasaran, motif, emosi, peneguhan, status, sosial dan perkembangan.

### 2.2.2. Pengurusan Dakwah

Griffiths menyatakan bahawa pengurusan adalah salah satu corak tingkah laku yang diperoleh dalam semua organisas manusia. Ianya adalah proses mengatur dan mengawal sesuatu organsasi sosial.[31] Secara umumnya, pengurusan adalah suatu proses merancang, menyusun, mengwal dan memimpin seseebuah organisasi untuk mencapai

[31] Griffiths (1959), Administration Theory, Boston: Houghton Mifflin Company, h. 13



University of Malaya

matlamat-matlamat yang telah ditetapkan. Pelaksanaan proses itu memerlukan kerjasama antara pihak pengurusan dan kaki tangan umum(pekerja) dan ia melibatkan beberapa unsur iaitu matlamat (nilai), sistem, kaedah, pengurus, kaki tangan (pekerja) dan teknologi (alat). Sekiranya ketiadaan salah satu unsur-unsur tersebut akan mengganggu kelicinan proses pengurusan dan menjauhkan organisasi dari mencapai matlamatnya.[32]

Pengurusan juga boleh membawa maksud segala aktiviti yang mencakupi keseluruhan proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sesebuah organisasi. Merancang bermaksud menetapkan matlamat, mengenal pasti strategi dan membina perancangan untuk menyelaraskan aktiviti.Manakala mengorganisasi bermaksud menentukan tugas yang perlu dilakukan,bagaimana untuk dilakukan dan siapa yang akan bertanggungjawab. Memimpin pula melibatkan proses mempengaruhi tenaga kerja dengan cara berkomunikasi, memberikan motivasi dan menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan tingkah laku pekerja dan mengawal pula melibatkan proses pemantauan aktiviti, menilai pencapaian, membandingkannya dengan tahap standart dan mengambil tindakan jika perlu serta memastikan kerja dijalankan mengikut rancangan.[33]

Pengurusan dakwah ditakrifkan juga sebagai pengurusan yang mampu menentukan matlamat dakwah yang sebenar, menentukan objektif yang harus dicapai supaya matlamat objektif, strategi dan program yang wajar dilaksanakan, mengawal dan melaksanakan segala tugas yang telah ditentukan, mengenal pasti segala masalah dan strategi pelaksanaan dan membiayai segala program yang telah dirancang.[34]

---

[32] Abdullah Muhammad Zin (2004), "Falsafah dan Etika Pengurusan Islam", dalam Ali Yakub Matondang et al. (eds.), Asas Kecemerlangan Ummah, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 15.

[33] Mohd Salleh Aman, Asas Pengurusan Sukan, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,2006), h. 9

[34] Syed Othman al-Habshi, Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah,dalam Abdullah Muhammad Zin, et. al, Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembagunan Malaysia (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), h.112



University of Malaya

Mohamad Nazli bin Omar dalam disertasinya menyimpulkan bahawa pengurusan dakwah harus memperlihatkan beberapa ciri penting dan utama iaitu:

a. Pengurusan dakwah perlu mempunyai beberapa tindakan yang dikenali sebagai empat proses utama iaitu perancangan, pengorgansasian, kepimpinan dan kawalan atau tanggungjawab dakwah.
b. Pengurusan dakwah perlu dipusatkan melalui institusi yang kuat dengan diketuai seorang pemimpin.
c. Pengurusan dakwah perlu mempunyai matlamat dan strategi dalam mencapai matlamat yang telah digariskan.
d. Pengurusan dakwah perlu kepada kesepaduan tenaga kerja dalam menjalankan kerja-kerja dakwah atau dengan kata mudahnya ia perlu kepada sumber manusia untuk menjalankan segala program yang telah dirancang.

Kesimpulan beliau, pengurusan dakwah merupakan suatu gerak kerja yang tersusun dan berencana bagi memastikan Islam dapat disebarkan dengan jayanya.[35]

Dari huraian yang cukup panjang di atas, dapat dikatakan bahawa pelaksanaan dakwah merupakan rangkaian metodologi dan pengurusan dakwah yang telah dilaksanakan dan memberikan pengaruh serta akibat positif dalam menegakkan syiar Islam di bumi Allah.

University of Malaya

---

[35] Mohamad Nazli bin Omar, Pengurusan Dakwah d Negeri Maju: Kajian tentang Cabaran dan Masalahnya di Melaka, (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2013), h.56-57

# BAB III

# GERAKAN DAKWAH DI ACEH

## 3.1. Sejarah Islam di Aceh

Aceh (bahasa Belanda Atchin atau Acheh, bahasa Inggeris Achin, bahasa Perancis Achen atau Acheh, bahasa Arab Asyi, bahasa Portugis Achen atau Achem, bahasa Tionghoa A-tsi atau Ache) yang sekarang dikenal sebagai Nanggroe Aceh Darussalam juga dikenali dengan sebutan Seuramoe Mekkah (Serambi Mekkah). Hal ini menunjukkan bahawa Islam sudah mendarah daging di tanah Aceh. Islam mula masuk ke tanah Aceh dalam kisaran abad ke delapan hinggakan tiga belas Masihi. Perbezaan pendapat ini berasaskan kepada kajian-kajian para sejarawan. Kajian awal menyimpulkan bahawa Islam telah masuk ke Aceh dalam abad ketiga belas Masihi dengan bukti bahawa kerajaan Peureulak di Sumatera bahagian utara sudahpun menerima Islam pada masa tersebut.[36] Pendapat ini diterima selama berabad-abad lamanya namun kini para pakar sejarah mulai mempermasalahkan kebenarannya. Keraguan ini boleh dipahami kerana kajian ini didasarkan pada tulisan sejarawan Barat yang bukan Islam. Ianyapun boleh jadi disebabkan sejarawan period awal.

Kajian ke belakangan yang dilakukan sama ada oleh sejarawan barat ataupun sejarawan Nusantara memberikan penilaian yang berbeza. Sebahagian daripada kalangan mereka ada yang berpendapat bahawa Islam masuk ke Aceh pada pertengahan abad kedua belas Masihi, sebahagiannya lagi ada yang berpendapat pada abad ketujuh Masihi atau abad pertama Hijrah. Pendapat pertama disokong oleh catatan Marco Polo (1271-1295 M), seorang pakar sejarah dan penjelajah Eropah yang pernah singgah di Aceh pada tahun 1292 M. Ia menyebutkan bahawa Kerajaan Peureulak (1261-1297 M) sudah menganut agama Islam dan Kerajaan Samudra Pasai sudah mempunyai seorang

[36] Osman, Raliby,“Aceh: Sejarah dan Kebudayaan”, dalam Ismail Suny. Bunga Rampai tentang Aceh (Jakarta: Bharata Karya Aksara, 1980), h. 21.



University of Malaya

raja yang beragama Islam.[37] Selain Marco Polo, seorang penjelajah muslim, Abu Abdullah Ibnu Batutah (725 H/125 M) atau lebih dikenali dengan nama Ibnu Batutah yang mengunjungi kerajaan Samudra Pasai pada tahun 1343 M mencatat bahawa masa itu semua orang yang berdiam di pantai utara Aceh sudah menganut Islam atas kemahuan sendiri. Dalam kitab Rihlah Ila al-Masyriq (Pengembaraan ke Timur), musafir Maroko ini bercerita bahawa Sultan Malik al-Ẓāhir yang merupakan penerus Sultan sebelumnya menyambutnya dengan penuh keramahan. Menurut Ibnu Batutah, penduduk Samudra Pasai menganut mazhab Syāfiʿī.[38]

Pendapat ini juga disokong oleh sejarawan Nusantara, salah seorang daripadanya ialah Prof. Dr. Syed Naquib al-Attas yang menyebutkan bahawa Syarif Makkah telah mengirimkan Syeikh Ismail sebagai ketua rombongan di dalam penyebaran Islam ke Sumatera Bahagian Utara. Syeikh Ismail berjaya mengislamkan kerajaan Samudra Pasai beserta rajanya iaitu Raja Meurah Silu (Meurah bermakna Maharaja dalam bahasa Aceh) yang bertukar nama menjadi Malikus Saleh pada tahun 682 H/1282 M.[39]

Sementara itu, Prof. Dr. Slamet Mulyana yang berpedoman kepada sejarah Melayu menerangkan bahawa kerajaan Samudra Pasai yang telah mula dikenal pada tahun 1282 M menandakan Islam di Samudra Pasai telah berkembang pada abad ketiga belas Masihi.[40]

Pendapat yang menyatakan bahawa Islam telah masuk ke Aceh pada abad ketujuh Masihi disokong oleh ramai para pakar Sejarah Islam moden. Salah seorang daripadanya iaitu Haji Abdul Malik Karim Abdullah atau lebih dikenali dengan sebutan Hamka yang mengatakan bahawa Islam telah beransur-ansur datang ke Indonesia

---

[37] Syed Naquib Al-Attas, Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archipelago (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), h. 21.
[38] Banda Aceh, Kota Banda Aceh hampir 1000 Tahun, Pemerintah Kotamadya Daerah Tingkat II Banda Aceh, 1998.
[39] Ibid
[40] Slamet Mulyana, Kuntala Sriwijaya dan Suwarnabhumi (Jakarta: Yayasan Idayu, 1981), h. 256.



University of Malaya

bermula pada abad pertama Hijrah atau seiring dengan abad ketujuh Masihi. Ianya dibawa oleh saudagar-saudagar Islam dari Arab, Parsi mahupun Gujarat.[41] Hamka juga menyebutkan bahawa Meurah Silu memaklumkan dirinya sebagai Sultan Kerajaan Samudra Pasai yang pertama dari Kerajaan Islam pertama di Nusantara.[42]

Pakar sejarah lainnya seperti Haji Muhammad Said merujuk kepada satu pendapat yang menyebutkan bahawa Sultan Pertama Peureulak ialah Sultan Alaudin Said Maulana Abdul Aziz Syah yang memerintah pada tahun 225-244 H/840-864 M. Ia menyimpulkan dengan tegas bahawa Islam masuk ke Peureulak pada abad kedua Hijrah atau abad ketujuh Masihi dengan bukti adanya Kappa, saudagar Gujarat yang telah datang ke Peureulak pada tahun 173 H atau 790 M. Mengenai Samudra Pasai, ia mengatakan bahawa permulaan Kerajaan Islam di sana ialah pada masa Maha Raja Mahmud Syah iaitu di tahun 43 H atau 1024 M, dua ratus tahun terdahulu daripada Malikus Saleh.[43]

Sedangkan seorang penulis lagi, Sirajuddin Abbas, memperkirakan bahawa Islam kemungkinan besar sudah masuk ke Aceh pada masa Khalifah Umar bin al-Khattab (634-644 M). Kejayaan Umar yang menaklukkan Rom dan Parsi mempengaruhi orang-orang Parsi di Peureulak dan Pasai sehingga Parsi runtuh pada tahun 638 M. Oleh itu, sebahagian pakar Sejarah berpendapat bahawa Islam sudah berada di Sumatera pada masa tersebut.[44] Pendapat ini dikuatkan dengan kenyataan daripada Dr. Haji Abdullah Ishak yang menyebutkan bahawa pada masa Khalifah Umar

University of Malaya

[41] Hamka, "Masuk dan Berkembangnya Agama Islam di Daerah Pesisir Sumatra" dalam Risalah SeminarMasuknya Islam ke Indonesia (Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, 1963), h. 87.
[42] Hamka, Dari Perbendaharaan Lama (Medan: Maju, 1963), h. 12.

[43] Haji Muhammad Said, "Mencari Kepastian tentang Mula dan Cara Masuknya Agama Islam ke Indonesia", dalam Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia (Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, 1963), 191.
[44] Sirajuddin Abbas, Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafii (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1972), h. 218.

bin al-Khattab telah ramai orang Parsi yang memeluk agama Islam dan begitu juga dengan keturunannya yang bermastautin di Peureulak dan Pasai.[45]

Merujuk kepada pendapat pakar sejarah Nusantara iaitu Mr. S. M. Amin mengatakan bahawa Islam sudah ada di Aceh pada abad ketujuh Masihi iaitu di Peureulak dan Pasai.[46] Hal ini selari dengan pendapat sejarawan Aceh iaitu Prof. A. Hasymy yang mengatakan bahawa Islam masuk ke Nusantara melalui Aceh pada awal abad pertama Hijrah dengan Kerajaan Islam Pertama Peureulak yang ditubuhkan pada tarikh 1hb Muharram 225 H.[47]

Kesimpulan bahawa Islam sudah masuk di Nusantara pada abad pertama Hijrah atau abad ketujuh Masihi dan pulau Sumatera sebagai tempat mula pertama masuknya Islam dikokohkan dalam seminar masuknya Islam ke Indonesia yang berlangsung di Medan pada tahun 1963 M. Para pakar Sejarah yang berkumpul dalam seminar tersebut sepakat bahawa Kerajaan Islam Pertama di Nusantara ini berada di Aceh.[48]

### 3.2. Dakwah dan Pelaksanaan Syariat Islam (Hukum Hudud) di Aceh

Syeikh Yusuf al-Qarāḍawī berpendapat bahawa syariat berasal daripada kata syir‛‛ah dan syari‛‛ah yang bererti suatu tempat yang dijadikan kemudahan mengambil air secara terus sehingga orang yang mengambilnya tidak memerlukan alat lain. Secara etimologi, syariat Islam bererti peraturan atau ketetapan yang Allah perintahkan kepada hamba-Nya seperti shalat, puasa, zakat, haji dan semua kebajikan yang dikerjakan

[45] Haji Abdullah Ishak, Islam di Nusantara, Khususnya di Tanah Melayu (Malaysia: Al-Rahmaniyah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam, 1990), h. 29.
[46] Mr. S. M. Amin, “Sejenak Meninjau Aceh Serambi Mekkah”, dalam Ismail Suny, Bunga Rampai tentang Aceh (Jakarta: Bhrata Karya Aksara, 1980), h. 51.
[47] A. Hasjmy, “Dari Tanah Aceh Kebudayaan Islam Mulai Sejarahnya di Nusantara” (Banda Aceh: Sinar Darussalam, No. 172/173. YPD. Unsyiah-IAIN Ar-Raniry, 1989), h. 16.
[48] Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia (Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, 1963), 265.



University of Malaya

semata-mata kerana mengikut perintah Allah SWT.[49] Menurut Syeikh Yusuf al-Qaraḍāwī kata syariat dalam bentuk kata kerja disebutkan sebanyak lima kali dalam al-Qur‟ān , iaitu dalam sūrah al-Mā‟idah ayat 48 dan , sūrah al-Jāthiyah ayat 45, sūrah al-Syu‟arā‟ ayat 13 dan 21.[50] Sedangkan kata syariat itu sendiri disebut satu dalam al-Qur‟ān iaitu terdapat dalam sūrah al-Jāthiyah ayat 45.[51]

Menurut Muhammad Shallābī, syariat Islam adalah keseluruhan teks al-Qur‟ān dan al-Sunnah sebagai ketentuan Allah swt dan menjadi pegangan hidup bagi manusia yang mengatur hubungan khas antara manusia dengan Allah swt dan sebahagiannya lagi ialah mengatur hubungan antara manusia satu dengan yang lainnya dalam kehidupan bermasyarakat. [52]

Pakar agama Abdullah Yusuf Ali menyebutkan bahawa syariat islam sebagai the right way of religion iaitu jalan agama yang benar yang sebahagiannya berkaitan antara manusia dengan Allah subhānahu wa ta‟ālā dan hubungan antara manusia itu sendiri dengan komunitinya.[53] Syariat Islam merupakan undang-undangNya Allah subhānahu wa ta‟ālā yang menyeluruh dalam kehidupan manusia.

Syariat Islam meliputi tiga bidang iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Sering orang menyamakan syariat Islam dengan fiqah dan hukum Islam ataupun syariah yang sesungguhnya hanya sebahagian daripada ajaran Islam. Pemahaman yang begini, ramai

University of Malaya

---

[49] Yusuf al-Qaraḍāwī, Membumikan Syariat Islam: Keluwesan Aturan Ilahi untuk Manusia (Jakarta: Arasy Mizan, 2003), h. 13
[50] Ibid, h. 13-15.
[51] Taufik Adnan Amal dan Samsu Rizal Pangabean, Politik Syariat Islam (dari Indonesia hingga Nigeria) (Jakarta: Pustaka Alfabet, 2004), h. 4.
[52] Muhammad Shallābī, al-Madkhal fī al-Ta‟rīf bi al-Fiqh al-Islāmī (Beirut: Dar al-Nahḍah al-„Arabiyyah, 1969), h. 28.
[53] Abdullah Yusuf Ali, The Holy al-Qur‟ān: text, Translation and Commentary (Maryland: Amana Corporation, 1989), h. 1297

diikuti oleh orang Islam tak terkecuali orang Aceh. Menurut mereka, syariat Islam yang dilaksanakan di Aceh hanya berkaitan dengan aspek „uqūbat dan jināyat.[54]

Syariat Islam dalam konteks menyeluruh menempatkan manusia sebagai subjek dalam menjalankan ajaran Allah melalui pelaksanaan syariat Islam. Kedudukan manusia sebagai pelaku dalam usaha mengamalkan syariat Islam memiliki dua sudut pandang yang tidak dapat dipisahkan antara satu dengan lainnya. Sudut pandang yang dimaksud adalah manusia sebagai subjek dan objek yang mengatur dan melaksanakan syariat.

Manusia sebagai subjek diertikan dengan kemampuan untuk berusaha menjadikan syariat Islam sebagai panduan hidup dalam rangka mewujudkan kemaslahatan, samaada yang bersifat zahiriah mahupun batiniah. Dalam sudut pandang ini manusia memerlukan pentafsiran sebagai ijtihad untuk memahami teks syariat yang terkandung di dalam Al-Qur"ān dan Hadith. Tingkat kemampuan dalam memahami dan melakukan pentafsiran terhadap teks ayat-ayat suci akan menentukan tingkat kemaslahatan yang dapat diwujudkan dalam aturan.[55]

Sebaliknya, pemahaman terhadap al-Qur"ān dan al-Sunnah yang tidak utuh dan menyeluruh akan memberikan suatu kepahaman yang salah dan tidak mampu mengungkapkan aspek serta nilai-nilai kemasyarakatan dalam kehidupan manusia. Sedangkan kedudukan al-Qur"ān sebagai sumber syariat Islam adalah memberi tuntunan dan kemaslahatan kepada umat manusia sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Pada sudut pandang kedua, manusia berkedudukan sebagai objek yang akan diatur dan dilindungi oleh syariat. Perilaku manusia yang diatur syariat tidak hanya

---

[54] Alyasa" Abubakar, Peranan Program Pascasarjana dalam Pelaksanaan Syariat Islam di Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Kertas Kerja, disampaikan pada PPS IAIN Ar-Raniry (Banda Aceh: 2006), h. 29.
[55] Daniel Djuned, Konsep Teoritis Syariat Islam dalam Konteks Keacehan (Langkah Awal Penelusuran Format Awalnya) (Banda Aceh, 1999), h. 11.



University of Malaya

terbatas kepada kehidupan manusia terhadap dirinya sahaja tetapi ianya juga hubungan manusia dengan manusia lain dan juga manusia dengan alam.[56]

Pola pikir sedemikian sudah sejak lama dipraktikkan dalam sejarah kemanusiaan pelaksanaan syariat Islam. Hal ini nampak jelas dalam perkembangan ijtihad hukum Islam terutama pada zaman sahabat dan sesudahnya. Ketika itu permasalahan hukum terus menerus muncul sesuai dengan perluasan wilayah kekuasaan Islam sedangkan wahyu telah terputus. Ajaran Islam yang termuat dalam al-Qur"ān dan al-Sunnah dipahami para sahabat dalam konteks global dengan semangat sosiologis yang berpandu kepada anggapan bahawa syariat Islam membawa misi rahmatan lil „ālamīn.[57]

Perkembangan ijtihad yang didasari semangat universaliti, fleksibiliti dan sosiologi sebenarnya telah ditunjukkan dalam al-Qur"ān. Pengharaman arak dan amalan riba yang dilakukan secara bertahap sesuai dengan tingkat dan kemampuan masyarakat menerima pelarangan atau pembebanan suatu hukum.[58] Hal ini menunjukkan bahawa al-Qur"ān sangat memperhatikan keadaan sosiologi, antropologi dan tradisi yang telah mengakar di dalam masyarakat. al-Qur"ān tidak secara langsung mengharamkan sesuatu amalan yang telah menjadi budaya, namun secara bertahap menjelaskan sisi positif dan negatif meminum arak dan amalan riba sambil membiarkan masyarakat merasakan kemaslahatan dan kemudharatan dari amalan tersebut.

Keadaan suatu masyarakat serta kondisi sosiologi dan budaya sangat berperan dalam kemampuan masyarakat tersebut menerima sebuah hokum. Oleh itu sepatutnya hokum-hukum yang terkandung di dalam al-Qur"ān harus dipahami semangat sosiologi yang terkandung di dalamnya. Dengan kata lain, asbāb al-nuzūl dan asbāb al-wurūd

[56] Syahrizal Abbas, Hukum Adat dan Hukum Islam di Indonesia (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2003), h. 36.

[57] Rusjdi Ali Muhammad,Revitalisasi Syariat Islam di Aceh: Problem, Solusi dan Implementasinya (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2003), h. 17-19.

[58] Mahmud Syaltut, Al-Islām, Aqīdah wa al-Syar"īyyah (Kuwait: Mathabi" Dar al-Kalam, 1964), h. 92.



University of Malaya

memegang peranan penting dalam mengungkap realiti dan keadaan sosial ketika hukum itu disyariatkan.[59]

Kedua pendekatan ini dipraktikkan secara kontekstual sejak masa para sahabat. Salah seorang daripadanya ialah Umar bin al-Khattab. Umar menunjukkan kepahaman yang luar biasa terhadap teks-teks Qur‟ānī, terutama dalam kerangka sosiologi dan bukan semata-mata membatasi diri pada bidang fiqah sahaja. Umar telah Berjaya meletakkan jiwa syariat Islam dalam bingkai sosiologi pada putusan-putusan ijtihadnya.[60]

Salah satu ijtihad Umar yang terkenal adalah ketika ia tidak memotong tangan pencuri pada zaman ketika musim kekurangan bahan makanan. Kebuluran dan kemiskinan yang melanda rakyat boleh jadi menyebabkan rakyat bertindak jenayah kerana tuntutan hidup. Sekali pandang, apa yang dilakukan Umar nampak sebagai penentangan terhadap perintah Allah dalam sūrah al-Mā‟idah ayat 38. Namun, Umar berpendapat bahawa kebuluran dapat dijadikan sebagai asas untuk menunda bahkan meniadakan hukuman maksimum terhadap pencuri pada masa itu. Menurut Umar, masyarakat dalam keadaan kebuluran dan kemiskinan telah membuat tidak terpenuhinya unsur-unsur jenayah dalam perkara pencurian.[61]

## 3.3. Syariat Islam di Aceh dari Masa ke Masa

Islam mula masuk pertama kali ke Aceh adalah pada abad pertama Hijrah atau abad ketujuh Masihi, kemudian berkembang luas ke seluruh Nusantara. Kerajaan Islam pertama yang ditubuhkan adalah Kerajaan Peureulak pada tarikh 1 Muharram 225 H.

[59] Mustafa Ibrāhīm al-Zilmi, Dilalat al-Nusyusy wa Thuruq Istinbath Al-Ahkam fi Daw Ushul Fiqh Al-Islam (Bagdad: Matba‟ah As‟ad, 1983), h. 61
[60] Muchlis Usman, Kaedah-kaedahUshuliyah dan Fiqhiyah:Pedoman Dasar dalam Istinbath Hukum (Jakarta: Raja Grafindo, 1999), h.10
[61] Mustafa Ibrāhīm al-Zilmi, Dilalat al-Nusyusy wa Thuruq Istinbath Al-Ahkam fi Daw Ushul Fiqh Al-Islam (Bagdad: Matba‟ah As‟ad, 1983), 48

University of Malaya

Raja pertamanya ialah Sultan Alauddin Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah yang memerintah dari tahun 840 M sehingga 864 M. Ibu kotanya bernama Bandar Khalifah. Kemudian sejak raja yang keempat iaitu Sultan Makhdum Alauddin Malik Abdul Kadir Syah Jihan berdaulat memangku jawatan pada tahun 306-310 H fahaman rasmi kerajaan ialah fahaman ahlus sunnah wal jamaah dengan berpegang kepada mazhab Imam Syafii.[62] Dan kemudian, ajaran ini dikekalkan oleh raja-raja seterusnya.

Pada masa kerajaan-kerajaan Islam di Aceh dipersatukan oleh Sultan Ali Mughayat Syah menjadi kerajaan Islam Aceh, beliau menamakan ibu kotanya sebagai Bandar Aceh Darussalam pada tahun 1511 M. Seterusnya pada zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636 M), hukum Islam telah diterapkan secara menyeluruh meliputi aspek „ibādāt, ahwal syakhṣiyyah, mu‟āmalat, māliyyah, jināyat, „uqūbat, iqtiṣādiyyah, akhlāqiyyah dan „alāqāt dawliyyah.[63] Pada masa kepimpinan Sultan Iskandar Mudalah, zaman kegemilangan kerajaan Aceh Darussalam dicapai. Wilayah kekuasaannya mencakupi seluruh wilayah Aceh, tanah Melayu (iaitu Melaka, Perak dan Pahang), Pattani (selatan Thailand) serta sampai ke Kesultanan Deli di Sumatera Utara. Armada laut kerajaan Aceh Darussalam disegani oleh negeri-negeri di sekitar Lautan Hindi, Selat Melaka bahkan sampai ke Turki dan Cina, Aceh juga menjalin hubungan perniagaan mahupun diplomasi dan politik dengan Negara Cina, India, Turki, Portugis, Belanda, Inggeris, Perancis dan Arab.[64]

Sejarah membuktikan bahawa syariat Islam telah diamalkan di Aceh pada masa kerajaan-kerajaan Islam mentadbir bumi Aceh. Pada masa kepimpinan sultan ketiga belas iaitu Sultan Alaudin Riayat Syah al-Kahar (1537-1571 M) telah dilaksanakan

University of Malaya

---

[62] Muslim Ibrahim, Langkah-langkah Penerapan Syariat Islam di Aceh (dalam Lahmuddin Nasution et.al 2004) Penerapan Syariat Islam di Indonesia: Antara Peluang dan Tantangan (Jakarta: Global Media Cipta Publishing, 2004), 177.

[63] Muslim Ibrahim, Syariat Islam di Aceh dalam Konteks Kekinian (dalam Safwan Idris ed 2000) Syariat dalam Wilayah Syariat (Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2000), h.1.

[64] A.K. Jakobi, Aceh dalam Mempertahankan Perang Kemerdekaan 1945-1949 dan Peranan Teuku Hamid Azwar sebagai Pejuang (Jakarta: Gramedia Pustakatama, 2004), h.40.

hukuman rejam terhadap kes perzinaan kepada dua orang yang telah berzina manakala masing-masing mereka telah menikah.[65]

Seorang Sultan lainnya dari negeri di luar Aceh, yaitu Raja Lingga XIV yang hidup sezaman dengan Sultan Alaudin Riayat Syah al-Kahar, pernah dijatuhkan hukuman diat seratus ekor kerbau oleh Qāḍī al-Mālik al-„Adl (Hakim Agung Kesultanan) kerana terbukti dengan sengaja membunuh adik tirinya. Seterusnya, Sultan Iskandar Muda (1607-1675 M) pernah menjatuhkan hukuman rejam kepada Meurah Pupoek iaitu anak kandungnya sendiri dan putera mahkota kerana terbukti berzina dengan salah seorang istri bangsawan di persekitaran istana.[66]

Pelaksanaan syariat Islam yang telah diamalkan dari masa-masa terdahulu dalam sejarah Aceh, merupakan sebuah keyakinan dan keperluan yang asas dalam masyarakat Aceh. Seorang penulis, Dody S. Trune, dalam bukunya memaparkan bahwa sehingga masa sekarang ini para ulama masih melakukan pengawasan terhadap situasi Aceh dan segala sesuatu yang menyalahi keyakinan mereka akan ditegur oleh mereka. Sekitar tahun 1970 para ulama bersama umarā‟‟ (pemerintah) sepakat bahawa sesuatu yang berbau maksiat dilarang di Aceh.[67]

Seorang penulis barat, Elizabeth F. Drexler menyebutkan bahawa orang-orang yang dia jumpai di Aceh majoriti tidak menolak pemberlakuan hukum Islam di Aceh. Masyarakat sangat bergembira dengan pemberlakuan hukum Islam.[68]

Hal ini sesuai dengan kesimpulan daripada Abdullahi Ahmed al-Naīm, seorang penulis, yang menyebutkan bahawa ada keperluan yang sangat mendesak untuk terus menerus

---

[65] Ayang Utriza Nway, Adakah Penerapan Syariat Islam di Acheh? (Tinjauan Sejarah Hukum di Kesultanan Acheh tahun 1516-1688 M) (Banda Aceh: Jurnal Gelombang Baru, edisi IV, 2009), h. 22-23.
[66] Alyasa‟‟ Abubakar,Syariat Islam di Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam,paradigma, kebijakan dan kegiatan (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Propinsi Aceh, 2008), h. 389-390.
[67] Dody S. Trune & Ismatu Rapi, Pranata Islam di Indonesia: Pergulatan Sosial, Politik, Hukum dan Pendidikan (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2002), h. 127
[68] Elizabeth F. Drexler, Aceh, Indonesia: Securing the Insecure State (University of Pennsylvania, 2008), h. 208.



University of Malaya

mewujudkan proses reformasi Islam, merekonsiliasi komitmen keagamaan seorang muslim dengan keperluan praktikal masyarakat pada masa kini. Pendapat ulama-ulama Islam menjadi bagian shariah melalui konsensus kaum mukmin.[69]

Pada awal kemerdekaan Indonesia, masyarakat Aceh menunjukkan hasrat yang sangat kuat untuk melaksanakan syariat Islam secara sempurna dan menyeluruh. Hal sedemikian dikeranakan bagi masyarakat Aceh melaksanakan syariat Islam adalah merupakan satu kewajipan agama, tidak kira siapa dan keadaan apapun. Setiap orang Islam wajip berusaha untuk dapat melaksanakan syariat Islam secara sempurna dalam kehidupannya.[70]

Pada masa Undang-undang Darurat Nombor 1 tahun 1950 berkuat kuasa mentadbir Aceh, Mahkamah Syar"iyyah dan semua mahkamah disatukan ke dalam mahkamah negeri. Pemerintah daerah, dewan legislatif, parti politik dan pertubuhan awam di Aceh menggesa agar Mahkamah Syar"iyyah diberi status yang jelas dan diperakui secara rasmi oleh pemerintah pusat. Berikutan pada Ogos 1959 pemerintah pusat mengeluarkan Peraturan Pemerintah Nombor 29/1957 tetang pembentukan mahkamah agama di seluruh Aceh, lengkap dengan susunan dan kewenangannya. Peraturan tersebut mengikat mahkamah agama untuk memiliki kekuasaan hanya pada hukum keluarga dan warisan sahaja serta hanya dapat dilaksanakan setelah memperoleh „pengukuhan" daripada mahkamah negeri.[71] Penolakan ini sangat mengecewakan masyarakat Aceh, ditambah lagi dengan menggabungkan Aceh dengan Sumatera Utara sehingga menimbulkan penentangan kepada pemerintah pusat.

---

[69] Abdullahi Ahmed an-Naim, Islam dan Negara Sekular: Menegosiasikan Masa Depan Syariah (Bandung: Mizan, 2007), h. 39.
[70] Ibid 19, h. 37.
[71] Ibid 16, h. 53.



University of Malaya

Penentangan itu mencapai kemuncaknya ketika tokoh terkemuka Aceh, Daud Beureueh, memaklumatkan Negara Islam Indonesia (NII) di bawah kepimpinan Imam Soekarmadji Maridjan Kartosoewirjo pada tanggal 20 September 1953.

Isi maklumat Negara Islam Indonesia (NII) di Aceh adalah sebagaimana berikut:

*"Dengan lahirnya peroklamasi Negara Islam Indonesia di Atjeh dan daerah sekitarnya, maka lenjaplah kekuasaan Pantja Sila di Atjeh dan daerah sekitarnya, digantikan oleh pemerintah dari Negara Islam.*

*Dari itu dipermaklumkan kepada seluruh Rakjat, bangsa asing, pemeluk bermacam2 Agama, pegawai negeri, saudagar dan sebagainja:*

*1. Djangan menghalang2i gerakan Tentara Islam Indonesia, tetapi hendaklah memberi bantuan dan bekerdja sama untuk menegakkan keamanan dan kesedjahteraan Negara.*

*2. Pegawai2 Negeri hendaklah bekerdja terus seperti biasa, bekerdjalah dengan sungguh2 supaja roda pemerintahan terus berdjalan lantjar.*

*3. Para saudagar haruslah membuka toko, laksanakanlah pekerdjaan itu seperti biasa. Pemerintah Islammendjamin keamanan tuan2.*

*4. Rakjat seluruhnya djangan mengadakan sabotage, merusakkan harta vital, mentjulik, merampok, menjiarkan kabar bohong, inviltratie, propakasi dan sebagainya jang dapat mengganggu keselamatan Negara. Siapa sadja jang melakukan kedjahatan2 tsb akan dihukum dengan hukuman Militer.*

*5. Kepada tuan2 bangsa Asing hendaklah tenang dan tenteram, laksanakanlah kewadjiban tuan2 seperti biasa, keamanan dan keselamatan tuan2 didjamin.*

University of Malaya

*6. Kepada tuan2 yang beragama selain Islam djangan ragu2 dan sjak wasangka, jakinlah bahwa pemerintah NII mendjamin keselamatan tuan2 dan agama yang tuan peluk, karena Islam memerintahkan untuk melindungi tiap2 Umat dan agamanja seperti melindungi Umat dan Islam sendiri. Achirnja kami serukan kepada seluruh lapisan masjarakat agar tenteram dan tenang serta laksanakanlah kewadjiban masing2 seperti biasa.*

*Negara Islam Indonesia*

*Gubernur Sipil/Militer Atjeh dan Daerah sekitarnja,*

*MUHARRAM 1373*

*Atjeh Darussalam*

*September 1953*[72]

Kandungan peroklamasi tersebut menyatakan bahawa pemerintahan yang baharu ialah pemerintahan yang berasaskan syariat Islam. Oleh itu, hendaklah semua elemen masyarakat menyokong dan mendokong pemerintahan baharu tersebut. Di dalamnya juga dinyatakan jaminan keamanan dan keselamatan kepada warga asing walaupun beragama tidak Islam untuk tetap melaksanakan akitiviti seperti biasa. Negara Islam yang baru ditubuhkan menjamin umat selain islam sebagaimana terhadap umat Islam sendiri. Namun kondisi ini tak bertahan lama. Pada bulan Disember 1962, Daud Beureueh menyerahkan diri kepada pemerintah Indonesia setelah pemimpin NII tertangkap.

Pada tahun 1959 melalui Keputusan Perdana Menteri Nombor I/Missi/1959, pemerintah pusat memberikan status Daerah Istimewa kepada Aceh dalam tiga aspek,

[72] Sekretariat Negara RI, 30 Tahun Indonesia Merdeka, 1950-1964, Jakarta, 1986.



University of Malaya

iaitu agama, pendidikan dan adat istiadat.[73] Namun ini tak dapat dilaksanakan dengan baik, apatah lagi pada masa orde baru sistem keadilan hukum adat dihapus kerana pemerintah pusat mengeluarkan Undang-Undang tentang pemerintahan desa yang menghapus pemerintahan mukim yang sedia ada di Aceh.

Kondisi ini berterusan sehingga muncul lagi pemberontakan yang dilakukan rakyat Aceh. Di bawah kepimpinan Hasan Tiro, kemerdekaan Aceh Sumatera dideklarasikan pada tarikh 4 Disember 1976. Namun sayang, tuntutan dan kenyataan dalam deklarasi tersebut bukanlah tentang syariat Islam melainkan terkait dengan politik pemerintahan. Berikut bunyi deklarasi kemerdekaan Negara Aceh Sumatera tersebut:

*"Kepada rakyat di seluruh dunia:*

*Kami, rakyat Aceh, Sumatra melaksanakan hak menentukan nasib sendiri dan melindungi hak sejarah istimewa nenek moyang Negara kami, dengan ini mendeklarasikan bebas dan berdiri sendiri dari semua kontrol politik pemerintah asing Jakarta dan dari orang asing Jawa.*

*Atas nama rakyat Aceh, Sumatra yang berdaulat.*

*Teungku Hasan Muhammad di Tiro, Ketua National Liberation Front of Acheh Sumatra dan Presiden Aceh Sumatra*

*4 Desember 1976*[74]

Nampak dalam deklarasi ini seolah-olah didasarkan bukan kerana keinginan melaksanakan syariat Islam namun semata-mata kerana mahu melepaskan diri dari pada

[73] Ibid 31, h. 39.
[74] - , The Price of Freedom: The Unfinished Diary of Teungku Hasan di Tiro, National Liberation Front of Acheh Sumatra,, 1984, h. 15-17.

University of Malaya

kawalan pemerintah pusat termasuk dari perbezaan etnis dan kaum. Sudah tentu ianya ini amatlah jauh dari keagungan nilai-nilai Islam. Konflik Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan pemerintah pusat yang terus berterusan itu telah memakan banyak mangsa, utamanya ialah masyarakat awam yang sepatutnya mereka mendapatkan pembelaan dan jaminan keamanan serta keselamatan.

Pengakuan terhadap keistimewaan Aceh diperolehi semula pada masa Reformasi, iaitu masa pemerintah pusat menetapkan Undang-undang Nombor 44 tahun 1999 tentang pemulihan keistimewaan Aceh. Dalam undang-undang tersebut terdapat empat aspek yang diberi keistimewaannya, iaitu; bidang agama, adat, pendidikan dan peranan ulama. Keistimewaan bidang agama diertikan dengan penerapan syariat Islam di dalam seluruh aspek kehidupan.[75] Undang-undang tersebut dibuat untuk menjelaskan keistimewaan yang diberikan pada tahun 1959 terdahulu dengan penambahan pada peranan ulama dalam penetapan perancangan bagi daerah.

Dalam penjelasannya, Undang-undang Nombor 44 tahun 1999 menjelaskan dalam pasal 1 ayat 8,9, 10 dan 11 tentang cakupan syariat Islam dengan ketentuan am sebagai berikut:

(8) Keistimewaan adalah kewenangan khas untuk menyelenggarakan kehidupan beragama, adat, pendidikan dan peranan ulama dalam penetapan polisi daerah

(9) Polisi daerah iaitu Peraturan Daerah atau keputusan Gabenor yang bersifat mengatur dan mengikat dalam penyelenggaraan keistimewaan

(10) Syariat Islam adalah tuntunan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan

75 Ibid 31, h. 42.

University of Malaya

(11) Adat ialah aturan atau perbuatan yang bersendikan syariat Islam yang lazim diikuti, dihormati dan dijadikan sebagai asas hidup.[76]

Daripada penjelasan tersebut dapat dipahami bahawa syariat Islam telah didefinisikan secara lengkap ianya mencakup tuntunan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan. Penjelasan dalam ayat-ayat tersebut yang mengenai adat dan pendidikan dalam pelaksanaannya harus dilakukan untuk menyokong pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

Penjelasan dari Peraturan Pemerintah tersebut mengenai aspek-aspek pelaksanaan syariat Islam di Aceh diatur berasaskan pada Peraturan Daerah (Perda) Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nombor 5 Tahun 2000 bab IV pasal 5 ayat 1 dan 2:

(1) Untuk mewujudkan keistimewaan Aceh dalam aspek penyelenggaraan kehidupan beragama, setiap orang atau badan hukum yang bermastautin di daerah berkewajipan menjunjung tinggi pelaksanaan syariat Islam dalam kehidupannya.

(2) Pelaksanaan syariat Islam sepertimana dimaksudkan dalam ayat 1 meliputi: aqidah, ibadah, muamalah, akhlak, pendidikan dan dakwah/amar makruf nahi mungkar, baitul maal, kemasyarakatan, syiar Islam, pembelaan Islam, qadha, jinayat, munakahat dan mawaris/faraid.[77]

Bagi menerapkan Undang-undang Nombor 44 tahun 1999, Pemerintah Aceh telah mengeluarkan Peraturan Daerah (Perda) di antaranya iaitu:

1. PERDA Nombor 3 tahun 2000, tarikh 14 Jun 2000, tentang pembentukan pertubuhan dan tatakerja Majelis Permesyuaratan Ulama (MPU) Provinsi Aceh

---

[76] Jabatan Dinas Syariat Islam Propinsi Aceh, "Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/ Kanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan dengan Syariat Islam," Edisi Keempat, 2005, h. 62.
[77] Ibid 41, h. 22.

University of Malaya

2. PERDA Nombor 4 tahun 2000, tarikh 14 Jun 2000, tentang Larangan Minuman Berakohol di Provinsi Aceh

3. PERDA Bombor 5 tahun 2000, tarikh 25 Ogos 2000, tentang Pelaksanaan Syariat Islam

4. PERDA Nombor 6 tahun 2000, tarikh 25 Ogos 2000, tentang Penyelenggaraan Pendidikan

5. PERDA Nombor 7 tahun 2000, tarikh 25 Ogos 2000, tentang Penyelenggaraan Kehidupan Adat

**3.4. Aspek-aspek Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh**

Masyarakat Aceh sejak dulu dikenal sebagai masyarakat beragama. Islam sudah menjadi jiwa dalam kehidupan bermasyarakat serta diamalkan baik dalam bidang politik, hukum, ekonomi mahupun sosial dan budaya. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Aceh sangat mengedepankan masalah moral. Struktur sosial masyarakat Aceh yang dipengaruhi nilai-nilai moral merupakan perwujudan daripada nilai-nilai keagamaan yang difahami secara holistik dan mempunyai hubungan yang erat dengan nilai-nilai dan konsep asas kebenaran yang dijunjung tinggi.

Dalam aspek budaya, masyarakat Aceh wujud istilah *hukom ngon adat han jeuet cre lagee zat ngon sipheuet* yang ertinya hukum adat dan hukum agama tidak dapat dipisahkan, sepertimana tidak dapat dipisahkannya antara zat dengan sifat. Dari sini jelas bahawa agama Islam yang sudah diyakini beratus tahun di Aceh tidak mudah dipisahkan daripada kebudayaan dan nilai-nilai Islam itu sendiri.

Dalam kehidupan masyarakat Aceh terdapat pelbagai amalan sosial yang berasal dari ajaran agama. Amalan itu nampak pada saat memberi salam waktu berjumpa dan berpisah, berdoa pada waktu kenduri, pelaksanaan kenduri perkahwinan dan perkara-



University of Malaya

perkara lain yang semuanya memperlihatkan keserasian dengan ajaran Islam. Oleh itu, Aceh memiliki budaya tersendiri dalam perilaku, adat sopan santun, berbicara, menyambut tetamu dan sebagainya. Kenyataan ini terakam dalam banyak hadih maja (syair/sajak yang mengandung nasihat) yang menceritakan kebiasaan dan budaya turun-temurun masyarakat Aceh, antara lain: *jaroe uneun jok, jaroe wie bek diteupeu* (tangan kanan yang memberi, tangan kiri jangan sampai tahu).[78] Ungkapan ini mengandungi makna bahawa memberi sedekah dan bantuan kepada orang lain hendaknya sentiasa dilakukan dengan ikhlas dan tidak boleh dilaksanakan dengan riak, apatah lagi mempamerkan kepada khalayak ramai.

Dalam hadih majah yang lain diungkapkan deuek sama deuek, troe sama troe (lapar sama ditahan, kenyang sama dinikmati). Kandungan hadih majah ini luar biasa kerana ianya mengajarkan untuk menyelami hidup dalam kebersamaan, tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa melaksanakan amalan untuk membantu dan menolong orang lain. Ungkapan lain di antaranya ta jak ubee leut tapak, ta duek ube leut punggong (berjalan sesuai tapak, duduk sesuai punggung) mengajarkan nasihat yang penuh dengan makna di mana kita jangan masuk campur dan mencari kesalahan orang lain. Ertinya, watak orang Aceh adalah tidak mencari-cari kesalahan dan keburukan orang lain kerana ianya sudah sibuk dengan urusan sendiri.[79]

Pandangan hidup dan tingkah laku orang Aceh juga tercermin dalam kitab Tazkirat al-Rākidin (1307 H/1889 M) karya ulama besar Aceh, iaitu Syeikh Muhammad Ibnu Abbas yang lebih dikenal dengan nama Teungku Chik Kuta Karang. Salah satu ungkapan beliau adalah bahawa dalam alam ini terdapat tiga macam Raja, Pertama iaitu raja yang memegang jawatan zahir sahaja, kedua yang memerintah rakyat menurut hukum adat kebiasaan dunia, dan yang ketiga adalah raja yang memerintah jalan agama,

[78] Muhammad Hakim Nyak Pha, Masyarakat Aceh dan Pelaksanaan Syariat Islam (Tinjauan Sejarah Sosial dan Budaya) ( Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, 1999), h. 3.
[79] Ibid 43.

University of Malaya

iaitu Rasul dan Anbiyā’ serta ulama ahlu syarī‘ah. Wajib mengikuti perintah Raja yang memerintah hukum adat jika perintahnya sesuai dengan hukum syara‘. Wajib mengikuti suruhan ahlu syarī‘ah, jika tidak maka kita akan ditimpa musibah. Hukum adat dan hukum syariat adalah sama kembar. Pada waktu muafakat hukum adat dengan hukum agama (syara‘) berlaku, keadaan negeri tenang dan tidak huru hara.[80]

Dalam tradisi orang Aceh, dapat dilihat bahawa agama merupakan salah satu kekuatan sosial dan turut membentuk perilaku sosial masyarakat. Semua program yang akan dijalankan hanya dapat dicapai apabila pemimpin agama dan pemerintahan bersatu dalam kata dan perbuatan. Sehubungan dengan itu, sesuatu kepentingan am di kampung sentiasa diurus bersama antara geuchik (kepala kampong) dan teungku meunasah (imam masjid) sebagai perlambang kesatuan antara adat dengan syara‘.

Selain aspek budaya, pelaksanaan syariat juga terdapat pada produk hukum yang berlaku dalam masyarakat. Dalam hal ini masyarakat Aceh menganut dua pedoman, iaitu adat dan hukum. Adat merupakan pedoman dalam mengatur perilaku peribadi mahupun kumpulan masyarakat. Adat yang berlaku dalam masyarakat Aceh dalam kategori bentuk perilaku dapat dibezakan kepada empat jenis, iaitu:

1. Adat Muhakamah, peraturan yang mengatur perilaku yang timbul dalam interaksi sosial di bidang pekerjaan

2. Adat Muqadimah, mengatur perilaku yang terkait dengan status social dalam masyarakat

3. Adat Hadithah, berkaitan dengan unsur-unsur baru yang menata hubungan sosial dalam kehidupan sehari-hari

University of Malaya

---

[80] Ibrahim Alfian, Kontribusi Samudra Pasai terhadap Studi Islam di Asia Tenggara (Yogyakarta: Cinennets Press, 2005), h. 60-61.

4. Adat Maqamah, merupakan kebiasaan-kebiasaan yang berlaku pada komuniti tertentu.[81]

Adat yang berkembang dalam masyarakat Aceh boleh dibahagikan ke dalam dua corak, iaitu: adatullah, adat yang merupakan ketentuan Allah yang tidak berubah sepanjang masa, dan adatul muhakamah yang merupakan adat kebiasaan masyarakat yang berasaskan kepada ajaran agama. Hal ini bermakna bahawa adat dengan syariat Islam adalah kembar yang selalu mengalami perpaduan yang baik dan lestari. [82]

Selain adat, tuntunan nilai dan perilaku masyarakat Aceh sangat ditentukan oleh hukom (hukum). Hukum adalah peraturan atau ketentuan yang ditetapkan oleh para ulama yang bersumber kepada ajaran Islam. Dalam ajaran Islam ditetapkan klasifikasi perilaku dalam kategori wajip, sunat, mubah, makruh dan haram. Kelima-lima ketentuan hukum ini oleh masyarakat Aceh lebih dikongkritkan dalam bentuk ungkapan peubuet suroh peujieoh teugah, yang bererti menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Perilaku yang tergolong sebagai perbuatan baik mahupun mungkar meliputi semua aspek kehidupan sama ada peribadi, keluarga mahupun masyarakat.

Selain adat dan hukum, dikenal pula istilah lain yang mengkategorikan pemisahan kewenangan yang berlaku dalam masyarakat, iaitu kanun dan resam. Kanun lebih mengarah kepada sistem upacara yang dilaksanakan dalam masyarakat. Kanun tidak hanya khas di kalangan istana dan pemerintahan namun juga terdapat dalam kehidupan masyarakat, seperti upacara perkahwinan, upacara adat, serta perdamaian daripada sengketa.

---

[81] Teuku Mansoer, Sanggamara: Sastra Aceh (Jakarta: Teuku Mansoer Foudation, 1970), 16.

[82] Rusdi Sufi et.al., Adat Istiadat Masyarakat Aceh (Banda Aceh: Dinas Kebudayaan Propinsi Aceh, 2002).



University of Malaya

Sedangkan reusam (resam) adalah amalan adat yang berlaku khas pada satu daerah tertentu. Masyarakat Aceh dulunya dikelompokkan berasaskan komuniti tertentu yang disebut nanggroe. Reusam dilaksanakan pada persekitaran komuniti yang bersangkutan, seperti reusam Pidie hanya berlaku di nanggroe Pidie, tidak berlaku di nanggroe Pase. Begitu juga sebaliknya, reusam Pase tidak berlaku di nanggroe Pidie.

Keempat-empat sistem budaya – adat, hukum, kanun dan resam – dileburkan dalam satu institusi sehingga tidak bercerai-berai dan saling terkait dalam kehidupan harmoni masyarakat Aceh. Hal yang demikian ini telah menjadi satu pedoman asas yang telah dilaksanakan serta menjadi tradisi dalam masyarakat bahkan sejak zaman kerajaan Aceh Darussalam. Ungkapan yang terkenal ialah *adat bak po Teumereuhom, hukom bak Syiah Kuala, kanun bak Putroe Phang, reusam bak Laksamana.*[83]

Ungkapan tersebut mengandung erti bahawa adat bersumber pada kebijaksanaan sultan dan penasihatnya. Hukum merupakan wewenang para ulama yang dilambangkan dengan ulama terkenal Syiah Kuala (Syeikh Abdul Rauf al-Singkily). Urusan kanun seperti sopan santun menjadi urusan maharani yang dilambangkan dengan Putro Phang (Putri Pahang, istri Sultan Iskandar Muda). Sedangkan urusan resam/kebiasaan menjadi wewenang panglima kaum di masing-masing wilayah atau nanggroe. Selain itu juga terdapat pedoman yang sangat mengikat antara hukum dan adat yang berbunyi *hukom ngon adat, lagee zat ngon sipheut.*[84]

Ungkapan ini bermakna bahawa hukum dan adat berjalin erat seperti zat dan sifat yang tidak mungkin dapat dipisahkan. Otoriti adat yang bersumber daripada sultan saling mengikat kuat dengan hukum yang ditetapkan oleh para ulama. Adat istiadat yang berlaku di tengah-tengah masyarakat Aceh merupakan adat yang sesuai dengan

[83] Muslim Zainuddin, Efektivitas Pelaksanaan Syariat Islam (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Propinsi Aceh, 2005), 98.
[84] Mustafa Ahmad, Syariat tanpa Dukungan Adat Susah Jalan, Kertas Kerja, Seminar Nasional Syariat Islam di pascasarjana IAIN Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh, 1999, h. 3.



University of Malaya

nilai-nilai Islam yang dianut oleh masyarakat. Kedudukan dan autoriti ulama diimplementasikan dalam wujud memberi sokongan kepada sultan dalam menetapkan pelbagai adat yang berlaku pada masyarakat sehingga adat yang terdapat dalam masyarakat Aceh adalah adat yang sesuai dengan syariat Islam.

### 3.5. Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh Kini




Gambar 2.1. Peta Aceh

Pada bulan Ogos 2001, Presiden Republik Indonesia Megawati Soekarnopoetri menetapkan Undang-undang Nombor 18 tentang otonomi khas Aceh yang lebih dikenali sebagai Undang-undang Nanggroe Aceh Darussalam. Dalam undang-undang ini dijelaskan tentang pembentukan mahkamah syarʿīyah di Aceh. Kedudukan mahkamah syarʿīyah ini sama dengan tiga lembaga peradilan lainnya, iaitu mahkamah

University of Malaya

sivil, mahkamah militer dan mahkamah pentadbiran Negara. Keempat jenis perlembagaan ini berada di bawah Mahkamah Agung.[85]

Bagi penerapan Undang-undang Nombor 18 tersebut, sudah ditetapkan Peraturan Daerah Nombor 43 tahun 2001 tentang Perubahan Pertama atas Peraturan Daerah Nombor 3 tahun 2000 tentang pembentukan pertubuhan dan tata kerja Majelis Permesyuaratan Ulama (MPU) dengan penjelasan sebagaimana berikut:

Kanun nombor 33 tahun 2001 tentang Pembentukan Susunan pertubuhan dan tatakerja jawatan Syariat Islam Provinsi Aceh

Kanun nombor 10 tahun 2002 tentang Peradilan Syariat Islam

Kanun nombor 11 tahun 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam yang meliputi aspek akidah, ibadah dan syiar Islam

Kanun nombor 12 tahun 2003 tentang minuman arak dan sejenisnya

Kanun nombor 13 tahun 2003 tentang maisir (judi)

Kanun nombor 14 tahun 2003 tentang khalwat (mesum)

Kanun nombor 23 tahun 2003 tentang penyelenggaraan Pendidikan

Kanun nombor 7 tahun 2004 tentang pengelolaan zakat

Kanun nombor 12 tahun 2004 tentang kebudayaan Aceh

Semua kanun tersebut merupakan perangkat hukum dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh.[86]

University of Malaya

---

[85] Rusjdi Ali Muhammad, Penerapan Syariat Islam di Aceh: Pendekatan Gradalisme dan Interpretasi Lokal, Banda Aceh, 2007, h. 15
[86] Ibid 41, h. 42-51.

Selepas konflik dan bencana tsunami Aceh, pemerintah Republik Indonesia melakukan perundingan dengan pihak Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Hasil perundingan tersebut dikenal sebagai Memorandum of Understanding (MoU) Helsinki yang disepakati kedua belah pehak pada tarikh 15 Ogos 2005. Undang-undang khas yang diamanatkan oleh MoU Helsinki ini kemudian ditetapkan sebagai Undang-undang (UU) Nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh atau yang lebih dikenali sebagai UUPA. Dengan penguatkuasaan perundangan tersebut maka pelaksanaan syariat Islam di Aceh telah kokoh dari segi undang-undang. Dalam bab XVII pasal 125 disebutkan tentang pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Penjelasan bab tersebut terkandung dalam ayat 1 dan 2 yang menyatakan bahawa (1) Syariat Islam yang dilaksanakan di Aceh meliputi aqidah, syarʿʿiyah dan akhlak. (2) Syariat Islam sepertimana dimaksudkan dalam ayat (1) meliputi ibadah, ahwal al-syakhshiyah (hukum keluarga), muamalah (hukum perdata), jinayat (hukum pidana), qadla (peradilan), tarbiah (pendidikan), dakwah, syiar dan pembelaan Islam. Kesepakatan ini merupakan buah daripada perjuangan panjang rakyat Aceh untuk hidup aman, tenteram dan sejahtera dalam lindungan syariat Islam.

Dari sejarah panjang pelaksanaan syariat Islam di Aceh, sejak zaman kerajaan-kerajaan Nusantara sehingga era global masa sekarang ini, mungkin ramai yang memiliki soalan mengenai hal ini. Apa sebenarnya yang dikehendaki rakyat Aceh dengan pelaksanaan syariat Islam?

Pelaksanaan syariat Islam di Aceh memiliki tujuan tersendiri yang ingin dicapai:

**Pertama**, dengan alasan agama bahawa pelaksanaan syariat Islam merupakan perintah agama. Untuk dapat menjadi muslim yang lebih baik, lebih sempurna, dan yang lebih dekat dengan Allah swt maka umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam dalam kehidupan sehari-hari.

**Kedua**, dengan alasan psikologi bahawa masyarakat akan merasa aman dan tenteram kerana apa yang berlaku di sekitar mereka sesuai dengan kesedaran dan kata hati mereka. Secara psikologi kemasyarakatan adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang menenteramkan dan memberikan ketenangan serta kepuasan batin kepada anggotanya. Umat Islam yakin akan janji Allah SWT dan Rasulullah SAW bahawa pelaksanaan syariat Islam secara sempurna di dalam kehidupan peribadi dan masyarakat akan memberi kebahagiaan kepada setiap muslim, baik dalam kehidupan dunia apatah lagi dalam kehidupan di akhirat. Justeru itu, pelaksanaan syariat Islam oleh pemerintah Aceh adalah untuk membantu kaum muslim di Aceh memperoleh kepuasan dan ketenangan batin bahawa mereka merasa mudah dan dilindungi dalam melaksanakan ajaran agamanya.

**Ketiga**, tujuan dengan alasan hukum iaitu masyarakat akan hidup dalam tata aturan yang lebih sesuai dengan kesedaran hukum, rasa keadilan dan nilai-nilai yang tumbuh dan berkembang di tengah masyarakat. Keberadaan ajaran Islam yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dan keadilan menjadi inspirasi tersendiri bagi masyarakat agar dapat hidup dalam naungan Islam.

**Keempat**, tujuan dengan alasan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Pelaksanaan syariat Islam di Aceh diharapkan akan melahirkan masyarakat yang memiliki kesolehan sosial yang baik. Ertinya jiwa tolong menolong dan penyertaan modal dalam aktiviti perniagaan betul-betul untuk saling menolong dan untuk berbagi keuntungan. Dengan ini diharapkan tidak ada lagi eksploitasi dan tidak akan ada lagi riba dalam aktiviti ekonomi dan kewangan. Dan lebih daripada itu, sifat amanah akan menjadi sifat am yang relatif merata dan diamalkan secara menyeluruh oleh semua anggota masyarakat.[87]

---

[87] Ibid 31, h. 92-95.



University of Malaya

Selain keempat tujuan tersebut, tujuan lainnya adalah menjadikan syariat Islam sebagai pembimbing yang dapat memenuhi keperluan masyarakat Aceh masa kini dan masa hadapan. Masyarakat yang sedang berada dalam masa transisi demokrasi dan industri memerlukan jaminan akan keberlangsungan hidupnya, tanpa perlu merasa ada percanggahan antara keyakinan agama yang dianut dengan kemajuan ilmu dan teknologi yang dipelajari yang diperlukan untuk bekerja dan memakmurkan bumi.[88]

Sedangkan tujuan ideal yang ingin dicapai dengan pelaksanaan syariat Islam adalah mewujudkan masyarakat madani, seperti gambaran masyarakat yang pernah dibina oleh Rasulullah SAW di Madinah. Pada masa itu, Rasulullah SAW berhasil membina masyarakat kerana patuh dalam melaksanakan ajaran islam serta sentiasa melaksanakan syariat Islam dalam semua aspek kehidupan.

Konsep masyarakat madani yang dicontohkan Rasulullah SAW adalah ditempuh dengan pendekatan agama. Dimulai dengan penerapan nilai-nilai Islam serta dalam rangkaian ukhuwah yang kuat. Hal sedemikian dapat dilaksanakan di Aceh, mengingat syariat Islam sebagai asas yang telah disahkan dan ianya telahpun dilaksanakan secara turun temurun sejak berabad-abad yang lampau. Pelaksanaan syariat Islam secara baik dan menyeluruh diharapkan akan mempercepat pencapaian masyarakat madani di Aceh.

### 3.5.1. Pejawat-pejawat Pelaksana Syariat

Lembaga-lembaga yang terkait pelaksanaan syariat Islam iaitu:

a. Dinas Syariat Islam

Dinas syariat Islam tingkat propinsi dirasmikan pada tarikh 25 Februari 2002. Lembaga inilah yang mengatur tatakerja pelaksanaan syariat Islam. Tugas utamanya

[88] Ibid 31, h. 81-83.



University of Malaya

ialah menjadi perencana dan penanggung jawap pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam.

b. Majelis Permusyuaratan Ulama (MPU)

Lembaga ini merupakan suatu lembaga independen sebagai suatu wadah bagi para ulama untuk berinteraksi, berbincang dan melahirkan idea-idea baru dalam pelaksanaan syariat Islam. Hubung kait lembaga ini dalam pelaksanaan syariat Islam ialah lembaga ini bertugas memberikan pertimbangan, bimbingan dan nasihat serta cadangan dalam menentukan polisi daerah dari aspek syariat Islam, baik kepada pemerintah daerah mahupun kepada masyarakat.

c. Wilayatul Hisbah (WH)

Wilayatul Hisbah merupakan lembaga yang berwenang memberi tahu dan mengingatkan anggota-anggota masyarakat tentang aturan-aturan yang ada yang harus diikuti, cara menggunakan dan mentaati hokum tersebut, serta perbuatan yang harus dihindari kerana bertentangan dengan peraturan.

Tugas yang harus di jalankan Wilayatul Hisbah antara lain:

1. Memperkenalkan dan mensosialisasi kanun dan peraturan-peraturan lainnya yang berkaitan dengan syariat Islam dan juga mengingatkan atau memperkuatkan aturan akhlak dan moral yang baik.

2. Mengawal masyarakat agar mereka memahami peraturan yang ada dan berakhlak dengan akhlak yang luhur yang dituntun Islam.

University of Malaya

3. Melakukan pengkawalan agar para pelaku perbuatan jenayah tidak melakukan perbuatan maksiat (jenayah) lanjutan.

Wilayatul Hisbah diangkat secara khusus oleh Gabenor bagi tingkat negeri, Datuk Daerah atau Bandar bagi majelis daerah atau bandar manakala petugas tuha peut (yang dipertua kampong) bagi desa atau kampong setempat.

Jika dijabarkan tahapan tugas Wilayatul Hisbah dan kaitannya dengan penegak hukum syariat lainnya ialah:

a. Tahap sosialisasi akan berhubungan dengan pimpinan kampong.

b. Tahap penyelidikan bertugas sebagai PPNS (Petugas Penyelidik Negeri Sipil = Pegawai Penyelidik Pegawai Kerajaan) dan akan berhubungan dengan polis.

c. Tahap penjatuhan hukuman bertugas sebagai petugas pencambuk dan akan berhubungan dengan pejabat pendakwa.

d. Mahkamah Syariʿʿah. Mahkamah Syariʿʿah merupakan pengganti mahkamah yang sudah dihapuskan. Mahkamah ini akan mengatur perkara muamalah dan kes jenayah yang telah ada kanunnya. Lembaga ini adalah mahkamah yang akan memutuskan perkara pelanggaran syariat Islam. Pada tingkat bandar dibentuk mahkamah syariʿʿah dan di tingkat provinsi terdapat mahkamah syariah provinsi yang dirasmikan pada tahun 2003.[89]

### 3.5.2. Tinjauan Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh

Pelaksanaan syariat Islam di Aceh masa kini mendapat sorotan dari banyak kalangan. Sebahagian merasa sudah sesuai, sebahagian lagi merasa bahawa pelaksanaan

[89] Alyasaʿʿ Abu Bakar, Bunga Rampai Pelaksanaan Syariat Islam (Pendukung Qanun Pelaksanaan Syariat Islam) (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, 2004).



University of Malaya

syariat Islam di Aceh jauh daripada yang diharapkan. Elizabeth F. Drexler, seorang penulis barat menyebutkan dalam bukunya Aceh, Indonesia: Securing the Insecure State menyebutkan bahawa orang-orang Aceh yang ia jumpai selama melakukan penelitian menyatakan mendokong pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Namun ramai daripada mereka menyebutkan bahawa pelaksanaan syariat Islam tidak menyelesaikan permasalahan-permasalahan di Aceh.[90]

DR. Salim Segaf al-Jufri, MA., seorang Habib dan Menteri dalam Pemerintah Republik Indonesia di masa pemerintahan 2009-2014 menyatakan bahawa pelaksanaan syariat Islam di Aceh belum memenuhi harapan. Sebabnya ialah Aceh belum lepas daripada konflik dan trauma berkepanjangan selama masa darurat awam dengan program Daerah Operasi Militer (DOM) pemerintah pusat. Pada masa itu rakyat hidup dalam tekanan dan kemiskinan di tengah-tengah konflik yang terjadi antara Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan pemerintah pusat. Konflik yang bersisa sehingga sekarang ini mahu tidak mahu ianya telah menjejaskan kemampuan masyarakat untuk belajar agama dan mengamalkannya.[91]

Seorang pemuka Aceh, Teuku Reiza Yuanda, menegaskan bahawa penerapan syariat Islam lebih berkorelasi dengan aspek politik, iaitu sebagai upaya pemerintah dalam menyelesaikan konflik Aceh. Syariat Islam cenderung dipraktikkan dengan cara-cara kekerasan oleh masyarakat dan pehak pelaksana syariat tidak berdaya mencegah kekerasan tersebut. Kes-kes yang sering berlaku ialah kes khalwat, mesum, judi, minum arak dan sebagainya yang direspon dengan aksi kekerasan. Sedangkan di sisi lain, kes rasuah dan manipulasi kewangan Negara tidak pernah diselesaikan dengan tegas.

Tokoh lainnya, H. Taqwaddin mengkritisi hukum rejam bagi pezina dan potong tangan untuk pencuri. Selayaknya negara tidak merejam pelaku perzinaan apabila

---

[90] Ibid 33.
[91] Salim Segaf al-Jufri, Penerapan Syariat Islam di Indonesia: Antara Peluang dan Tantangan (Jakarta: Pusat Konsultasi Syariah, 2004).

University of Malaya

negara tidak mampu menangkal media yang menghala kepada hal-hal lucah dan memicu zina. Di sisi lain, ada kecenderungan bahawa hukum hanya diterapkan kepada masyarakat lapisan bawah sahaja sedangkan mereka dari kalangan atas tak tersentuh hukum tersebut.[92]

Human Right Watch dalam laporannya menyebutkan bahawa banyak aspek yang patut dikritisi dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh, beberapa diantaranya ialah:

1. Pelaksanaan undang-undang tentang khalwat

Saat ini di Aceh jika dua orang dewasa berjenis kelamin berbeza yang tidak menikah atau tidak memiliki hubungan darah berdua-duaan di sebuah tempat terpencil, hal tersebut merupakan suatu tindakan jenayah. Kedekatan tanpa ikatan tersebut dilarang oleh hukum. Jika kedua orang ini tertangkap oleh pegawai Wilayatul Hasbi (WH) maka ia akan dikenakan dakwaan khalwat (mesum) dan dapat dikenai hukuman cambuk dan atau didenda sehingga Rp 10 juta. Ramai orang di Aceh memahami bahawa hukum khalwat hanya melarang perzinaan. Pemahaman ini didokong oleh Gabenor Aceh yang mengatakan bahawa hanya kes perzinaan yang boleh didakwa. Akan tetapi, hukum ini kerap diertikan secara luas dan telah berulang kali diterapkan untuk jenis perilaku yang beragam. Tak jarang pelaku dibebaskan kerana ia memiliki hubungan kekerabatan dengan pegawai Wilayah Hisbah (WH) sedangkan tak jarang pula seseorang dikenai dakwaan yang tidak diperbuatnya.

2. Persyaratan Busana Islamik

Dengan pemberlakuan syariat Islam, maka semua orang Islam di Aceh diharuskan untuk menutup aurat dengan mengenakan busana Islamik. Yang

[92] Nurhafni dan Maryam.2006, Pro dan Kontra Penerapan Syariat Islam di NAD. SUWA IV (3), h. 59-66

didefinisikan sebagai pakaian yang menutup aurat, bagi laki-laki ialah bagian tubuh dari pusat sehingga lutut manakala bagi perempuan seluruh tubuh kecuali telapak tangan, kaki dan wajah; yang tidak tembus pandang dan tidak menunjukkan bentuk tubuh. Dalam praktiknya hukum ini memberikan pembatasan lebih ketat kepada perempuan daripada laki-laki. Selain itu pemakaian seluar panjang ketat dilarang, namun di sisi lain penggunaan kain panjang dianggap sebagai solusi sedangkan kain panjangpun ada yang ketat. Penangkapan perempuan terkait busana Islamik ini dikritisi kerana ditengarai tidak dilaksanakan secara adil. Razia yang kerap dilakukan hanya menjangkau pengendara basikal atau pejalan kaki. Sedangkan mereka yang mengendarai kereta tak diberhentikan dan dibiarkan berlalu.

3. Peran Wilayatul Hisbah

UU Nombor 11/2006 tentang pemerintah Aceh (UUPA) secara khusus memberi kuasa kepada pemerintah Daerah Aceh untuk membentuk unit Wilayatul Hasbi yang bertanggung jawap menerapkan hukum syariʿah sebagai bahagian daripada Satuan Polisi Pamong Praja = Unit Penolong Polis (Satpol PP). Petugas Satpol PP lainnya sesekali mengadakan ronda dan operasi dengan rakan-rakannya di Wilayatul Hisbah (WH). Petugas WH terdiri daripada petugas yang dipekerjakan mengikut kontrak dan sukarela yang tidak menerima upah tetapi melalui proses pengambilan ahli yang sama dengan petugas kontrak. Jadi jelas, bahawa mereka bukanlah para ulama ataupun orang yang faham agama sehingga dapat bertindak dengan bijaksana. Wewenang mereka hanya memberi peringatan dan menasihati untuk kemudian menyerahkan kepada polis, bukan menangkap dan menghukum sesuka hati. Pada praktiknya petugas WH bertindak lebih keras daripada polis sekalipun.

University of Malaya

4. Wilayatul Hisbah bukanlah satu-satunya institusi yang bertanggng jawap dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Tidak hanya WH dan polis, masyarakat juga disyorkan menegakkan larangan perbuatan bersunyi-sunyian dan penyelesaian perbuatan bersunyi-sunyian melalui mekanisme penyelesaian adat. Sistem hukum syari"ah tumpang tindih dengan sistem hukum adat Aceh.[93]

Terlepas dari misi dan tendensi Human Right Watch, namun tegasan mereka perlu mendapat perhatian. Oleh itu, perlu sokongan dan bantuan dari semua pihak agar pelaksanaan syariat Islam di Aceh mencapai matlamat yang diharapkan. Di antaranya ialah peranan lembaga dan pertubuhan Islam di Aceh.

### 3.6. Dakwah Islam di Aceh dari Masa ke Masa

Dakwah Islam di Aceh tidak pernah putus kerana Islam telah menjadi identiti sebenar negeri ini. Yang ada kemudian ialah irama dinamik mengikuti derap langkah sejarah. Sistem kerajaan memberikan Sultan kuasa menjadikan Islam sebagai asas dan teras Negara, kemudian kolonial Belanda menguasai negeri ini dan menjadikan kekuasaan Sultan tak lagi berdaya. Kehidupan kemerdekaan Indonesia juga member corak tersendiri kepada dakwah di Aceh kerana pada masa itu pemerintah pusat Indonesia mencanangkan polisi menjadikan Aceh sebagai wilayah penguasaan militer dan memberlakukan undang-undang militer dalam pentdbirannya. Begitupun keadaan selepas tsunami membawa ruh baru dalam kehidupan dakwah Islamiyah di Aceh.

#### 3.6.1. Dakwah di Awal Abad ke 20

Di awal abad ke-20, kekuasaan Belanda sudah bercokol di Aceh dengan berkhirnya perang panjang melawan umat Islam yang dipimpin oleh para ulama.

[93] Human Right Watch, Menegakkan Moralitas:Pelanggaran dalam Penerapan Syariah Islam di Aceh, Indonesia, 2010, h. 15-24.



University of Malaya

Dakwah Islam tidak mampu lagi dilaungkan oleh para Sultan kerana mereka dimakzulkan. Islam hanya disyiarkan di surau-surau, masjid mahupun rumah-rumah penduduk. Pada kurun waktu tersebut, hampir di seluruh wilayah Nusantara muncul gerakan melawan penjajah secara bergerilya dan menubuhkan lembaga-lembaga untuk membangkitkan semula semangat kebangsaan.

Di Aceh sendiri, perjuangan melawan Belanda berlaku di mana-mana. Perlawanan banyak yang dipimpin oleh para ulama kerana para bangsawan ramai yang menyokong pemerintahan Belanda. Selain itu, kondisi rakyat yang miskin harta dan miskin ilmu, mendorong para ulama melakukan perjuangan lain dari sekedar melawan penjajah, iaitu perjuangan mengembalikan iman Islam rakyat Aceh. Antara ulama yang prihatin dengan keadaan ini ialah Syekh Abdul Hamid Samalanga, seorang ulama Aceh yang mukim di Mekkah. Beliau melayangkan surat kepada Teungku (Tgk) Abdurrahman Meunasah Meucap yang isinya mengkhabarkan seputar maklumat kemajuan gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir dan seruan untuk memajukan pendidikan di Aceh.[94] Seterusnya, Tgk Abdurrahman menyampaikan seruan ini kepada sejawatnya Tgk Ismail Ya‟‟qub yang disambut dengan ajakan untuk menubuhkan sebuah organisasi ulama sebagai sarana untuk menaiktarafkan kehidupan rakyat Aceh serta dapat mempersatukan madrasah-madrasah (sekolah agama) di seluruh Aceh.[95] Idea ini kemudian disebarkan ke beberapa ulama berpengaruh di Aceh dan kemudian mereka bermuafakat untuk menubuhkan sebuah organisasi ulama Aceh. Organisasi berkenaan diberi nama Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) yang ditubuhkan pada tanggal 5 Mei 1939 di Matang Geuleumpang Dua pada mesyuarat seluruh ulama Aceh.

[94] Yusuf Hasanuddin Adan, Aceh dan Inisiatif NKRI, (Banda Aceh: Adnin Foundation Publisher, 2011), h. 186.

[95] Tim Penulis Ensiklopedi Nasional Indonesia, Ensiklopedi Nasional Indonesia, Jilid I, (Jakarta: Cipta Adi Pustaka, 1990), h. 143. Lihat: Muhammad Rizal, Persatuan Ulama Seluruh Aceh Pada Masa Revolusi Kemerdekaan Indonesia 1945-1949, (Skripsi Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya UI, 2008), h. 38. (skripsi dapat diakses online: http://lontar.ui.ac.id/file?file=digital/125835-RB04R206p-Persatuan%20ulama-Analisis.pdf)

University of Malaya

Dalam mesyuarat tersebut juga ditentukan ahli jawatan kuasa PUSA yang hasilnya adalah sebagai berikut:

| | |
|---|---|
| Pelindung | : Teuku Chik Muhammad Djohan Alamsyah |
| Ketua I | : Tgk. Muhammad Daud Beureu‟eh |
| Ketua II | : Tgk. Abdurrahman Meunasah Meucap |
| Setia Usaha I | : Tgk. M. Nur El-Ibrahimy |
| Setia Usaha II | : Tgk. Isma‟il Ya‟kub |
| Bendahari | : Teuku Muhammad Amin |

Anggota/Pembantu-Pembantu:

Tgk. Abdul Wahab Keunaloe Seulimum

Tgk. Syekh Abdul Hamid Samalanga

Tgk. Usman Lampoh Awe

Tgk. Yahya Baden Peudada

Tgk. Mahmud Simpang Ulim

Tgk. Usman Azis Lhoksukon

Tgk. Ahmad Damanhuri Takengon

Tgk. Muhammad Daud Peudada

Tgk. Muhammad Amin Alue[96]

[96] M. Nur El Ibrahimy, Tgk.M. Daud Beureueh, Peranannya dalam Pergolakan di Aceh, (Jakarta: Gunung Agung, 1978), h. 8



University of Malaya

Ibu pejabat PUSA berkedudukan di tempat kedudukan Ketua I dan Setia Usaha I yaitu di Sigli.[97]

Matlamat utama dengan ditubuhkannya PUSA iaitu untuk memajukan pendidikan di Aceh maka teras dakwah PUSA sebagai satu-satunya pertubuhan masa itu ialah dalam bidang pendidikan. Tiga bulan selepas PUSA ditubuhkan, Pengurus Besar PUSA mengadakan mesyuarat untuk membicarakan usaha yang dilakukan dalam rangka mencapai matlamat organisasi. Mesyuarat ini menghasilkan empat keputusan iaitu rencana untuk membuka Normal Islam Institute (NII) di Bireuen dalam waktu dekat, menetapkan Teungku M. Nur El Ibrahimy menjadi Direktor NII, mengangkat T.M. Amin menjadi Setia Usaha I Pengurus Besar PUSA, dan yang terakhir mengangkat Teungku Mustafa Ali menjadi Bendahari PUSA.

Pembentukan NII oleh PUSA ini sebagaimana maksud dan tujuan yang terkandung dalam anggaran dasarnya:

- Untuk menyiarkan menegakkan dan mempertahankan syiar agama Islam.
- Menyatukan paham pada penerangan hukum.
- Memperbaiki dan menyatukan kurikulum pelajaran agama di sekolah-sekolah agama.
- Mengusahakan untuk mendirikan Perguruan Islam dan mendidik pemuda-pemuda serta putri-putri Islam dalam keagamaan.[98]

Seterusnya, PUSA melakukan upaya pembaharuan dengan memasukkan mata pelajaran umum ke dalam kurikulum madrasah[99] bahkan beberapa dayah (pondok) menukar nama mereka menjadi madrasah serta merancang kurikulum dan metode

[97] Ismuha, Ulama Aceh dalam Perspektip Sejarah. (Jakarta: LEKNAS-LIPI, 1976), h. 50.
[98] http://leser-aceh.blogspot.com/2012/01/teungku-abdurrachman-meunasah-meucap.html
[99] Nazaruddin Sjamsuddin, Pemberontakan Kaum Republik: Kasus Darul Islam Aceh, (Jakarta: Grafiti, 1990), h. 2.

University of Malaya

mengajar mereka mengikut keperluan msyarakat dalam merespon ilmu pengetahuan moden.[100] Namun pada masa itu masyarakat sangat membenci ilmu-ilmu pengetahuan moden yang berasal dari Barat dan sangat meminati apa-apa saja yang berkaitan dengan agama termasuk dalam hal penulisan. Salah satu cara dakwah PUSA dalam masalah ini iaitu mengajarkan sabjek-sabjek am dengan menggunakan tulisan Arab, menamakan sabjek-sabjek am dengan istilah Arab, dan mengajarkannya dengan bahasa Arab. Hal ini dilakukan kerana masyarakat menilai bahawa apa-apa yang diajarkan dengan bahasa Arab dianggap sebagai bagian daripada agama, sedangkan yang berbau Barat disamakan dengan penjajah kafir, iaitu Belanda. Inovasi dakwah yang dilakukan PUSA masa itu melakukan penggabungan kurikulum antara pondok/sekolah agama dengan kurikulum sekolah am dan menyebut sekolah demikian sebagai madrasah. Hal ini disebabkan bahawa PUSA memandang ilmu agama dan ilmu am kedua-duanya sama penting bagi kemajuan umat manusia. Seterusnya, PUSA menyerukan agar kurikulum dan silabus madrasah-madrasah seluruh Aceh untuk dipersamakan agar tidak menjadi masalah manakala ada pelajar yang berpindah sekolah. Pengelolaan kurikulum dan sekolah ini diurus oleh NII.

Lebih lengkapnya tentang kurikulum tersebut adalah sebagai berikut[101]

1. Bahasa Arab, terdiri dari Muṭālaʿʿah, Inshāʿʿ, Tārīkh al-Adabi al-„Arabī, al-Nahw Wa al- Sarf, Balāghah, al- Khat al-„Arabiyyu dan Mahfūzatun (Mahfuzah).

2. Agama, terdiri dari Fiqh, Tārikh al-Tashriʿʿ, Usūl al-Fiqh, Tawhīd, Hadīth, Musṭalāh, Tafsīr, dan al-Tārīkh al-Islāmī.

---

[100] Hasbi Amiruddin, Menatap Masa Depan Dayah di Aceh, (Banda Aceh: Yayasan Pena, 2008),h. 50.
[101] Muhammad Rizal, Persatuan Ulama Seluruh Aceh, h. 40



University of Malaya

3. Ilmu Pendidikan, terdiri dari Tarbiyyatun „Ilmiyyatun (Tarbiyah Ilmiah), Tarbiyyatun „Amaliyyatun (Tarbiyah Amaliah), Tārīkh al- Tarbiyyati (Tarikhut Tarbiyah) dan „Ilmu al-Nafsi.

4. Pengetahuan Am dan Bahasa, terdiri dari Bahasa Indonesia, Bahasa Belanda, Ilmu Alam, Ilmu Binatang, Ilmu Tumbuh-tumbuhan, Ilmu Falak, Ilmu Hitung, Ilmu Bangun, Ilmu Kesehatan, Sejarah Indonesia, Sejarah Umum, Ilmu Bumi Indonesia, Ilmu Bumi Umum, Staatrecht, Ekonomi, dan Bahasa Inggris.

NII merupakan wujud nyata dan sumbangan pertama dari perjuangan PUSA untuk memajukan pendidikan di Aceh. Pada 1947 NII milik PUSA diambil alih bersama dengan madrasah-madrasah Islam yang ada di Aceh menjadi sekolah kebangsaan, NII dipindahkan ke Kutaraja (Banda Aceh) dan namanya ditukar dengan SMI (Sekolah Menengah Islam) yang dikendalilan oleh Kantor Urusan Agama Daerah Aceh.

Pembaharuan pendidikan lainnya yang dijalankan PUSA ialah memasukkan nama mata pelajaran Agama (naqliyah) dalam kurikulum sekolah-sekolah am. Untuk melaksanakan program ini mereka mendirikan dua unit Sekolah Menengah Pertama, yakni satu unit sekolah di Bireuen, dan satu unit di Idi, Aceh Timur serta Satu unit Sekolah Guru Atas (SGA) di Kutaraja. Ketiga sekolah ini didirikan tahun 1952.[102]

Selama perjalanannya, Normal Islam Institut (NII) telah banyak memberi manfaat nyata bagi masyarakat Aceh terutama dalam membuka pikiran kolot yang umumnya masih dimiliki masyarakat Aceh. Contoh nyatanya adalah dengan diajarkannya pelajaran Bahasa Inggeris yang dimasukkan ke dalam kurikulum NII. Kemampuan berbahasa Inggeris tentunya menambah khasanah Bahasa bagi pelajar-pelajar NII meskipun ramai ulama menganggapnya haram kerana merupakan produk bangsa Barat. Akan tetapi lama-kelamaan kerana kemampuan berbahasa Inggeris

[102] Nazaruddin Sjamsuddin, Pemberontakan Kaum Republik: Kasus Darul Islam Aceh (Jakarta: Grafiti), h. 73.



University of Malaya

tersebut digunakan untuk kejayaan rakyat Aceh, akhirnya pelajaran bahasa Inggeris dapat diterima.

Pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh PUSA dalam hal penyeragaman kurikulum ini disokong penuh oleh masyarakat dan madrasah-madrasah yang terlebih dahulu berdiri. Lembaga-lembaga pendidikan pada waktu itu yang ikut serta menyeragamkan kurikulum antara lain:

- Madrasah Almuslim yang ditubuhkan t tanggal 24 November 1929 oleh Teungku Abdurrahman Mns. Meucap dan telah memiliki gedung permanen. Madrasah ini banyak mendirikan cawangan yang tersebar di seluruh daerah Bireuen.[103]

- Madrasah Sa‟adah Abdiah tahun 1931 di Sigli, Pidie ditubuhkan oleh Tgk. Muhammad Daud Beureueh.

- Tgk Abdul Wahab Keunaloe Seulimum menubuhkan Madrasah Najdilah tahun 1926 yang kemudian bertukar nama perguruan Islam dan memiliki dua tingkat yakni tingkat Ibtidaiyah dan Tsanawiyah. Bersamaan dengan pembaharuan sistem pendidikan, juga dibangun gedung-gedung tempat belajar serta tenaga pengajarnya antara lain Tgk. Muhammad Ibrahim Ali, Ali Hasjmy, Said Abu Bakar dan Ahmad Abdullah (Alumni Thawalib Parabek, Perguruan Thawalib padang panjang dan Normal Islam Padang).[104]

Sumbangan dakwah PUSA sangat besar bagi rakyat Aceh. Dakwah melalui bidang pendidikan menyatu dengan kehidupan rakyat Aceh dan mendorong pelaksanaan syariat

University of Malaya

[103] Shabri A, dkk., Biografi Ulama-Ulama Aceh Abad XX, Jilid I, (Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh, 2003), h. 35
[104] Ibid., h. 24-25

Islam meskipun tidak ada undang-undang yang mengaturnya. Hal ini dikeranakan dakwah PUSA sudah menyatu dengan rakyat Aceh.[105]

### 3.6.2. Dakwah Aceh di Masa Orde Baru

PUSA memberi sumbangan yang teramat sangat besar bagi dakwah di Aceh. Namun demikian, seiring dengan berlaku konflik politik di pemerintah pusat, ianya berimbas juga kepada kehidupan masyarakat Aceh. PUSA yang di awal penubuhannya merupakan organisasi yang bergerak di bidang pendidikan, akhirnya terjebak dalam pertikaian elit penguasa. Pertikaian ini menghantarkan Tgk Muhammad Daud Beureueh melakukan pemberontakan kepada pemerintah pusat kerana beranggapan pemerintah pusat melakukan polisi yang tidak adil kepada Aceh.[106] Pemberontakan ini dikenali sebagai pemberontakan Darul Islam/Tentara Islam Indonesia Aceh kerana pemberontakan serupa juga terjadi di beberapa tempat lainnya di Indonesia, seperti di Jawa dan Makassar.

Konflik Aceh dengan pemerintah pusat berlangsung sangat lama, dari awal-awal kemerdekaan, tepatnya di tahun 1953 ketika Beureueh mengisytiharkan kemerdekaan Negara Islam Aceh[107] sehingga diberlakukannya Daerah Operasi Militer (DOM) untuk Aceh pada tahun 1989 hingga 7 Ogos 1997. Pada masa-masa tersebut, kehidupan di Aceh sangat mencekam. Undang-undang yang berlaku adalah Undang-Undang Militer, tidak ada kebebasan untuk hidup secara wajar. Namun, meskipun berada pada keadaan yang demikian, kehidupan beragama rakyat Aceh masih terjaga. Dakwah Islam tidak lagi bergantung kepada organisasi atau individu, melainkan kembali kepada institusi tradisional, yaitu pondok atau dayah.

---

[105] Hasanuddin Yusuf Adan, Teungku Muhammad Dawud Beureueh; Ulama, Pemimpin dan Tokoh Pembaharuan, (Malaysia: UKM, 2005),126.

[106] https://serbasejarah.wordpress.com/2010/04/15/beureueh-pemberontakan-dengan-sebab-klasik

[107] Ibid

University of Malaya

Jauh sebelum dakwah Islam disyiarkan oleh pertubuhan ulama atau pendakwah-pendakwah, di Aceh telah ada sebuah institusi yang menjadi tonggak dakwah Islam. Ianya dikenali sebagai dayah atau zawiyah atau pondok pesantren. Dayah Aceh memiliki kekhasan berupa kesan tradisional yang diwarisi secara turun temurun. Dayah ini biasa ada di pedesaan dengan dipimpin seorang kyai (guru besar) dan menggunakan pembiayaan sendiri yang tidak terikat mana-mana pehak. Kurikulum yang digunakan adalah kurikulum salafi dengan mengkaji kitab-kitab klasik yang sudah teruji kualitinya dari zaman ke zaman. Mereka juga tidak mengikatkan diri dengan pehak berkuasa ataupun yang lainnya, melainkan sentiasa dekat dan bersatu dengan rakyat. Bahkan di masa penjajahan, dayah menjadi pusat pertahanan perjuangan dan pelantikan pejuang mahupun panglima perang. Dayah pula menjadi pusat rujukan kehidupan masyarakat.

Maka ketika konflik senjata berlaku di Aceh selama berpuluh-puluh tahun, dayah kembaali menjadi pusat keagamaan masyarakat Aceh. Tatkala rakyat tercekam ketakutan akan pihak berkuasa ataupun ancaman pemberontak, rujukan itu kembali kepada dayah dan ulama-ulama yang mengabdikan diri di dalamnya. Ciri-ciri dakwah yang dilakukan oleh dayah-dayah di Aceh adalah:[108]

1. Pola kepimpinan yang mandiri dan tidak mahu tercampuri oleh kepentingan-kepentingan berjangka pendek. Pihak dayah tidak terikat dengan mana-mana pehak berkuasa. Ertinya, pimpinan dayah tidak bekerja dan menjadi pegawai mana-mana institusi. Majikan guru besar dayah hanyalah Allah SWT. Inilah yang membuat dayah unik dank has dalam perjalanan operasionalnya.

2. Kitab-kitab yang dijadikan rujukan merupakan kitab-kitab yang berasal dari warisan peradaban yang sangat tinggi kualitinya. Yang apabila dikaji,akan memberikan

[108] http://www.slideshare.net/Mukhlisuddinlamlo/dayah-pesantren

banyak ilmu dan kearifan yang tinggi. Yang jika diserap dengan baik akan mampu memberikan kesan luar biasa dan pengetahuan yang sangat tinggi.

3. Sistem nilai yang dipertahankan dan nantinya akan didakwahkan di tengah masyarakat, iaitu:

a. Tawāsuth, tidak memihak atau moderat

b. Tawāzun, seimbang dan harmoni

c. Tasāmuh, toleransi

d. „Adl, bersikap adil

e. Tasyāwur, prinsip bermusyawarah

### 3.6.3. Dakwah Aceh di Masa Kini

Seiring bersama waktu, Aceh sekarang menjadi Bandar besar di pulau Sumatera. Keberkatan pasca tragedi tsunami ialah, bahwa akses masuk ke Aceh menjadi sangat luas. Aceh yang selama bertahun-tahun didera konflik kekerasan dan tertutup, sekarang menjadi sebuah kawasan yang terbuka dan bersegera untuk maju. Demikianlah, Aceh pun bersegera menyambut seruan dakwah.

Kegiatan dakwah dalam masyarakat Aceh masa kini telah dilakukan oleh pelbagai organisasi sama ada swasta, pemerintah mahupun perseorangan. Organisasi-organisasi tersebut berdakwah menurut bidangnya masing-masing. Diantaranya ialah:

a. Muhammadiyah

Sebagai organisasi Islam terbesar di Indonesia, Muhammadiyah telah banyak membawa perubahan dan pembaharuan sama ada di Indonesia amnya mahupun di Aceh

pada khasnya. Muhammadiyah telah berusaha untuk memurnikan ajaran Islam dari pengaruh tradisi dan kepercayaan tempatan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Muhammadiyah sebagai gerakan pembaharuan Islam selalu konsisten dengan semboyan kembali kepada ajaran Islam yang murni berasaskan Al-Qur‟ān dan Sunnah. Ramai orang Islam di Indonesia selain percaya kepada Allah SWT dan juga masih lagi percaya kepada kekuatan roh nenek moyang yang dianggap mempunyai kuasa boleh mengusik kehidupan mereka.[109] Dakwah Muhammadiyah di Aceh telah menampakkan hasil dalam segi pembaharuan aqidah, pendidikan dan pemikiran. Ramai orang Islam yang telah dipengaruhi oleh ajaran Budha dan Hindu melakukan amalan-amalan khurafat seperti membuat sesajian pada pohon-pohon besar, kenduri di kubur dan percaya kepada kuasa yang melebihi Allah SWT berjaya dimurnikan aqidahnya. Dakwah yang disampaikan Muhammadiyah terus berkembang dengan idea pembaharuan, iaitu kembali kepada ajaran Islam yang murni. Gerakan ini sangat kuat dilaksanakan di bandar-bandar. Selain berdakwah, mereka juga mendirikan banyak sekolah. Di Aceh terdapat sebuah Universitas Muhammadiyah sebagai tempat pendidikan kader Muhammadiyah yang berwawasan Islam murni. [110]

b. Nahdhatul Ulama (NU)

Hasil Muktamar Nahdhatul Ulama (NU) tahun 1989 telah menegaskan bahawa NU yang dulunya sebagai organisasi politik, kini telah melepaskan diri dari aktiviti politik dan kembali menekuni bidang dakwah, pendidikan dan pembangunan kesejahteraan warganya melalui bidang sosial ekonomi.[111] Anggota NU di Aceh ramai

[109] Achmad Jainuri, Muhamadiyah sebagai Gerakan Pembaharuan Islam, dalam Gebyar Muktamar Muhammadiyah ke-43 di Banda Aceh, (Banda Aceh: PW Muhammadiyah D.I Aceh, 1995), h. 48.
[110] Mujiburrahman, Pelaksanaan Sistim Pondok dan Perkembangannya di Aceh Selepas Peristiwa Tsunami, (Tesis, 2010), h. 34.
[111] Pentas Kekuatan NU Semasa Orde Baru (Jakarta: Panji Masyarakat, No.72, Yayasan Nurul Iman, Jakarta, 1992), h. 29.



University of Malaya

terdiri daripada ulama yang berdakwah dalam masyarakat desa atau kampung. Hal ini sesuai dengan landasannya yang menitikberatkan pada bidang dakwah, pendidikan dan peningkatan sosial ekonomi umat. Usaha dakwah ulama NU di Aceh telah memasuki bidang pendidikan dan ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dan mencerdaskan kehidupan bangsa.

c. Majelis Ulama Indonesia (MUI)

Majelis Ulama Indonesia (MUI) merupakan pertubuhan yang memberi fatwa dan nasehat masalah keagamaan dan kemasyarakatan kepada pemerintah dan umat Islam sebagai amar maʿruf dan nahi munkar. MUI bertindak sebagai badan penghubung antara ulama dan umara serta menjadi penerjemah timbal balik antara pemerintah dan umat guna menjayakan pembangunan nasional.[112] Majelis Ulama Indonesia (MUI) di Aceh telah mengembangkan dakwah Islamiyah mulai dari bandar sehingga desa. Diantara usahanya yang paling menonjol ialah membersihkan aqidah umat dari ajaran-ajaran seperti mengeluarkan fatwa yang mengharamkan ajaran Darul Arqam, Bantaqiyah dan Ahmadiyah Qadiyan. MUI Aceh juga telah mengirimkan para pendakwah bergelar sarjana ke desa-desa transmigrasi untuk membina mereka selama dua tahun.[113] MUI Aceh juga telah berjaya berdakwah di kalangan pegawai negara dan pengusaha dari pelbagai bidang usaha. Kepada mereka disampaikan fatwa wajip berzakat atas harta kekayaan. Selain itu, MUI Aceh telah lama mengeluarkan fatwa wajip zakat untuk hasil pertanian non padi seperti cengkih, kelapa, kopi dan lain-lain. Mereka juga telah berfatwa wajip zakat untuk gaji dan perolehan keuntungan daripada

---

[112] Majlis Ulama, Umat dan Pembangunan: Hasil-hasil Rakernas 1982 (Jakarta: Sekretariat MI, Mesjid Istiqlal, 1982), h. 174.
[113] Ibid 60, h. 39

jasa perkhidmatan.[114] Pemotongan zakat gaji berdasarkan fatwa MUI Aceh telah dilaksanakan oleh Pegawai Pejawat Kementerian Agama Propinsi Aceh dan Pegawai Pejawat Dolog Aceh dan pada peringkat seterusnya berupaya untuk mengutip zakat dari sumber gaji pegawai dalam lingkungan masing-masing.[115]

Fatwa MUI Aceh ini juga telah dilaksanakan oleh pegawai negara dan penguasa dari pelbagai departemen yang ada di bawah Pemerintah Daerah Aceh dengan dibentuknya Badan Amil Zakat Infaq dan Sedekah (BAZIS). Pelaksanaan fatwa ini merupakan dakwah yang amat penting untuk mengumpulkan dana bagi umat Islam kerana pada masa sekarang ini cukup ramai orang kaya yang masih lagi belum sedar akan kewajipannya dalam mengeluarkan hartanya untuk dipergunakan bagi kepentingan agama dan fakir miskin.

d. Kementerian Agama

Kementerian Agama (Kemenag) atau yang dulunya dikenal dengan Departemen Agama (Depag) terdapat satu jabatan yang mengembangkan Dakwah Islamiyah yang disebut dengan Jabatan Penerangan Agama Islam. Jabatan ini bertugas memberikan dakwah atau penerangan tentang agama Islam dalam pelbagai masalah yang terdapat dalam masyarakat, samaada menyangkut pelaksanaan agama mahupun di bidang ibadah serta muamalah. Di bawah pentadbiran Kementerian Agama ini terdapat Institut Agama Islam yang di dalamnya terdapat lima buah fakulti yang mendidik pelajar dalam pelbagai bidang ilmu. Salah satunya iaitu fakulti dakwah yang berorientasi mencetak kader-kader dakwah yang sesuai dengan perkembangan teknologi masa kini dan sesuai dengan keperluan masyarakat Aceh semasa.

---

[114] K.A. Endin, Perhitungan Zakat Gaji dan Fee, Sinar Darussalam, No. 133, YPD Unsyiah- IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 1983, h. 81.

[115] M. Ali Muhammad, Memasyarakatkan Zakat, Sinar Darussalam, No. 145, YPD Unsyiah-IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 1985, h. 70.



University of Malaya

e. Ikatan Cendikiawan Muslim Indonesia (ICMI)

Pertubuhan Ikatan Cendikiawan Muslim Indonesia (ICMI) merupakan wadah para intelektual muslim untuk berkiprah memperjuangkan dan menyiarkan agama Islam serta mewarnai umat ke masa hadapan yang lebih agamis. Pertubuhan ini berusaha menyatukan umat Islam Indonesia dalam satu fahaman yang sama berasaskan ukhuwah Islamiyah dan sekarang sedang berpacu mencetak kader mujaddid yang akan mengukir lembaran sejarah umat Islam.[116] ICMI cawangan Aceh telah menyatukan para cendikiawan muslim di Aceh dengan Gabenor Aceh sebagai ketuanya. ICMI Aceh berusaha untuk membangun Aceh sesuai dengan keperluan masyarakat Aceh masa kini.

f. Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII)

Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII) ialah lembaga yang memberikan keprihatinannya hanya pada bidang dakwah sahaja. Daie-daienya bukanlah setakat mengisi mimbar masjid di perbandaran tetapi juga ke daerah-daerah pelusuk di tengah hutan atau di puncak bukit.[117] DDII cawangan Aceh telah mengembangkan program dakwah sama ada di perbandaran mahupun di perkampungan. Program dakwah DDII yang nampak ialah menangkal arus kristianisasi dan berdakwah ke sempadan Aceh Tenggara yang banyak dimasuki oleh orang-orang Kristian khasnya daripada Sumatera Utara untuk mengembangkan agamanya. Di sempadan inilah ramai orang-orang Batak Kristian yang masuk ke Aceh dengan cara membeli tanah, membuka kebun, membantu orang miskin dan akhirnya berusaha membujuk orang Islam agar masuk ke agama mereka. Orang-orang Kristian ini juga sengaja memelihara babi agar orang-orang Islam pindah dari tempat tersebut. Apabila orang-orang Islam ini pindah dari tempat tersebut,

[116] Ismail M. Z. ICMI: Bapak Angkat Mahasiswa Islam Indonesia, Panji Masyarakat, No.670, Yayasan Nurul Iman, Jakarta, 1991, h. 9.
[117] Pak Nasir Telah Tiada, Panji Masyarakat, No. 746, Yayasan Nurul Iman, Jakarta, 1993, h. 11.



University of Malaya

mereka berusaha mendirikan gereja untuk menampakkan bahawa agama mereka sudah berkembang di tempat tersebut. Untuk mengantisipasi arus kristianisasi, DDII Aceh dan pertubuhan lainnya telah mengirimkan juru-juru dakwah dan kemudian menubuhkan lembaga pengajian Islam di tempat berkenaan.[118]

Di sempadan ini juga sering terjadi perselisihan antara umat Islam dan Kristian dalam usaha mengembangkan agama masing-masing. Kelemahan orang-orang Islam, utamanya dalam hal ekonomi, dimanfaatkan orang-orang Kristian dengan memberikan bantuan kepada orang-orang Islam yang miskin dengan matlamat agar mereka murtad dan memeluk agama mereka.[119]

g. al-Jam‛‛iyyat al-Waṣliyyat

Pertubuhan al-Waṣliyyat sudah berkembang ke seluruh Aceh dan diterima oleh para ulama samaada tradisional maupun moden. Pertubuhan ini telah banyak bergerak dalam berdakwah kepada masyarakat kampung dengan cara membangun institusi pendidikan, menyantuni anak fakir miskin, memelihara serta mendidik anak yatim piatu, memperbanyak tahlil, tazkirah dan pengajaran di tengah-tengah umat Islam.[120] al-Jam‛‛iyyat al-Waṣliyyat telah banyak membina kader dakwah yang arif dan bijaksana secara terus menerus dalam kaitannya mengembangkan amar makruf dan nahi munkar. Pertubuhan ini mengirimkan para daie ke pelusuk-pelusuk kampung pada waktu tertentu secara tersusun dan kemas. Ianya juga memasyarakatkan syiar Islam dalam pelaksanaan fardu ain, fardu kifayah dan amalan sunat serta membina generasi muda dan menerbitkan risalah yang berguna bagi masyarakat.[121]

[118] Ibid 60, h. 37.
[119] Ibid 60, h. 38.
[120] Antara Harapan dan Kenyataan, Hasil Konferensi Al-Wasliyah (Banda Aceh, 1980), h. 90.
[121] Ibid, h. 28.



University of Malaya

h. Inshafuddin

Inshafuddin ialah pertubuhan persatuan dayah/pesantren (maahad) yang memiliki matlamat untuk mengatur, mentadbir dan memastikan kewujudan dayah yang berterusan. Pertubuhan ini disamping mengembangkan dan menghidupkan dayah di dalam masyarakat Aceh, juga ikut serta dalam mengembangkan dakwah Islamiyah di tengah-tengah masyarakat Aceh. Inshafuddin telah berusaha mengembangkan dakwah di tengah-tengah masyarakat Aceh dengan cara menyiapkan kader dakwah melaksanakan pendidikan dan pembinaan generasi muda agar dapat berdakwah di dalam masyarakat sampailah ke pelusuk desa. Dalam pelaksanaannya, Inshafuddin mempunyai tiga bahagian kerja dakwahnya iaitu bahagian pendidikan, bahagian dakwah dan bahagian hubungan masyarakat.[122]

Selain pertubuhan-pertubuhan dakwah yang telah disebutkan, masih banyak lagi pertubuhan dakwah yang terlibat aktif terhadap masyarakat Aceh. Salah satunya ialah Ikatan Da"i Indonesia (IKADI) yang menjadi bahasan utama di dalam disertasi ini. Pertubuhan yang lain diantaranya ialah Dewan Masjid (DM) yang telah berusaha membentuk pertubuhan remaja masjid di setiap masjid di seluruh Aceh. Pembinaan remaja masjid ialah suatu pendidikan membina remaja sebagai generasi penerus dengan pengharapan agar hati mereka sentiasa terikat dengan masjid. Pertubuhan-pertubuhan Islam yang di kampus pun juga ikut berperan dalam dakwah, seperti Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia (KAMMI), Pelajar Islam Indonesia (PII) dan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI).

Usaha-usaha persendirian juga banyak yang bergerak dalam dakwah Islamiyah di Aceh. Pondok-pondok dan ma"had dari zaman dahulu sehingga sekarang telah

[122] Himpunan Hasil Mubes Tiga Persatuan Dayah Inshafuddin di Banda Aceh, (Bada Aeh,1986), h. 15.

University of Malaya

banyak melahirkan da"i atau pendakwah yang gigih dan sungguh-sungguh dalam berdakwah dan membimbing umat Islam secara berterusan. Kini telah lahir pula pondok pesantren moden yang diurus dengan kaedah-kaedah yang sesuai dengan keperluan masyarakat Aceh masa kini.

Pada masa kini, ramai juga intelektual muslim atau pendakwah lepasan universiti daripada fakulti dakwah yang terjun langsung ke dalam masyarakat. Mereka berdakwah dengan kapasiti dan perfoma cemerlang dengan memanfaatkan sarana-sarana teknologi moden. Penggunaan media seperti akhbar harian, majalah, stesen radio, internet dan sebagainya menjadi langkah positif dalam rangka menyebarkan dakwah di tengah-tengah masyarakat Aceh.

## 3.7. Ikatan Da'i Indonesia (IKADI)

### 3. 7. 1. Sejarah dan Perkembangan IKADI

Latar belakang ditubuhkannya Ikatan Da"i Indonesia (IKADI) adalah bermula daripada permasalahan dakwah dan keumatan yang hari demi hari begitu meluas dan memerlukan penanganan yang serius dari semua pehak, utamanya mereka yang berada di barisan pertama dalam menyelesaikannya iaitu para pendakwah atau da"i. Permasalahan dakwah yang berterusan dan perkembangannya yang sentiasa ada memerlukan sebuah wadah atau tempat yang dapat memberikan arahan kepada umat. Melalui pembentukan wadah dai ini diharapkan dapat menghasilkan para da"i yang profesional, bermoral, bervisi misi jauh ke hadapan dalam hal perencanaan, pengurusan maupun aksi dakwah. Dan juga hendaknya, wadah ini dapat memperkasakan dakwah dan dai dalam mendidik umat serta merenovasi dan mereformasi pandangan umat terhadap tanggung jawapnya sebagai pemikul panji moraliti yang berasaskan al-Quran dan Sunnah. Dengan demikian, diharapkan lahir Islam yang memberikan makna



University of Malaya

rahmatan lil alamin dalam dunia nyata di mana dapat memberikan pembelaan terhadap kebenaran dan memiliki kepekaan yang tinggi terhadap nilai-nilai Islam yang universal.

Hal inilah yang mendorong lahirnya IKADI sebagai pertubuhan para da‟i agar dapat memberikan kontribusi positif dan memperkasakan potensi umat. Pertubuhan yang diberi nama Ikatan Da‟i Indonesia (IKADI) ditubuhkan di Jakarta pada hari Jumaat, 1hb Jumaadil Ula 1423 H atau bertepatan pada 12hb Julai 2002 M.

### 3.7.2. Visi, Misi dan Tujuan IKADI

Visi, misi dan tujuan bagi sebuah organisasi sangatlah penting kerana ianya menjadi arah yang jelas bagi bagi organisasi itu, terlebih lagi bagi IKADI. Inilah visi, misi dan tujuan IKADI :

#### 3. 7. 2. 1. Visi

Iaitu menjadi lembaga profesi da‟i yang mampu mengoptimalkan potensi para da‟i dalam menegakkan nilai-nilai islam sebagai rahmatan lil alamin.

#### 3.7.2.2. Misi

Iaitu mewadahi aktiviti para da‟i dalam mendayagunakan potensinya untuk kemaslahatan umat dan bangsa melalui dakwah Islamiyah yang membawa rahmat.

#### 3.7.2.3. Tujuan

1). Membina pemahaman Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah sesuai manhaj ulama salafush shaleh bagi segenap umat manusia.

2). Membina sikap hidup berislam yang rahmatan lil „alamin.

3). Menyebarkan, mengamalkan dan membela nilai-nilai Islam.

4). Meningkatkan ukhuwah Islamiyah antara ummat.

5). Meningkatkan kemampuan dan peranan da‟i dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

### 3.7.3. Aktiviti

Di antara aktiviti yang dilakukan oleh IKADI ialah :

1). Mengembangkan potensi dai dalam mengemban amanat penyebaran dakwah kepada masyarakat dalam rangka terealisasinya Islam Rahmatan Lil-'alamin.

2).Menjalin kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan da'wah Islam dan organisasi lainnya untuk pengembangan kegiatan sosial, budaya, intelektual dan ekonomi.

3). Mengembangkan kelembagaan pendidikan Islam, antara lain dengan meningkatkan SDM (Sumber Daya Manusia) Pendidikan dan para peserta didik.

4). Meningkatkan keterlibatan dai dalam kegiatan pendalaman keagamaan dan pembinaan umat.

5). Memberikan sumbangan pemikiran dalam mengambangkan sistem pendidikan pada lembaga-lembaga pendidikan terutama pesantren-pesantren dan lembaga pendidikan Islam.

6). Menyelenggarakan dan Mengupayakan biasiswa bagi pelajar dan mahasiswa muslim.

7). Menyelenggarakan takaful dai.

University of Malaya

8). Menyelenggarakan riset, kajian ilmiah dan islamisasi ilmu pengetahuan serta publikasi masalah-masalah keislaman.

9). Turut berpartisipasi aktif dalam mewujudkan ukhuwwah Islamiyah dalam bingkai kehidupan berbangsa dan bernegara.

10). Menyelenggarakan kegiatan-kegiatan lain yang bermanfaat untuk umat.

### 3. 7. 4. Ciri Khas Organisasi IKADI

Sebagai sebuah lembaga dakwah, IKADI memiliki sifat dan ciri keorganisasiannya sebagai berikut:

1). IKADI merupakan organisasi kemasyarakatan yang bersifat keIslaman yang diwujudkan dalam bentuk ukhuwah dan silaturrahim dalam membina dan mengembangkan saling mengenal, saling menolong dan saling berwasiat di jalan kebenaran guna memperkukuh kesatuan dan persatuan bangsa serta mengangkat harkat dan martabat ummat manusia.

2). IKADI adalah organisasi berciri keterbukaan dalam kemasukan ahli, menampung aspirasi, partisipasi, prakarsa dan dinamika anggota.

3). Berciri kemandirian yang dicerminkan dalam sikap organisasi yang memiliki otonomi dalam pemikiran, pengambilan keputusan , penyelenggaraan aktiviti secara amal jamai terutama bertumpu pada kemampuan pemikiran, upaya dan sumber daya sendiri sesuai dengan program yang telah ditetapkan.

University of Malaya

4). Berciri kekeluargaan yang diimplementasikan pada pengembangan wawasan kebangsaan dan kebersamaan untuk menumbuhkan sikap kekeluargaan dai serta berpartisipasi dalam pemersatu ummat, masyarakat, bangsa dan negara.[123]

### 3. 7. 5. IKADI dan Cawangannya Di Seluruh Indonesia

Sehingga sekarang ini, IKADI sudah menubuhkan 28 cawangannya di setiap negeri di seluruh Indonesia. Cawangan setiap negeri ini disebut sebagai Pengurus Wilayah (PW) IKADI. Dan ini, cawangan-cawangan IKADI yang ada di setiap negeri :

PW IKADI Aceh Jl. T. Nya' Arief , Jambotape Banda Aceh

PW IKADI Sumatera Utara Perumahan Andansari No.14 B PSR VI Terjun Medan Marelan Sumatera Utara

PW IKADI Sumatera Barat Jl. Delima No.7B Ujung Gurun Barat Padang - Sumatera Barat

PW IKADI Jambi Perum Yeyes Lestari III Blok H No.99 Jl.Lemas Somad Kotabaru Jambi

PW IKADI Riau Jl. Tuantu Tambusai Komp. Taman Mella Blok. G-4 Pekanbaru Riau

PW IKADI Kep. Riau Perum Valiant Permai Jl.Adi Sucipto Blok E No.8 KM.11 Tanjungpinang Kep. Riau

PW IKADI Bengkulu Jl. Merapi No.88 Bengkulu

PW IKADI Sumatera Selatan Yayasan Ash -Shaff Jl. Bukit Baru III Rt 04/06 No.3390 Kelurahan Bukit Baru Palembang 30139

[123] Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga IKADI, 2003



University of Malaya

PW IKADI Bangka Belitung Jl. Mawar II Mess VII Komplek Karyawan PT Timah Tbk Bukit Baru, Pangkal Pinang

PW IKADI Lampung Jl. ZA Pagar Alam No.13 Gedung Meneng, Rajabasa Bandar Lampung 35145

PW IKADI Banten Jl. Ayip Usman Kebaharan Dukuh Serang

PW IKADI DKI Jakarta

PW IKADI Jawa Barat Jl. Mijil No.14 Martanegara, Bandung

PW IKADI Jawa Tengah Jl. Karonsih Baru III /112 Ngalian Semarang Jawa Tengah

PW IKADI DIY Jl. Tasura No.42 Maguwoharjo Sleman Yogyakarta

PW IKADI Jawa Timur Ruko Graha Indah Wisesa Blok B-6 No. 44, Jl. Gayung Kebonsari Surabaya

PW IKADI Kalimantan Barat Gedung Islamic Center Komp. Masjid Raya Mujahidin Pontianak Kalimantan Barat

PW IKADI Kalimantan Tengah Jl. Pilau No. 22 Palangkaraya Kalimantan Tengah 73112

PW IKADI Kalimantan Timur Jl. Letjen Suprapto, Kompleks RUKO Century No.6 Samarinda Kaltim

PW IKADI Kalimantan Selatan Jl. A Yani Km 5,7 Banjarmasin

PW IKADI Sulawesi Tengah Jl. Ramba I Birobuli Palu Selatan Palu Sulawesi Tengah

PW IKADI Bali Jl. Petulaka 3 M Perumahan Peninjauan Permai Peguyangan Denpasar Bali

University of Malaya

PW IKADI Nusa Tenggara Barat Jl. Majapahit 20 Mataram NTB

PW IKADI Nusa Tenggara Timur Pesma El-Fata Jl. Gedung Keuangan Kupang Nusa Tenggara Timur

PW IKADI Maluku Komp. BTN Bukit Manusela Blok C No. A Maluku

PW IKADI Irjabar Jl. Serma Suwandi Komp.Blok SKMA Manokwari Papua Barat[124]

PW IKADI Papua Jl. Veteran No.7 Abepura Jayapura Papua

### 3.7.6. IKADI WILAYAH ACEH

IKADI Aceh ditubuhkan pada pertengahan tahun 2004. Awal mulanya melalui Ustaz DR. Mustanir Yahya, MSc., IKADI Pusat meminta untuk membentuk jejaring da"i di seluruh Indonesia dalam wadah IKADI. Ibarat gayung bersambut, tawaran ini langsung disambut dengan sangat semangat kerana sememangnya rakyat Aceh sedang sangat memerlukan lembaga dakwah seperti IKADI bagi mengajak umat dengan cara-cara yang santun. Perhatian IKADI adalah mendakwahkan Islam sesuai dengan Islam yang wasathan (pertengahan) bukan mengikuti sebahagian umat yang mempermasalahkan furū"iyyah sehingga menimbulkan perpecahan sedangkan dalam bab ushūl diabaikan. Begitu juga ada sebahagian umat yang terlalu lepas dan menjadi liberal. IKADI ingin berada di tengah-tengah mengusung dakwah rahmatan li al-„ālamīn.

Dengan Dr. Mustanir Yahya, MSc., sebagai ketua IKADI Aceh pertama kali, IKADI Aceh bertekad untuk berdakwah di tengah-tengah masyarakat Aceh yang meskipun sudah beragama Islam namun sesungguhnya haus akan agama, haus akan dakwah, haus akan taushiyah. Ditambahkan lagi, di penghujung tahun 2004 musibah besar berlaku. Tsunami menimpa Aceh dan meluluh lantakkan wilayah ini. Ratusan ribu

---

[124] http://www.ikadi.or.id/profil/pp/51-peta-wilayah.html



University of Malaya

nyawa menjadi mangsa, rumah-rumah hancur dan semua sendi kehidupan lumpuh total. Amanah besar ini memaksa IKADI Aceh untuk berlari kencang dalam program-program dakwahnya. Dakwah tidak sekedar berceramah dari mimbar ke mimbar, ataupun mengajarkan satu demi satu huruf-huruf daripada al-Qur"ān. Tentangan dakwah justeru ialah membumikan Islam dengan nyata. Maka para da"i masuk ke dalam khemah-khemah mangsa tsunami, menguatkan iman dan mengokohkan keyakinan mereka kerana ramai mangsa tsunami yang mengalami tekanan mental teruk bahkan beberapa diantaranya menjadi gila. Para da"i ini tak sekadar membimbing kalbu para mangsa, tetapi mereka juga bertungkus lumus membantu menghidangkan makanan, menyampaikan petuah kesihatan dan juga aktif bertindak dalam bimbingan kaunseling. Yang ditangani juga semua lapisan masyarakat, lelaki perempuan, tua muda sehinggakan kanak-kanak dan bayi. Masa-masa itu adalah masa terpantas untuk mewujudkan Islam yang sesungguhnya, bahawasanya Islam ialah agama rahmatan lil alamin.[125]

Masa berlalu sedemikian pantas dan tantangan ke hadapan sangat besar kerana tak sedikit lembaga-lembaga kemanusiaan yang mendakwahkan agama selain Islam dengan berlindung di balik bantuan yang diberikan. Dalam keadaan demikian, semakin komplekslah dakwah yang diusung oleh IKADI Aceh.

Seiring dengan waktu, IKADI Aceh semakin mengokohkan dakwahnya. Penanganan masalah tsunami semakin menambah keyakinan diri bahawa kehadiran IKADI memang dinanti oleh masyarakat Aceh. Dalam aktiviti seterusnya, IKADI berusaha untuk melakukan program-program dakwah yang merata ke semua aspek, termasuk di dalamnya adalah menangkal upaya-upaya kristianisasi yang berlangsung secara gencar pada masa tsunami. Dapat dimaklumi bahawa Aceh sebelum tsunami adalah negeri tertutup kerana konflik dan peperangan yang berlaku selama bertahun-

[125] Temubual dengan bekas pengetua IKADI Aceh, Dr. Mustanir Yahya,Msc., 16hb Disember 2014



University of Malaya

tahun. Dengan adanya musibah tsunami, dengan dalih bantuan kemanusiaan, ramai sukarelawan mahupun pertubuhan kemanusiaan yang masuk ke Aceh. Mereka tidak hanya membawa bantuan bagi mangsa tsunami, namun juga fahaman agama mereka. Aceh yang merupakan negeri Islam, berangsur-angsur menjadi sasaran empuk bagi para misionari berkedok sukarelawan. Dengan sedaya upaya, dai-dai IKADI membentengi umat dengan aqidah yang kokoh bahkan dengan cara menghantar para dai ke wilayah sempadan dengan wilyah Sumatera Utara yang mayoriti rakyatnya beragama Kristian.

Seterusnya, IKADI Aceh menambahkan perkhidmatannya kepada rakyat Aceh dengan berkontribusi dalam pelaksanaan syariat Islam. Bersama-sama dengan lembaga dakwah lainnya menjadi rekanan pemerintah untuk melaksanakan syariat Islam di negeri Serambi Mekkah. IKADI Aceh berjuang menegakkan syariat Islam dalam semua aspek, tidak hanya dalam aspek ibadah ritual melainkan juga aspek-aspek yang dianggap diluar jangkauan syariat, seperti masalah kesihatan, ekonomi, pendidikan dan sosial budaya kerana sesungguhnya Islam adalah cara hidup yang mengurus semua aspek kehidupan manusia.

### 3.7.7. Struktur dan Cawangan IKADI Aceh

Ketua IKADI Aceh pertama iaitu Dr. Mustanir Yahya, MSc,. Beliau dengan beberapa Ustaz lainnya memulakan dakwah Islamiyah di Aceh dengan perangkat sederhana dan sedikit dai. Struktur Ahli Jawatan Kuasa dibagi menjadi dua, iaitu pengurus harian yang terdiri dari ketua, setia usaha dan bendahari dan bidang-bidang yang terdiri dari ketua dan anggota. Pengurus harian boleh juga ditambahkan dengan naib ketua, setiausaha am yang membawahi setia usaha, bendahari pula boleh menambahkan naib bagi kejayaan kerjaya yang diamanatkan. Bidang-bidang yang ditambahkan dalam struktur di antaranya iaitu bidang dakwah, bidang hubungan masyarakat, bidang pengajian

University of Malaya

(research) dan pengembangan, bidang kaderisasi, bidang pendidikan dan latihan, dan bidang-bidang lain sesuai dengan keperluan dan tersedianya sumber manusia untuk menjalankannya.[126]

Untuk menjalankan aktivitinya terutama di daerah-daerah, IKADI Aceh memiliki cawangan-cawangan setingkat kawasan atau bandar yang disebut „pengurus daerah" atau biasa disingkat PD IKADI. Pada awal penubuhannya, terdapat lima PD IKADI Aceh, iaitu PD IKADI Banda Aceh, PD IKADI Aceh Barat, PD IKADI Aceh Tengah, PD IKADI kota Langsa dan PD IKADI kota Lhokseumawe. Kini, IKADI Aceh memiliki 20 cawangan pengurus daerah dari 23 kawasan dan bandar di negeri Aceh.[127]

[126] Temubual dengan pengetua IKADI Aceh, Dr. Muhammad Yasir Yusuf, MA., 16hb April 2013
[127] Temubual dengan ahli jawatan kuasa IKADI Aceh, Rolly Triwahyudi, SP., 16hb Disember 2014



University of Malaya

# BAB IV

# PELAKSANAAN DAN PERMASALAHAN DAKWAH IKADI DI ACEH

Dalam menjalankan aktivitinya sebagai lembaga dakwah Islamiyah, IKADI memiliki peranan yang sangat penting iaitu mengajarkan umat tentang hakikat Islam yang rahmatan li al-‚ālamīn dan mengarahkan umat agar hidup sesuai dan selaras dengan nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Qur‟ān dan al-Sunnah. Dalam bab ini akan dihuraikan mengenai pelaksanaan usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh IKADI Aceh sejak mulanya ditubuhkan sehingga masa sekarang ini dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan tugasan dakwah tersebut. Berbincang tentang Aceh, ianya tidak dapat disamakan dengan mana-mana negeri atau provinsi-provinsi lain seperti mana di Jawa ataupun bahagian Sumatera lainnya. Aceh merupakan negeri yang baru sahaja terlepas daripada konflik dalaman yang berkepanjangan. Bagi negeri lain, boleh jadi aktiviti dakwah yang dilakukan di Aceh adalah ianya perkara biasa tetapi tidak sesungguhnya bagi negeri yang dikenali dengan serambi Mekkah ini. Negeri ini sedang membina kehidupan menuju negeri yang aman dan sejahtera seperti mana negeri-negeri lainnya di Indonesia.

## 4.1. Pelaksanaan Dakwah IKADI di Aceh

Ikatan Da‟i Indonesia (IKADI) Aceh merupakan pertubuhan dakwah Islam yang mengedepankan amal iaitu kerja atau aktiviti. Tak lama selepas ditubuhkan iaitu pada bulan Jun 2004, tepat pada 26hb Disember 2004 bencana tsunami menimpaa Aceh. Musibah tsunami daripada Allah SWT ini menjadi peluang besar bagi IKADI untuk memberikan khidmat kepada rakyat Aceh seketika itu juga. Dengan tidak membuang masa dalam menunggu kesempatan atau memikirkan cara berdakwah, momentum

University of Malaya

tsunami adalah menjadi titik tolak keberadaan IKADI di bumi Aceh. Berikut usaha-usaha dakwah dan peranan IKADI di Aceh.

### 4.1.1. Menjadi Guru Bagi Umat

Selepas berlakunya musibah tsunami yang menghancurkan negeri Aceh pada 26hb Disember 2004, IKADI Aceh bertungkus lumus dengan segenap usaha membantu membangkitkan semula semangat umat untuk bertawakkal kepada Allah SWT. Usaha-usaha mendidik umat agar tetap hidup berpandukan kepada ajaran Islam terus dilakukan. Menjadi guru bagi umat adalah tugasan utama yang tak boleh diketepikan.

Musibah tsunami yang menimpa rakyat Aceh tidak hanya menghancurkan banyak aset berharga milik rakyat. Ketamadunan rakyat Aceh ikut terguncang akibat musibah tsunami. Selepas berlaku musibah ini, ramai rakyat yang terpaksa tinggal hidup di tenda-tenda atau khemah-khemah yang tak layak setakat dapat berteduh daripada hujan dan panas sinaran matahari. Makan dan minum seadanya sahaja dan serba kekurangan. Keadaan ini berlaku dalam masa yang lama dan menjejaskan kejiwaan mangsa tsunami kerana kehilangan kaum kerabat dekatnya, rumah dan harta bendanya. Keadaan ini juga menjadi mudah berlakunya penyakit-penyakit kejiwaan seperti trauma, disorientasi kehidupan, stress bahkan gila/hilang ingatan. Penyakit-penyakit sosial juga semakin banyak dan kompleks yang dapat membabitkan berlakunya keadaan pelarian tsunami menjadi tidak baik seperti perilaku vandalism, perbuatan rogol, kes jenayah dan lain sebagainya.

Untuk itu, IKADI dengan prihatin melancarkan program-program keummatan yang dapat mendidik dan mengarahkan masyarakat mengikut tuntunan Islam. Sebagaimana yang dilaporkan dalam fail IKADI Aceh iaitu Laporan 2005,[128] bermula

[128] Fail IKADI Aceh, LAPORAN 2005, h. 3

University of Malaya

dari 1 Januari 2005, IKADI Aceh melaksanakan rangkaian program mendidik umat, iaitu:

- Tabligh di lokasi-lokasi pengungsian dimana para da‟i dalam masa tertentu ditempatkan di tenda/khemah/barak untuk membimbing para pelarian
- Pengajian/taklim rutin kepada berbagai lapisan masyarakat
- Menyediakan tenaga penceramah, khatib Jumaat dan sholat Hari Raya serta kajian diniyah
- Memberikan taujih/pembekalan kepada para relawan sebagai penguat semangat
- Nara sumber/pemateri pada program recruitment training dan pembekalan relawan tempatan
- Mendistribusikan risalah-risalah dakwah, buku-buku agama, mushaf, tudung, sarung dan telekung kepada mereka yang memerlukan
- Melancarkan pelbagai program yang melibatkan lembaga-lembaga lain dalam usaha mencari solusi terhadap pendangkalan aqidah umat Islam.

Program ini mendapatkan sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat yang merupakan mangsa tsunami. Dalam keadaan tertekan dan memerlukan pertolongan, sememangnya para pelarian tsunami ini memerlukan sokongan sepenuh hati daripada masyarakat, terlebih lagi para da‟i. Yang menjadi catatan positif bahawa para da‟i ini tinggal bersama para pelarian di khemah-khemah, dengan demikian para da‟i dapat merasakan langsung apa sahaja yang berlaku di tengah-tengah pelarian. Simpati dan empati yang diberikan merupakan sokongan moral yang sangat berharga yang ianya mendekatkan dan mengeratkan hubungan kedua belah pihak, di mana para da‟i dan pelarian tiada jarak melainkan satu kesatuan bersama untuk mengharungi cabaran selepas berlakunya bencana tsunami.

University of Malaya

Selain kedekatan para da‟i dengan mangsa tsunami ini, program seterusnya yang sangat tepat ialah pembekalan bagi relawan dan para da‟i yang akan diterjunkan ke medan para mangsa tsunami. Relawan yang datang daripada perlbagai daerah dan lembaga-lembaga lain ini dikenalkan dengan keadaan sebenar untuk seterusnya terlibat langsung dalam penanganan permasalahan yang berlaku. Jadi, IKADI tidak hanya menyediakan para da‟inya tetapi ianya juga menyalurkan relawan dan da‟i dari lembaga-lembaga lain sama ada daripada Aceh mahupun daerah lainnya untuk bersama-sama diterjunkan ke lapangan. Dengan adanya tambahan para da‟i relawan daripada luar Aceh, maknanya kuantiti jumlah para da‟i semakin bertambah, dengan demikian memudahkan pengurusan para mangsa tsunami sekaligus menambah jejaring dakwah antara IKADI dengan lembaga-lembaga lain.

Bantuan yang diberikan tidak hanya kepada keperluan asas sahaja seperti makan dan minum serta tempat tinggal akan tetapi diberikan juga bantuan berupa perlengkapan ibadah solat seperti sarung dan telekung bagi memudahkan pelarian melaksanakan ibadah solat khususnya.

### 4.1.2. Program Penyebaran Da'i

Sebagai lanjutan daripada program sebelumnya, dilakukan program penyebaran da‟i yang dilaksanakan secara bertahap dan berterusan, utamanya sepanjang tahun 2005 sebagai bentuk penyikapan dan tanggung jawap terhadap ekoran musibah gempa dan tsunami. Dalam laporannya[129] selama kurun waktu Januari 2005 sehingga Maret 2005 telah disebar ratusan da‟i dalam empat tahap ke pelusuk Aceh. Para da‟i ini turun padang secara langsung bagi membina dan membimbing masyarakat yang tengah ditimpa musibah. Para mangsa ini tidak hanya dibimbing masalah ruhani dan

[129] Fail IKADI Aceh, LAPORAN 2005, h. 5

University of Malaya

spiritualnya sahaja, melainkan juga dibangkitkan semula hasrat untuk melanjutkan hidup dan berdikari.




Gambar 4.1. Program penyebaran da‟i

Program penghantaran da‟i ini berlangsung dalam empat tahap. Tahap pertama dilaksanakan pada jangka masa antara 14hb Januari 2005 sehingga 24hb Januari 2005. Program ini merupakan gabungan antara KKI, IKADI Pusat, Yayasan Ishlah Bina Umat dan lembaga-lembaga lainnya. Tujuan daripada program ini ialah untuk memenuhi keperluan aspek ruhani dan memotivasi mangsa tsunami. Untuk tahap pertama ini, kawasan yang dituju ialah Darul Imarah, Masjid Samahani, Masjid Montasik dan Bandarjaya yang kesemuanya itu berada di wilayah Aceh Besar. Tahap kedua dilaksanakan pada jangka masa 1hb Februari 2005 sehingga 14hb Februari 2005 di wilayah Aceh Besar meliputi daerah Montasik, Ingin Jaya, Kuta Malaka, Samahani, Seulimeum, Jantho, Lembah Seulawah, Indra Puri, Darul Imarah, Darul Kamal dan Krueng Barona Jaya. Tahap ketiga dilaksanakan pada jangka masa 18hb Februari 2005 sehingga 22hb Februari 2005 bagi wilayah Darul Imarah, Aceh Besar. Manakala tahap keempat dilaksanakan pada jangka masa 28hb Februari 2005 sehingga 13hb Mac 2005 bagi wilayah Banda Aceh meliputi Bandar Raya dan Kuta Alam serta Aceh Besar yang meliputi Seulimum, Darussalaam dan Lhok Nga.

University of Malaya

Program ini tidak hanya menghantar da‛‛i-da‛‛i tempatan ke pelusuk Aceh, utamanya kawasan yang teruk terkena musibah tsunami, melainkan juga da‛‛i-da‛‛i dari luar Aceh yang berminat untuk menolong mangsa tsunami. Bahkan ahli-ahli jawatan kuasa dari IKADI pusat (Jakarta) juga ikut serta bertungkus lumus meringankan beban penderitaan para mangsa tsunami. Di antara mereka iaitu Ustaz. DR. H. Ahmad Qusyairi Suhail, Ketua I Departemen Dakwah IKADI Pusat terjun berdakwah pada 5hb April 2005 sehingga 7hb April 2005.

Selain daripada itu, IKADI Aceh juga memfasilitasi kedatangan tokoh-tokoh nasional mahupun Internasional untuk bersama-sama membantu meringankan beban para mangsa tsunami. Di antara mereka iaitu Syaikh DR. Khalid daripada Qatar yang merupakan setiausaha kepada Syaikh DR. Yusuf al-Qaraḍāwī, Ketua Ulama Antarabangsa. Beliau mengunjungi mangsa selama tiga hari iaitu pada 19hb Mei 2005 sehingga 22hb Mei 2005. Program ini seterusnya dilaksanakan dengan mendatangkan da‛‛i-da‛‛i daripada luar Aceh, seperti 8 da‛‛i dari Jakarta yang datang ke Aceh selama dua periode, yaitu pada 25hb Mei 2005 sehingga 31hb Mei 2005 dan 1hb Jun 2005 sehingga 8hb Jun 2005.

Selari dengan program penyebaran da‛‛i ke pelusuk-pelusuk Aceh, program ini kemudian dilanjutkan menjadi program Tebar Seribu Da‛‛i bekerjasama dengan lembaga-lembaga dakwah lainnya bermula daripada Julai 2005. Bilangan da‛‛i yang dihantar semakin ramai dan peranan mereka kepada masyarakat semakin meningkat. Selain itu, kerjasama antar lembaga dakwah semakin meningkat juga.

Aktiviti para da‛‛i selama berada di khemah pelarian tsunami sangatlah padat. Selain mengajarkan agama kepada para mangsa, mereka juga turut serta membantu pekerjaan apa sahaja yang boleh dibuat. Umpamanya mendirikan khemah, memasak bersama, termasuk di antaranya juga memotivasi para mangsa untuk segera bangkit

University of Malaya

semula dalam kehidupannya. Hal ini dikeranakan ramai mangsa yang hidup dalam tekanan dan depresi.

Program Tebar Seribu Da‟i ini berlangsung dalam dua tahap, iaitu tahap pertama bekerjasama dengan LPPD Khairu Ummah Jakarta dan Menko Kesra RI (Kementrian Koordinator Kesejahteraan Rakyat Republik Indonesia) selama jangka masa dari 3hb Julai 2005 sehingga 16hb Julai 2005 menghantar para da‟i ke kem-kem pengungsian di Aceh. Tahap kedua berlangsung selama 24 hari bermula daripada 1hb September 2005 sehingga 24hb September 2005.

Seterusnya, program penghantaran da‟i ini ditingkatkan menjadi program penempatan 100 da‟i selama 6 bulan di daerah dalam provinsi Aceh. Program ini dapat dilaksanakan sebagai wujud kerjasama IKADI Aceh dengan BRR (Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi atau Rehabilitation and Reconstruction Board) sektor Pemulihan dan Peningkatan Kualitas Kehidupan Keagamaan (Mentally and Spiritually Recovery Program). Program ini pertama kali dilaksanakan pada bulan Mac-April 2006.



Gambar 4.2 Program Tebar 100 Da‟i

Program ini merupakan tindakan nyata yang sebenar-benarnya bahawa da‟i tidak hanya berbicara di atas mimbar memberikan tadzkirah dan kuliyah di dalam ruangan masjid sahaja, melainkan ikut bertungkus lumus meringankan derita sesama insan. Jikalau

kuliyah itu dilaksanakan di dalam masjid, tentulah yang datang adalah mereka yang baik-baik belaka tetapi ketika terjun ke masyarakat secara langsung dijumpai beraneka macam watak dan perangai, disitulah fakta sebenar manusia.

Di khemah-khemah pengungsian itu ditemukan beragam realiti kehidupan, ada mangsa yang kuat dengan dugaan dan musibah menimpanya sehingga semakin kukuh keyakinannya kepada Allah dan ada sebaliknya dengan keadaan hilang kesedaran, trauma ingatan bahkan kehilangan akal warasnya. Di sinilah peranan penting daʿʿi untuk mengarahkan mereka semula kepada tawakkal dan keredhaan terhadap semua takdir yang berlaku.

Program ini dibuat berperingkat untuk memberikan kesempatan kepada relawan daʿī untuk berkhidmat kepada mangsa tsunami. Kerja-kerja menolong mangsa ini sangat berat, utamanya di masa-masa awal berlaku musibah. Pertolongan lebih kepada hal-hal yang bersifat fizikal seperti menguburkan mayat, membersihkan kawasan yang dilanda musibah, menolong mereka yang terluka, membina bangunan baru para mangsa dan lain sebagainya. IKADI Aceh membuat program penyebaran daʿʿi selepas kerja-kerja fizikal dilakukan kerana memulihkan kondisi non fizikal seperti semangat hidup, kejiwaan dan keimanan memerlukan masa dan proses yang lebih lama daripada pembinaan fizikal. Selain daripada itu, program ini dibuat dalam masa yang berperingkat juga untuk memberi peluang kepada sesiapa yang tidak sempat menolong di masa-masa awal untuk dapat menolong di masa berikutnya. Ianya juga dibuat dalam masa tertentu agar dapat menampung ramai relawan yang ingin berkhidmat mengingat sangat ramai orang yang berazam untuk menolong mangsa tsunami kerana sesungguhnya musibah ini bukan hanya musibah bagi rakyat Aceh melainkan musibah bagi manusia kesemuanya. Oleh itu tak terlalu menghairankan jika bantuan dan sokongan datang dari pelbagai penjuru dunia untuk meringankan derita rakyat Aceh yang menjadi mangsa tsunami.

University of Malaya

### 4.1.3. Program Pembekalan Da’i

Program penyebaran da‟i sememangnya sangat efektif dalam membina dan membimbing para mangsa tsunami ataupun masyarakat am bagi mendapatkan memahami agama Islam secara baik. Untuk meningkatkan kualiti program tersebut, diperlukan usaha-usaha yang menyokong lahirnya para da‟i yang berkualiti dan profesional. Salah satunya ialah dengan program pembekalan da‟i. Program ini menitikberatkan pada pelatihan dan bengkel yang berisi panduan dan arahan untuk menjadi da‟i yang berkualiti dan profesional.



Gambar 4.3. Pelatihan Pembekalan Da‟i

Di antara program pembekalan da‟i yang disediakan oleh IKADI Aceh:

a. **Daurah Khutaba’**

Dilaksanakan pada tarikh 10hb Mei 2005 sehingga 12hb Mei 2005 di Asrama Haji Banda Aceh yang diikuti oleh 100 orang da‟i yang merupakan utusan daripada seluruh kawasan dan wilayah yang ada di Aceh. Acara ini terlaksana atas kerjasama IKADI Aceh dengan LPPD Khairu Ummah Jakarta. Pembicara didatangkan terus dari Jakarta yaitu Ustaz Drs. H. Ahmad Yani yang merupakan Pengarah LPPD Khairu Ummah

University of Malaya

didampingi oleh Ustaz Drs. H. Andi Ihsan, Lc., koordinator da‟i untuk Aceh dan Ustaz H. Mukhsin Saleh, S.Sos.I, ahli jawatan kuasa IKADI Pusat.

Materi yang disampaikan bersifat pembekalan bagi da‟i untuk menjadi khatib dan muballigh yang baik.

**b. Pelatihan Materi Dasar Islam**




Gambar 4.4. Pelatihan Materi Dasar Islam

Seirama dengan program di atas, IKADI Aceh seterusnya konsisten melaksanakan rangkaian program pembekalan da‟i. Di antaranya iaitu Pelatihaan Materi Dasar Islam dilaksanakan pada tarikh 5hb Ogos 2005 sehingga 7hb Ogos 2005 di Asrama Haji Banda Aceh bekerjasama dengan Yayasan Dana Sosial Al-Falah (YDSF) Surabaya sebuah NGO Islam yang dikelola secara profesional dan mampu mendanai setiap aktivitinya daripada sumbangan rutin bulanan dari masyarakat Islam di Surabaya khususnya dan Jawa Timur. Adalah luar biasa di tengah-tengah pemulihan trauma tsunami, IKADI melancarkan program yang fokus kepada peneguhan kualiti da‟i dan belajar langsung daripada YDSF yang merupakan salah satu pertubuhan Islam terbaik di Indonesia. YDSF pula secara sangat mengesankan memberikan masukan dan tunjuk

University of Malaya

ajar yang sangat bermanfaat bagi pemuda Aceh untuk bangkit semula dan menjadi energi luar biasa untuk membangun Aceh pasca tsunami. Program pembekalan da‟i semacam inilah yang sememangnya sangat berkesan dan diperlukan untuk membina semula ukhuwwah dan kekuatan jejaring pertubuhan Islam di Indonesia. Dalam laporannya,[130] aktiviti ini diikuti oleh perwakilan IKADI seluruh Aceh.

**c. Pelatihan Pengurusan Masjid**

Beriringan dengan pelatihan tersebut, pada bulan yang sama dilakukan juga Pelatihan Manajemen Masjid. Dilaksanakan pada tarikh 26hb Ogos 2005 sehingga 28hb Ogos 2005 di Asrama Haji Banda Aceh bekerjasama dengan Yayasan Dana Sosial al-Falah (YDSF) Surabaya. Kegiatan ini diikuti oleh perwakilan IKADI seluruh Aceh.




Gambar 4.5. Pelatihan Manajemen Masjid

IKADI Aceh konsisten untuk melahirkan da‟i-da‟i yang berkualiti dan profesional. Oleh itu, pelatihan dan bengkel bagi para da‟i sentiasa dilakukan. Setelah dua kali melakukan bengkel di bulan Ogos, bengkel dengan tajuk I‟daadud Duat se Aceh yang dilaksanakan di hujung bulan September bermula 30 September sehingga 2 Oktober 2005. Program ini terlaksana atas kerjasama IKADI Aceh dengan LPPD Khairu Ummah Jakarta.

[130] LAPORAN 2005 ms.8

Universiti Malaya

Tempat pelaksanaan acara di Sanggar Kegiatan Belajar ( SKB ) Lubuk Aceh Besar. Program ini diikuti oleh 100 orang peserta utusan dari kawasan dan wilayah seluruh Aceh.




Gambar 4.6. Bengkel I‟dādu Duat

University of Ma

**d. Pelatihan Da’i Muda**

Program yang seterusnya ialah Pelatihan Da‟i Muda sebagai bentuk pengkaderan da‟i dan untuk memastikan estafeta dakwah berlangsung dengan baik.Kegiatan ini dilaksanakan oleh ahli jawatan kuasa IKADI daerah Aceh Barat Daya untuk 100 orang pemuda. Program dilaksanakan pada tarikh 20 Disember 2005 di Blangpidie dan berlangsung dengan baik.




Gambar 4.7. Pelatihan Da‟i Muda

Seterusnya, IKADI Aceh melaksanakan program-program bernutrien tinggi bagi pertumbuhan da"i secara intensif di Aceh. Program tersebut di antaranya ialah Pembekalan Da"i yang dilaksanakan di Asrama Haji Banda Aceh pada 27hb Februari sehingga 1hb Mac 2006. Program ini ditaja oleh IKADI Aceh bekerjasama dengan BRR (Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi= Rehabilitation and Reconstruction Board). Program ini merupakan kolaborasi dari pelbagai elemen dakwah maupun masyarakat yang ada di Aceh, iaitu Satuan Kerja Agama BRR Aceh-Nias, ketua Dewan Pengawas BRR, imam masjid Raya Baiturrahman, Ahli Parlimen Aceh, tokoh-tokoh agama, tokoh masyarakat dan lembaga-lembag swasta serta lain-lainnya sebagai bentuk perhatian dan sokongan daripada semua pihak. Program yang diikuti seramai 100 da"i ini membentangkan materi-materi dakwah yang sangat penting seumpama Urgensi Dakwah, Fiqih Dakwah, Manajemen Dakwah, Psikologi Dakwah, Pengelolaaan Taman Pendidikan Alquran (TPA) dan Kristologi.

e. **Pembekalan Guru Mengaji**

IKADI juga menyediakan pelbagai pelatihan mahupun bengkel yang khas untuk guru mengaji baca tulis al-Qur"ān. Program ini dilaksanakan pada bulan Ogos 2006, tepatnya 29hb Ogos 2006, bertempat di Pusat Latihan Jabatan Koperasi Banda Aceh.




Gambar 4.8. Pembekalan Guru Mengaji

University of Malaya

Secara umumnya, da‟i-da‟i IKADI diharapkan dapat menjadi sumber rujukan masyarakat sekaligus uswah yang mampu menerjamahkan Islam sebagai rahmatan lil ‟ālamīn. Hal demikian disampaikan oleh Ketua IKADI Aceh, Ustaz DR. Muhammad Yasir Yusuf, MA dalam musyawarah Wilayah II IKADI Aceh tahun 2013 di Banda Aceh.[131]

Oleh itu, profil da‟i yang diharapkan di masa hadapan ialah bukan hanya da‟i yang mampu melakukan orasi dan berceramah, menguasai media sosial internet, namun juga mempunyai kemapanan ekonomi sehingga dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dari segi peningkatan kesejahteraan ekonomi umat.

### 4.1.4. Kuliyah Berbasiskan Masjid dan Surau

Pada awal mulanya selepas bencana tsunami menimpa Aceh, IKADI Aceh berkonsentrasi melakukan khidmat umat dengan menghantar da‟i ke kem-kem pelarian. Tindakan yang dilakukan adalah menyelamatkan aqidah umat, membangkitkan semula semangat umat dan membina keyakinan umat untuk terus maju melanjutkan kehidupan. Banyak program yang telah dilaksanakan. Ramai da‟i telah dihantar dan disebar. Banyak bantuan dana telah dibagikan. Semuanya dengan harapan meraih redha Allah SWT dan berharap dapat memberi manfaat kepada ramai mangsa. Aktiviti ini terus berjalan sehingga masa sekarang, akan tetapi program yang dijalankan lebih bervariasi dan lebih terarah. Salah satunya merupakan follow up atau kelanjutan dari program kajian-kajian keislaman yang dikemas menjadi lebih rinci bagi jangka masa tertentu dan kekerapannya.

Kuliyah yang digagas ini ialah pengajian yang berbasiskan masjid dan surau. Menjadikan masjid dan surau sebagai pusat aktiviti umat bukan setakat tempat sembahyang sahaja. Ciri-ciri dari pengajian berbasis masjid dan surau ini ialah:

---

[131] http://IKADI.or.id/berita/aktivitas-pwpd/897-IKADI-aceh-gelar-muswil-pilih-ketua-baru.html



University of Malaya

1. Meliputi seluruh lapisan masyarakat, namun dibuat kekhasan mengikut usia. Umpamanya kelas baca tulis al-Qur‟ān untuk budak-budak sekolah rendah dan budak-budak tadika dibuat dalam kelas TPA (Taman Pendidikan Alquran) dengan menggunakan metode yang sudah disepakati, seperti menggunakan metode IQRO‟, al-Barqy ataupun Qiroati ataupun metode-metode yang lainnya. Untuk belia ada program mentoring, pesantren kilat. Untuk mahasiswa dan pekerja-pekerja sama ada buruh dan ekspatriat disediakan pengajiannya tersendiri. Sedangkan untuk keluarga ada kuliyah pengajian Islam setiap selepas solat maghrib atau selepas subuh.
2. Jangka masa rutin. Dengan demikian, kuliyah yang dilakukan lebih fokus, terstruktur dan lebih terukur capaiannya. Umpamanya TPA berlangsung 3 kali dalam 1 minggu. Mentoring tiap hari Ahad. Pesantren kilat ataupun Pesantren Ramadhan selama 1 minggu dalam tiap semester atau tiap tahun. Kuliyah hadith Riyāḍu al-Ṣālihīn tiap Khamis malam Jumaat di Masjid Jamek. Kuliyah agama ekspatriat atau buruh tiap-tiap hari Sabtu minggu pertama setiap bulan dan lain sebagainya.
3. Kuliyah-kuliyah yang ada ini kemudian bermetamorfosa menjadi majelis-majelis taklim. Majelis taklim ini kemudian menjelma menjadi sebuah komuniti beramar ma‟ruf nahi munkar yang berkomitmen dengan ajaran-ajaran Islam. Secara berterusan, aktiviti ini akan berkembang luas dan menjangkau lebih ramai lagi pada masyarakat.

Program ini berjalan berterusan dan mendapat sambutan yang sangat baik. Hal ini ditegaskan oleh Ustaz Rolly Triwahyudi, SP. yang merupakan Setiausaha IKADI Aceh yang ditemubual pada Disember 2014 bahawa da‟i-da‟i IKADI senantiasa mendapat jemputan untuk berceramah dan mengisi kuliyah di masjid-masjid. Salah satu keunggulan yang dimiliki da‟i IKADI iaitu bahawa mereka mampu menyampaikan

University of Malaya

dakwah Islam dengan lebih santun, tawadhu dan tidak membawakan fahaman yang kontoversial. Tema dan tajuk yang disampaikan sememangnya diperlukan oleh masyarakat dan mengajak kepada kebaikan, persatuan dan saling menghormati. Selain daripada itu, IKADI Aceh mampu menyediakan penceramah dan da‟i-da‟i yang dapat menyampaikan seruan dakwah Islam untuk semua kalangan, daripada kanak-kanak sehingga warga emas. Tentunya lembaga dakwah semacam ini sangat diperlukan untuk keperluan masa kini.

Dalam dokumentasi yang tertuang di dalam laporan 2007 [132] program ini mendapat sambutan yang menggalakkan, terbukti dengan ramainya peserta yang hadir mengikuti program-program yang disediakan.

Masjid sebagai pusat aktiviti dapat dikembangkan lebih luas tidak hanya fokus pada kuliyah ataupun pengajian-pengajian klasik. Ianya dapat berkembang menjadi pelbagai aktiviti yang menarik minat masyarakat, utamanya mereka yang tinggal di persekitaran masjid. IKADI dapat mengembangkan aktiviti masjid menjadi aktiviti masyarakat atau aktiviti masyarakat yang berteraskan masjid. Masjid sebagai pusat aktiviti ini dapat kita kembangkan sebagai sebuah rumusan bahawa masjid tidak hanya menguruskan masalah ibadah tetapi juga masalah-masalah sosial masyarakat. Bahawasanya, manakala seseorang menghadiri kuliyah-kuliyah agama di masjid, maka semakin bertambahlah kefahaman tentang agama pada dirinya. Apabila kefahaman agama seseorang bertambah, maka memudahkan ianya dalam beribadah dan bermuamalah. Jadi, rumusan yang diperoleh adalah: IKADI menggerakkan aktiviti kuliyyah berbasis masjid dan surau → masyarakat faham tentang Islam → amalan islam masyarakat baik → masyarakat sejahtera.

Semakin ramai masyarakat yang menghadiri kuliyyah ini, semakin ramai yang faham maka peluang menuju masyarakat yang sejahtera semakin besar. Kemudian,

[132] LAPORAN IKADI 2007

dengan kefahaman yang semakin baik dan semakin ramainya mereka yang faham ini maka diharapkan amalan juga semakin baik. Dengan demikian, masjid dapat menjadi punca kesejahteraan umat.

Inovasi yang dapat dilakukan umpamanya, seruan untuk solat subuh berjamaah di masjid dengan disediakan sarapan pagi secara percuma. IKADI dapat menjadi penggerak untuk aktiviti ini. Bahkan kampus-kampus besar di Indonesia sudah melakukan ini, seperti Institut Teknologi Sepuluh Nopember Surabaya[133] yang mampu menggerakkan seramai 5000 mahasiswa untuk sholat subuh berjamaah di masjid kampus. Begitu juga kampus-kampus lainnya[134]. Jadi, bermula dari kuliyyah di masjid dan surau, IKADI dapat memangkin banyak ragam aktiviti lainnya. Bahkan dapat menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti masyarakat seperti mana yang sudah dicontohkan oleh masjid Jogokariyan, Yogyakarta.[135]

### 4.1.5. Bengkel Am

IKADI Aceh juga terlibat aktif dalam bengkel-bengkel am yang memiliki kesan positiv bagi masyarakat. Utamanya di masa awal mulanya bencana tsunami menimpa rakyat Aceh. Salah satu program penting yang IKADI Aceh terlibat di dalamnya ialah program Save Motherhood.

Save Motherhood merupakan usaha untuk menyelamatkan wanita agar kehamilan dan persalinannya sihat dan selamat, serta melahirkan bayi yang sihat. Tujuan usaha Save Motherhood iaitu menurunkan angka kesakitan dan kematian ibu hamil, bersalin, nifas, dan menurunkan angka kesakitan dan kematian bayi baru lahir.Usaha ini terutama ditunjukan pada negara yang sedang berkembang kerana 99% kematian ibu di dunia terjadi di negara-negara tersebut.

---

133 http://www.republika.co.id/berita/pendidikan/dunia-kampus/15/08/29/ntupjl219-gerakan-subuh-berjamaah-di-kampus-its-diikuti-5000-jamaah

134 http://kabarkampus.com/2015/10/36-kampus-kompak-luncurkan-gerakan-shalat-subuh-berjamaah/

135 https://masjidjogokariyan.com

University of Malaya

Menurut The International Classification of Diseases and Related Health Problems, Tenth Revision, 1992 (ICD-10) WHO mendefinisikan kematian ibu sebagai "kematian wanita hamil atau dalam 42 hari setelah persalinan, tanpa memandang lama dan tempat terjadinya kehamilan yang disebabkan oleh atau dipicu oleh kehamilannya atau penanganan kehamilannya, tetapi bukan kerana kemalangan". Menurut pengertian ini punca kematian ibu dapat dibagi menjadi penyebab langsung maupun tak langsung.

Punca kematian langsung yaitu setiap komplikasi persalinan di setiap fase kehamilan (kehamilan, persalinan dan pasca persalinan), akibat tindakan, kesalahan pengobatan atau dari kesalahan yang terjadi di setiap rangkaian kejadian di atas. Contohnya seperti perdarahan, pre-eklamsia/eklamsia, akibat komplikasi anestesi atau bedah caesar.

Punca kematian tak langsung yaitu akibat penyakit lain yang telah ada sebelumnya atau berkembang selama kehamilan dan yang tidak berhubungan dengan penyebab langsung tetapi dipicu secara fisiologis oleh kehamilan. Contohnya seperti kematian akibat penyakit buah pinggang atau jantung.

Program Save Motherhood ini dilakukan mengingat yang menjadi mangsa terbesar tsunami salah satunya ialah kaum ibu atau wanita. Selama tinggal dalam kem-kem pengungsian, kaum ibu sama ada yang mengandung dan melahirkan mengalami kesusahan. Usaha-usaha untuk menyelamatkan mereka harus dilakukan dengan sungguh-sungguh agar tidak ada lagi nyawa terkorban.

Program Save Motherhood selama kurun waktu bencana tsunami dilakukan dua kali. Sebagaimana yang ditulis dalam fail laporan aktiviti IKADI Aceh[136] bahawa tahap pertama dilaksanakan bekerjasama dengan UNICEF dan dirumuskan oleh gabungan lembaga dan organisasi massa yang prihatin dengan keadaan Aceh pasca tsunami, terlebih dengan keadaan kaum ibu. Tim perumus merupakan kumpulan daripada

[136] LAPORAN KEGIATAN IKADI NAD 2006

Majelis Adat Aceh, IKADI Aceh, Presidium Syuraa Ureung Inong Aceh, Professional/Pensyarah Fakulti Psikologi UnMuha, Jabatan Agama Negeri Aceh, MPU Kota Banda Aceh, Pengarah Hospital BSMI (Bulan Sabit Merah Indonesia), dan HUDA (Himpunan Ulama Dayah Aceh). Waktu pelaksanaan ialah pada 18hb Februari 2006 sehingga 19hb Februari 2006 di SKB Lubok Aceh Besar. Program tahap I ini mengambil tajuk "Peran Ulama sebagai Agen Perubahan dalam Save Motherhood".

Program Save Motherhood tahap II berlangsung pada 25 sehingga 29 Ogos 2006 yang dipandu oleh ahli jawatan kuasa IKADI Aceh dan beberapa organisasi di Aceh. Program ini diikuti oleh seramai 34 orang dan bertempat di Pusat Latihan Jabatan Koperasi atau BKM Jabatan Koperasi negeri Aceh.

**4.2 Mengembalikan Umat kepada Fitrah**

Salah satu peranan penting IKADI Aceh di tengah-tengah masyarakat adalah bagaimana mengembalikan masyarakat kepada fitrahnya, iaitu Islam. Dengan upaya-upaya maksimal memahamkan masyarakat untuk melaksanakan segala sesuatunya berasaskan Islam. Tidak hanya itu, melainkan juga memahamkan masyarakat mengapa dan bagaimana sesuatu amalan menjadi penting dan harus dilaksanakan.

Sekalipun Aceh dikenali sebagai bumi Serambi Mekkah, masih banyak lagi tradisi yang kuat dan mengakar di tengah-tengah masyarakat yang memiliki kaitan dengan tradisi keyakinaan di luar Islam. Salah satunya dari tradisi tersebut iaitu peusijuek.

Peusijuek adalah prosesi adat yang dilakukan pada aktiviti-aktiviti tertentu dalam kehidupan msyarakat Aceh seperti peusijuek pada upacara perkahwinan, upacara tinggal di rumah baru, upacara hendak merantai, pergi haji, berkurban, peusijuek perempuan yang diceraikan suami, peusijuek perkelahian, permusuhan sehingga didamaikan. Peusijuek juga dilakukan oleh anggota masyarakat terhadap seseorang yang memperoleh keberuntungan, umpamanya tamat belajar daripada universiti,



University of Malaya

memperolehi kedudukan tinggi dalam kerjaya, memperolehi kenderaan baru mahupun peusijeuk lainnya. Prosesi peusijeuk dilakukan secara tertib, pertama menaburkan beras padi (breuh padee), kedua memercikkan air, ketiga menyunting nasi pulut (bu leukat) pada telinga sebelah kanan dan terakhir adalah pemberian uang (teumeutuek). Biasanya, perlengkapan peusijeuk terdiri daripada: talam satu buah, breuh padee (beras) satu mangkuk, bu lekat (pulut) satu pinggan bersama dengan tumpoe (kuih muih yang diperbuat daripada tepung dan pisang atau gula merah), teupong taweu (tepung gandum) dan air, on sineujuek (daun yang khusus digunakan untuk prosesi peusijeuk), on manek manoe (sejenis dedaunan), breuh padee on naleung samboo (sejenis rumput yang memiliki akar kuat). Glokie (tempat membasuh tangan) dan sangee (tudung saji/makanan).[137]

Peusijuek hanya satu di antara banyak tradisi Aceh yang ditengarai berasal dari kebiasaan Hindu. Meskipun ada silang pendapat mengenainya, namun perkara ini menunjukkan bahawa kerja-kerja dakwah teramat banyak dan kewajipan kita semua untuk membimbing umat kembali kepada fitrah iaitu Islam sebenar.

Cara-cara yang dilakukan masih bersifat klasikal iaitu dengan metode ceramah dalam pelbagai kesempatan. Memahamkan masyarakat secara perlahan-lahan mengenai pentingnya berislam dengan benar. Sebagaimana yang disampaikan Ustaz Rolly Triwahyudi, SP. selaku setiausaha IKADI Aceh bahawa pendekatan kepada rakyat Aceh harus dengan lemah lembut dan dengan bahasa yang santun. Kerana Aceh menyandang gelaran Serambi Mekkah, jadi ramai masyarakat merasa bahawa fahaman dan amalan Islamnya adalah yang paling benar, termasuklah dalam hal-hal tradisi dan kebiasaan harian. Selain ceramah mengenai perkara-perkara tersebut, juga difahamkan mengenai asas-asas Islam serta dengan penuh kasih sayang membimbing umat meninggalkan kebiasaan dan tradisi yang tidak ada dasarnya dalam Islam.

---

[137] http://www.academia.edu/5137842/Tradisi_Peusijuek_dalam_Masyarakat_Aceh



University of Malaya

Berlemah lembut dan berkasih sayang sememangnya termasuk di antara landasan dakwah. Rasulullah SAW telah membuktikan kepada kita bagaimana beliau SAW berjaya merubah suatu masyarakat jahiliyah yang jauh daripada nilai-nilai Ilahiyah kepada suatu masyarakat yang religi dalam masa yang sangat singkat iaitu dua puluh tiga tahun sahaja. Kunci dakwah beliau adalah akhlākul karīmah. Berkasih sayang, bersopan santun, tawaduk dan perilaku mulia lainnya. Hal demikian tidak hanya digunakan untuk menghadapi masyarakat kafir melainkan juga kepada sesama pemeluk Islam sendiri kerana sesungguhnya merekalah yang lebih berhak kita perlakukan dengan mulia.

### 4.3 Menjadi Rakan Pemerintah (Umara') dalam Pelaksanaan Syariat Islam

Sebagai sebuah lembaga dakwah, IKADI Aceh tidak akan mampu berdakwah seorang diri. Amanah yang teramat besar ini tidak akan sanggup dipikul oleh seorang-seorang, melainkan harus bersama-sama. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, kata pepatah. Oleh itu IKADI sentiasa menjalin hubungan dengan mana-mana pihak demi keberlangsungan dakwah Islamiyah ini. Pihak yang sangat penting dan berpengaruh ini iaitu umara‟.

Ustaz DR. Muhammad Yasir Yusuf, ketua IKADI Aceh pada acara Musyawarah Wilayah II IKADI Aceh tahun 2013 menyatakan bahawa posisi yang sesuai bagi IKADI dalam penegakan syariat Islam ialah sebagai rakan pemerintah. Dengannya, IKADI dapat mensosialisasikan nilai-nilai syariat Islam dalam kehidupan rakyat Aceh sekaligus memberikan masukan kepada pemerintah Aceh mengenai bentuk dan pola penegakan syariat Islam kerana pemerintah tidak mungkin bekerja sendiri dalam penegakan syariat Islam. Pemerintah harus disokong oleh lembaga-lembaga Islam.[138]

Peranan IKADI sebagai rakan pemerintah Aceh ditegaskan oleh Kepala Jabatan Agama dan Peran Ulama Aceh, Ir. Sulaiman, MP. Beliau mengungkapkan bahawa

[138] http://IKADI.or.id/berita/aktivitas-pwpd/897-IKADI-aceh-gelar-muswil-pilih-ketua-baru.html



University of Malaya

peran IKADI sangat ditunggu dan sangat diharapkan dalam memberikan kesedaran dan pembinaan masyarakat Aceh untuk memahami Islam. IKADI juga diharapkan dapat bersinergi dengan pemerintah Aceh dalam menjalankan program-program pemerintah untuk mensosialisasikan pelbagai polisi kerajaan untuk menjadikan Aceh lebih baik dan bermartabat.

Beliau juga menambahkan bahawa peranan IKADI dalam pembangunan Aceh sangat diharapkan terutama dalam membentuk karakter masyarakat. Kerana itu, IKADI benar-benar diharapkan dapat memberikan masukan kepada pemerintah agar dapat membangun daerah yang lebih baik. Beliau menegaskan bahawa IKADI adalah mitra kerajaan Aceh.[139]

Keberadaan IKADI Aceh juga dituntut memberikan pemahaman kepada umat Islam untuk mengikuti ajaran Islam yang benar dan mempunyai akhlak yang baik. Keberadaan IKADI diharapkan dapat memberi masukan kepada pemerintah yang bertujuan memperbaiki umat.Sekalipun bilangan juru dakwah tidak sebanding dengan banyaknya penduduk, sehingga IKADI Aceh mempunyai peranan besar menjayakan program pembangunan, khususnya soal akhlakul kharimah.

Kerjasama dalam pelbagai program sudah terjalin sejak masa-masa awal ditubuhkannya IKADI Aceh. Di antaranya iaitu sepanjang tahun 2005 sehingga 2006 dalam program Mental & Spiritual Recovery bekerjasama dengan Kementrian Kesejahteraan Rakyat Republik Indonesia dan program Pembekalan Da‟i di tahun 2007 bekerjasama dengan pemerintah daerah Aceh.

### 4.4 Memperkasa Umat dengan Islam

IKADI Aceh sebagai sebuah lembaga dakwah, tidak hanya berkonsentrasi membina umat melalui ceramah-ceramah di atas podium ataupun tabligh-tabligh yang

[139] http://salamberita.com/blog/2013/01/27/IKADI-aceh-melaksanakan-muswil-ii

University of Malaya

mengumpulkan ramai orang. IKADI berusaha untuk dapat mewujudkan Islam sebagai rahmatan lil „ālamīn, termasuk di dalamnya yang berkaitan dengan ekonomi umat.

Bilangan umat Islam yang ramai merupakan aset berharga untuk membangkitkan semula ghairah pertumbuhan ekonomi umat, agar umat Islam dapat menjadi pelaku ekonomi di negeri sendiri.

Beberapa program yang sudak dijalankan oleh IKADI Aceh dalam rangka usaha memperkasakan umat ialah program „Pasar Rakyat Ramadhan 1427H". Aktiviti ini dilaksanakan di sepuluh lokasi di wilayah Banda Aceh dan Aceh Besar meliputi Sp. Rima, Lamkruet, Siron Jaya, Sibreh Keumude, Lambheu Biluy, Kajue, Pungee Blang Cut, Ulee Lheu, Lambaro Skep, dan Kopelma Darussalam. Program ini dilancarkan daripada 2hb sehingga 15hb Oktober 2006. Pasar rakyat ini menjadi sarana silaturahim bagi masyarakat setelah peristiwa musibah tsunami. Diharapkan dengan adanya pasar rakyat ini aktiviti ekonomi rakyat bangkit semula dan masyarakat memiliki ghairah untuk memulakan kehidupan baru. Seterusnya diharapkan ekonomi rakyat dapat tumbuh dengan baik dan dapat menjadi tulang punggung aktiviti umat yang dengannya rakyat dapat mengecap kesejahteraan.

University of Malaya




Gambar 4.9. Pasar Rakyat Ramadhan 1427H

Yang tak kalah pentingnya adalah memperhatikan kesejahteraan da‟i. Ramai yang berpendapat bahawa da‟i mesti ikhlas bekerja kerana Allah SWT. Berbanding dengan jawatan-jawatan lain seumpama engineer, doktor mahupun pensyarah. Kerja ustaz tidak cukup dihargai. Mindset masyarakat terhadap pekerjaan seorang ustaz bahawa kerja ustaz itu mestilah ikhlas menjadikan jawatan ustaz dan da‟i tidak dihargai secara semestinya. Gaji sekenanya sahaja sehingga terpaksa para ustaz harus memiliki usaha-usaha sampingan bagi mencukupi keperluan harian hidupnya. Dengan cara demikian, bagaimana para da‟i dan asātiz ini dapat menumpukan perhatian kepada dakwah jika masih harus mencari sumber penghasilan lain untuk menafkahi keluarganya. IKADI Aceh memahami pentingnya kesejahteraan da‟i, oleh itu masalah gaji/kafalah para da‟i sangatlah diperhatikan. Da‟i IKADI semuanya digaji agar mereka benar-benar profesional menunaikan tugasnya. Menjadi da‟iI KADI adalah profesi yang harus dilaksanakan sungguh-sungguh sebagaimana kerjaya di tempat lainnya.

Selain memperkasa umat dengan membuka lahan dalam bidang ekonomi, IKADI Aceh juga menumpukan perhatian kepada pembentukan dan pertumbuhan da‟i, khasnya da‟i Aceh. Da‟i-da‟isemestinya dicari, dibina, diperkasakan sehingga menjadi da‟i tangguh ketika diterjunkan ke tengah-tengah masyarakat. Menurut Ustaz Dr. Muhammad Yasir Yusuf, Ketua IKADI Aceh, bahawa buat masa sekarang ini, sangat diperlukan da‟i-da‟i yang mampu membahasakan dakwah ke dalam bahasa-bahasa yang mudah diterima oleh masyarakat. Oleh itu, IKADI bertekad menubuhkan sekolah khas yang akan mendidik para da‟i.[140] Sekolah ini nantinya akan mengambil pemuda tempatan yang bersedia untuk menjadi da‟i ke daerah-daerah di persekitaran Aceh. Mereka dididik dan dibekali secara keilmuan dan kemahiran agar mampu menjadi da‟i yang handal.[141][142] Selain sekolah da‟i, IKADI Aceh juga membuat program halaqah da‟ī

University of Malaya

[140] http://www.dakwatuna.com/2013/05/11/33070/sukseskan-agenda-dakwah-IKADI-aceh-gelar-raker/#axzz35R4VyNXz
[141] http://IKADIaceh.blogspot.com/
[142] http://syarifpirus.blogspot.com/2014/05/madrasah-da‟īda‟īyah.html

dan juga memperkuat taklim rutin bagi para da"i. Usaha-usaha ini dimaksudkan sebagai usaha memperkasa umat dengan Islam. Membina seorang da"i bermakna melahirkan ribuan mukmin kerana dengan wasilah seorang da"i, boleh jadi akan terbina ribuan mukmin yang baru.

Selain daripada itu, Ketua IKADI Aceh ini mencadangkan untuk mengumpulkan semua potensi da"i di Aceh bagi menjayakan agenda-agenda Islam dalam rangka menjaga dan memperkuat aqidah Islam. Termasuk di antaranya iaitu memperkuat dakwah di media sosial seperti facebook dan twitte.[143] IKADI Aceh juga akan memperbanyak dan memperkuat pelatihan serta bengkel bagi mencegah pemurtadan terhadap mahasiswa, pemuda, belia dan masyarakat awam. IKADI Aceh juga memperlebar agenda dakwah kepada dakwah bi al-hāl.[144]

### 4.4.1 Menjadi Benteng terhadap Pemurtadan

Usaha-usaha pemurtadan di Aceh sudah berlangsung lama sejak zaman penjajahan Belanda dan Inggeris, upaya-upaya memurtadkan rakyat Aceh sudah dilakukan oleh para misionaris. Akan tetapi, usaha yang terang benderang dilakukan di masa moden ini dilakukan oleh para misionaris pada masa bencana tsunami melanda negeri Aceh. Dengan berselindung di sebalik bantuan kemanusiaan, para misionaris ini melakukan usaha-usaha pemurtadan[145][146]. Target utama mereka ialah anak-anak yatim mangsa tsunami yang polos jiwanya, kehilangan ibu bapa dan sanak kerabat. Dengan dalih kemanusiaan, kasih sayang dan lain sebagainya, mereka mengambil anak-anak tersebut dan menukar iman mereka. Vernon Brewer, Presiden World Help, sebuah lembaga

---

[143] http://seputaraceh.com/read/18408/2013/05/06/IKADI-aceh-perkuat-dakwah-di-media-sosial
[144] http://aceh.kemenag.go.id/index.php?a=berita&id=127637
[145] http://internationalreportingproject.org/stories/view/banda-aceh-invites-christians-aid-but-not-their-proselytizing
[146] http://www.smh.com.au/news/Asia-Tsunami/Warning-to-Christians-on-a-mission-to-save-souls/2005/01/22/1106334263086.html

University of Malaya

missionaris mengungkapkan bahawa pihak mereka telah mendapatkan kebenaran daripada kerajaan pusat Indonesia untuk mengambil anak-anak Aceh dan membesarkannya dalam kehidupan Kristian. Bahkan dia menyebutkan bahawa pihaknya telah berjaya mendapatkan 300 anak-anak muslim berumur kurang dari 12 tahun yang kehilangan ibu bapa di Banda Aceh. Dia mengatakan bahawa anak-anak ini tiada rumah untuk berlindung, traumatik, yatim piatu yang tiada mempunyai apa-apa untuk meneruskan hidup. Apabila organisasi dia berjaya memberikan kanak-kanak ini rumah, menukar iman Islamnya kepada Kristian, maka ianya merupakan landasan asas untuk merebut hati rakyat Banda Aceh.[147] Pihaknya sendiri telah berjaya menjana donasi sebanyak $70,000 dan lebih $350,000 lagi untuk membina program yatim Kristian.

The Guardian juga menyebutkan bahawa upaya pemurtadan ini dilakukan secara terang benderang, bahkan seolah-olah menjadi perlumbaan di kalangan NGO-NGO Kristian. Apabila Worldhelp membawa kanak-kanak Aceh keluar negara untuk dimurtadkan, maka tak sedikit pula yang memurtadkan kanak-kanak tersebut dengan membawanya menuju Jakarta. Salah satu NGO tersebut ialah Light of Love for Aceh yang membawa 50 anak yatim Aceh ke Jakarta dan menjadikan mereka Kristian.[148]

Ramai yang menyayangkan hal ini. Hasanuddin Yusuf Adan, menuliskan bahawa upaya-upaya pemurtadan di Aceh sangat massif. Selama kurun waktu bencana tsunami Aceh, lembaga-lembaga kemanusiaan Internasional ataupun NGO-NGO yang turun padang ke Aceh sebahagian besarnya memiliki misi kristianisasi. Segala cara dibuat. Mereka membagi-bagi anak patung kepada kanak-kanak yang apabila anak patung ini ditepuk, maka akan keluar suara bacaan doa-doa kristiani. Lembaga-lembaga ini tidak hanya menghulurkan bantuan berupa bahan makanan, pakaian mahupun ubat-

[147] http://www.inminds.com/tsunami.html
[148] http://www.theguardian.com/world/2005/jan/16/tsunami2004.internationalaidanddevelopment1



University of Malaya

ubatan, melainkan mereka juga membagi injil yang sudah dialih bahasa ke dalam bahasa Aceh serta pamflet-pamflet berisi ajaran-ajaran Kristian.

Selepas masa tsunami, pemurtadan masih terus berlangsung. Di Meulaboh, Aceh Barat, pemurtadan dilakukan melalui penghantaran barangan pos daripada Amerika Syarikat kepada sebuah taska yang isinya adalah buku, majalah dan cakera padat yang berisi ajaran-ajaran Kristian. Upaya pemurtadan secara langsung juga terjadi di Meulaboh serta daerah-daerah sekitarnya.[149]

Agus Setiawan[150] menyebutkan bahawa upaya pemurtadan di Aceh dilakukan dengan segala cara. Mulai dengan menyisipkan buku-buku Kristiani ke dalam pakej bantuan kemanusiaan, majalah-majalah tentang Yesus, sehingga injil dalam bahasa Aceh. Dikatakan, seramai 50 orang di Meulaboh sudah berjaya dimurtadkan. Bahkan, komuniti Kristian meminta kebenaran untuk membina gereja tiga tingkat di Aceh dikeranakan semakin bertambah ramainya jamaah mereka. Selepas tragedi tsunami, ramai rakyat terkorban namun orang Kristian semakin bertambah. Bagaimana mungkin?Tentunya kerana ramai orang Islam yang telah murtad.

IKADI Aceh sangat menyayangkan hal demikian ini berlaku. Bagaimana mungkin, Serambi Mekkah yang melaungkan syariat Islam sebagai undang-undang negari mengalami pemurtadan besar-besaran? Hal demikian terjadi sebab dari pihak kerajaan Indonesia sendiri pura-pura tidak tahu[151] kerana sejatinya kes pemurtadan telah banyak berlaku. Tidak hanya di Aceh, melainkan juga di wilayah-wilayah lain di Indonesia.

Oleh itu, sebagai upaya menghadang terjadinya pemurtadan dan menjadikan IKADI sebagai benteng terhadap pemurtadan, IKADI Aceh melakukan pelbagai upaya untuk mewujudkannya. Di awal masa selepas pemulihan mangsa tsunami, IKADI membuat program „Dialog Mencari Solusi Membentengi Umat daripada Pendangkalan

---

[149] http://aceh.tribunnews.com/2013/09/11/aceh-lahan-empuk-upaya-kristenisasi
[150] http://setiainfo.blogspot.com/2011/04/pemurtadan-di-aceh-semakin-gencar.html
[151] http://www.globalmuslim.web.id/2010/10/kasus-kristenisasi-di-aceh-pemerintah.html



University of Malaya

Aqidah‟ yang dilaksanakan pada 12 November 2005. Dalam laporannya[152], program ini diwujudkan sebagai bentuk prihatin IKADI Aceh atas pemanfaatan oleh pihak-pihak yang kononnya hendak menolong Aceh namun mempraktikkan kaedah „kesempatan dalam kesempitan‟. Konon-kononya membantu dengan memberi bahan makanan, pakaian atau ubat-ubatan namun ternyata mereka memberi Rosario, injil dan ajakan untuk menukar agama. Bahkan membawa lari kanak-kanak Aceh untuk dimurtadkan. Dari dialog ini, yang dihadiri oleh pelbagai lembaga-lembaga Islam, dilanjutkan dengan konferensi media yang menunjukkan bukti-bukti berlakunya kristianisasi di wilayah Aceh. Program ini dilaksanakan satu bulan selepas dialog dilakukan, iaitu pada 26 Disember 2006.



Gambar 4.10. Sidang media kristenisasi di Aceh

Sidang media ini dilakukan dengan menunjukkan bukti-bukti kristianisasi yang berlaku di Aceh, utamanya selepas terjadinya bencana tsunami. Turut menyaksikan peristiwa ini iaitu Prof. Dr. Din Syamsudin, Ketua Majelis Ulama Indonesia (MUI) di masa itu

[152] LAPORAN 2005 ms.12

Untuk mencegah semakin menyebarnya pemurtadan, da"i sebagai sosok terdepan yang membentengi umat juga perlu tahu dan mendalami mengenai Kristologi. Memahami pentingnya hal ini, IKADI Aceh secara khusus membahas topik ini sebagai bekalan da"i nantinya untuk berdakwah ke tengah-tengah masyarakat. Dalam rangkaian daurah Kegiatan Pembekalan Da"i yang berlangsung daripada 27hb Februari 2006 sehingga 1hb Mac 2006, topik Kristologi dibahas secara khas agar da"i dan calon da"i mengetahui tentang ajaran Kristian dan tindakan pencegahan agar jangan sampai ada masyarakat muslim Aceh yang meyakininya dan murtad dari ajaran Islam.




Gambar 4.11. Suasana Daurah Kristologi

Tindakan lain yang dilakukan di antaranya ialah menyantuni anak-anak yatim. Salah satu punca kemurtadan ialah masalah kemiskinan. Oleh kerana itu, dengan menyantuni anak-anak yatim setidaknya mereka tidak akan terjebak tawaran-tawaran NGO ataupun lembaga yang melakukan aktiviti misionari di sebalik program NGO mereka. Rumah anak yatim mahupun rumah-rumah kebajikan yang banyak terdapat di seluruh Aceh juga mendapat perhatian serius daripada IKADI Aceh agar tidak menjadi sasaran anasir-anasir pemurtadan.

University of Malaya

Aktiviti kristianisi yang hujungnya pemurtadan semakin brutal di Indonesia. Meskipun ianya melawan peraturan SK (Surat Keputusan ) Menteri Agama nombor 70 tahun 1978 yang melarang penyiaran agama kepada warga Negara Indonesia yang telah memeluk agama, namun pihak-pihak kristian terus sahaja melakukan aktiviti ini.

Bukti peningkatan pemurtadan ialah bertambahnya bangunan gereja di Indonesia sehingga berkali-kali ganda, daripada tahun 1990 sehingga 2010 telah meningkat sehingga 300% sedangkan masjid hanya 60%.[153] Tindakan-tindakan hukum tidak memberikan impak yang cukup berarti sehingga ada seorang ustaz kerana geram menganjurkan agar membelasah pelaku pemurtadan sebelum dihantar ke balai polis supaya ianya dapat memberikan efek jera di masa hadapan.[154]

### 4.4.2 Perajut Ukhuwah

Sejak awal penubuhannya, IKADI Aceh telah menjalin kerja sama dengan pelbagai elemen masyarakat dan pemerintahan bagi bersama-sama menyeru umat ke jalan Allah kerana dakwah Islam ini tidak akan sanggup ditanggung seorang diri. Lebih dari itu, IKADI Aceh menyedari bahawa silaturahim dan ukhuwwah Islamiyah merupakan kunci utama kesatuan umat Islam. Oleh kerana itu, IKADI Aceh berinisiatif mengambil peranan sebagai perajut ukhuwah di kalangan lembaga, organisasi mahupun elemen-elemen masyarakat Aceh lainnya.

Berikut ini nama-nama lembaga yang pernah menjalin kerja sama dengan IKADI Aceh:

[153] http://www.suara-islam.com/read/index/3796/Strategi-Melawan-Kristenisasi
[154] http://www.panjimas.com/news/2014/11/30/penting-mantan-misionaris-ini-beberkan-cara-efektif-hadapi-kasus-kristenisasi/



University of Malaya

| No | Nama Institusi | Bidang Kerja | Waktu |
|---|---|---|---|
| 1 | Menko KESRA RI, Jakarta | Rehabilitasi mental-spiritual | 2005-2006 |
| 2 | BRR | Pemberdayaan Da"i | |
| 3 | Yayasan Dana Sosial al-Falah, Surabaya | Pemberdayaan Da"i | 2005-2006 |
| 4 | Yayasan Ishlah Bina Umat | Pemberdayaan Da"i | 2005-sekarang |
| 5 | UNICEF | Save Motherhood | 2006 |
| 6 | John Hopkins University | Program Gleeh | 2007 |
| 7 | Pemerintah Aceh | Pembekalan Da"i | 2007 |
| 8 | Dinas Syariat Islam | Safari Ramadhan | 2007 |
| 9 | Bank Pembangunan Daerah Aceh | Buka Puasa Bersama | 2007 |
| 10 | Bank Syariah Mandiri | Buka Puasa Bersama | 2007 |
| 11 | Permata Bank Syariah | Buka Puasa Bersama | 2007 |
| 12 | Baitul Mal Prov. NAD | Buka Puasa Bersama | 2007 |
| 13 | PT Telkomsel Grapari | Peningkatan Kecerdasan Ruhiyah Karyawan | 2007 |
| 14 | Hermes Palace Hotel | Peningkatan Kecerdasan Ruhiyah Karyawan | 2007 |
| 15 | Akper Poltekkes | Kajian Islam | 2007 |
| 16 | Masjid se-Banda Aceh & Aceh Besar | Pengiriman Khatib dan Imam | 2005-sekarang |

Jadual 4.1. Lembaga rakan IKADI Aceh

Semenjak awal ditubuhkan, IKADI Aceh sentiasa membina hubungan baik dengan semuapihak. Semaksimal mungkin, IKADI Aceh berusaha untuk terlibat aktif dalam



University of Malaya

menyelesaikan permasalahan umat Islam di Aceh. Peranan sebagai perajut ukhuwah sentiasa diutamakan dan dijalankan dengan sebaik-baiknya.

**4.5 Kelemahan Usaha Dakwah IKADI Aceh**

Dalam usaha-usaha dakwahnya, IKADI Aceh telah banyak memberikan sumbangan yang besar bagi dakwah Islam di bumi Serambi Mekkah, Aceh. Sumbangan yang tidak hanya dirasai secara fizikal oleh rakyat Aceh melainkan juga secara spiritual dan emosi. Justeru itu, bagi memastikan usaha-usaha yang sedia ada dapat mencapai matlamatnya, penulis mencuba menyingkap beberapa realiti yang berlaku dengan meninjau beberapa kelemahan yang dihadapi oleh IKADI Aceh dalam membantu pemerintah bagi pelaksanaan syariat Islam di Aceh, iaitu:

**4.2.1. Kekurangan Dokumentasi Aktiviti dan Program**

Usaha-usaha dakwah yang telah dilancarkan oleh IKADI Aceh selama ini adalah sangat banyak dan luar biasa kesannya bagi pembangunan masyarakat Aceh. Perkhidmatan yang dilakukan tak terkira lagi satu per satu, bermula daripada pusat perkotaan sehinggalah ke pelusuk pendalaman negeri Aceh yang luas. Sangat disayangkan pengarkiban fail dan dokumentasi aktiviti dan program tidak dilakukan dengan baik. Untuk mendapatkan maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah lalu, sangat susah diperolehi. Kalaupun ada, tidak banyak maklumat yang didapat. Kebanyakannya berupa gambar dan tajuk program, selebihnya tiada. Alangkah baiknya apabila setiap aktiviti dan program dibuat rekodnya, lengkap dengan fail dan juga evaluasinya secara lengkap. Hal ini sangat bermanfaat bagi upaya penyebaran maklumat yang mana untuk masa sekarang ini sangat cepat penyebarannya.Pengalaman IKADI Aceh menyelamatkan mangsa tsunami, pemulihan dan kelanjutannya adalah sangat luar biasa. Hal demikian tentunya akan sangat bermanfaat apabila dibagikan kepada khalayak

University of Malaya

untuk diteladani dan diikuti dengan cara menyebarkan maklumat tersebut dengan cara merekod fail dan dokumentasi aktiviti dan program.

Rekanan IKADI Aceh selama berkhidmat kepada rakyat Aceh tidak terhad kepada kerajaan negeri sahaja. Melainkan juga dengan kerajaan-kerajaan serta pertubuhan luar Negara.Tentunya hal yang demikian adalah sangat membanggakan dan merupakan prestasi luar biasa.Cara-cara bekerjasama secara antarabangsa ini perlu juga diketahui dan dipelajari oleh ahli-ahli dan daʿī-daʿĪ IKADI di masa hadapan yang kesemuanya itu tidak dapat begitu sahaja diperolehi dengan mendengarkan cerita ataupun pertuturan. Sepatutnya rekod yang baik dan dokumentasi aktiviti dan program yang terarkib secara baik akan dapat menjadi warisan berharga bagi calon ahli dan daʿĪ IKADI nantinya.

### 4.5.2 Kekurangan Teknologi yang Belum Mencukupi

Sebagai sebuah lembaga profesional, penggunaan sosial media buat masa sekarang ini merupakan sebuah keperluan asas. Akses yang sangat cepat dan jangkauan antarabangsa merupakan salah satu keunggulan dalam teknologi sosial media. Sekalipun sudah diisytiharkan oleh Ketua IKADI Aceh agar dakwah IKADI disebarkan tidak hanya melalui cara-cara konvensional melainkan juga dengan menggunakan sosial media seumpama facebook dan twitter, namun sehingga kini kedua jenis sosial media tersebut tidak disentuh oleh IKADI Aceh. Maklumat mengenai IKADI Aceh agak susah didapat. Kalaupun ada, ianya bersumber daripada akhbar harian tempatan yang memiliki jaringan online.

Adalah patut disayangkan, apabila sebuah lembaga dakwah besar seperti IKADI Aceh tidak memanfaatkan jaringan sosial media sebagai sarana penyebaran maklumat yang sangat bermanfaat. Sedangkan sosial media yang ada ini memiliki keunggulan yang sangat baik dan sangat murah dalam segi pembiayaan. Ianya juga tidak

University of Malaya

memerlukan modal besar, cukup dengan telefon bimbit yang melanggan internet dan dapat dioperasikan oleh satu orang sahaja bagi mengupdate status maupun informasi. Diperlukan kesungguhan yang betul-betul daripada pihak pengurusan IKADI Aceh dalam hal ini kerana sesungguhnya kerja-kerja dakwah tidak hanya memerlukan orang yang rajin berceramah dan bersilaturahim, melainkan juga mereka yang rajin menyebarkan dakwah Islam ke serata tempat di dunia. Jika ada cara yang mudah dan berkesan, maka cara itu pula yang perlu diberi tumpuan. In Syāa Allāh, dakwah di sosial media termasuk di antara cara dakwah yang ampuh bagi masa sekarang ini.

Penggunaan teknologi moden lainnya juga perlu dicuba seumpama dakwah melalui radio. Di pelusuk-pelusuk desa pendalaman Aceh, radio masih merupakan salah satu teknologi utama bagi mendapatkan sebarang maklumat terkini. Apatah lagi televisyen. IKADI Aceh perlu menggunakan pelbagai cara dan kaidah untuk menyebarkan dakwah Islam sehingga menjangkau ke seluruh negeri Aceh.

### 4.5.3 Kekurangan Sumber Manusia

Ramai daʿʿi IKADI Aceh yang merupakan graduan universiti terkemuka, sama ada tempatan (Indonesia) mahupun antara bangsa khususnya daripada Timur Tengah. Cawangan IKADI juga tersebar di daerah-daerah. Namun apabila dibandingkan dengan luasnya wilayah kerajaan negeri Aceh dan ramainya rakyat Aceh, kuantiti tersebut masih belum mencukupi. Banyaknya permasalahan dan kes-kes yang harus diselesaikan serta perkhidmatan yang dikehendaki rakyat Aceh juga banyak, tidak berbanding dengan kemampuan yang dimiliki. Oleh kerananya, rekruitmen dan pengkaderan calon-calon daʿʿi baru haruslah sentiasa dilakukan. Membina daʿʿi-daʿʿi handal lagi berpegang teguh kepada al-Qurʿān dan al-Sunnah serta terampil dalam pengurusan moden sepatutnya digencarkan dengan seksama.

University of Malaya

# BAB V

# PENUTUP

## 5.1 Rumusan

Melihat arah gerak IKADI dalam dakwah Islam di Aceh, di mana Aceh merupakan satu-satunya negeri yang diberikan ruang oleh pemerintah Indonesia untuk menjalankan pelaksanaan syariat Islam. Kini Aceh sedang menjalankanya dan tentunya sangatlah menarik. Kerana keberhasilan Aceh dalam menjalankan pelaksanaan syariat Islam tersebut akan menjadi *role model* bagi negeri-negeri lainnya yang ada di Indonesia. Sebagai salah satu lembaga dakwah Islam, IKADI Aceh termasuk dalam sebuah lembaga dakwah professional yang memiliki hasrat kuat untuk mewujudkan kehidupan yang Islamik dan tampak ianya sesuai dengan keinginan pemerintah Aceh. IKADI Aceh memiliki berbagai jenis usaha-usaha dakwah yang relevan sama ada dengan zaman ataupun masa. Di antara usaha-usaha dakwah yang telah dilakukan iaitu:

1. Menjadi guru bagi umat dengan sentiasa melakukan aktiviti mendidik umat melalui program penyebaran dai, program pembekalan dai, melakukan kuliyah-kuliyah berbasis masjid dan surau serta melancarkan pelbagai bengkel am.
2. Mengembalikan umat kepada fitrahnya, iaitu Islam dengan ceramah dan khutbah-khutbah di pelbagai kesempatan.
3. Menjadi rakan pemerintah (umara') dalam melaksanakan syariat Islam dalam pelbagai program.
4. Memperkasa umat dengan Islam, utamanya di bidang ekonomi dan pendidikan.
5. Menjadi benteng terhadap pemurtadan.
6. Perajut ukhuwah kepada semua lembaga dan umat Islam.

University of Malaya

Namun dari usaha-usaha yang telah dijalankan, terdapat kelemahan-kelemahan IKADI Aceh yang telah dikenal pasti, di antaranya:

1. Kekurangan dokumentasi aktiviti dan program sehingga banyak maklumat yang tak sampai kepada khalayak ramai. Seharusnya aktiviti dan program yang telah dijalankan dapat disebar dan menjadi inspirasi bagi umat, utamanya kepada calon-calon da'i masa hadapan yang akan melanjutkan estafeta dakwah.
2. Kekurangan teknologi yang memadai, utamanya dalam penguasan sosial media padahal ianya adalah keperluan asas untuk penyebaran maklumat masa kini.
3. Kekurangan sumber manusia, terutama dari segi kuantiti untuk memenuhi keperluan dakwah di pelusuk dan pendalaman Aceh.

## 5.2 Implikasi Kajian

Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) merupakan sebuah lembaga dakwah professional yang tersebar di seluruh Indonesia. Dari visi dan misi lembaga, tampak bahawa IKADI adalah lembaga dakwah yang memiliki masa depan yang sangat cemerlang. Para da'inya profesional serta pakar di bidangnya, majoritinya adalah graduan universiti ternama dan kebanyakan dari luar negara khususnya daripada Timur Tengah. Ikhlas, pakar, professional adalah padanan sempurna untuk sebuah perkhidmatan kepada rakyat dalam menegakkan dan meninggikan syiar Islam. IKADI Aceh sudah membuktikan karya dan prestasinya yang sangat luar biasa untuk rakyat Aceh. Cita-cita melaksanakan aturan Islam sudah ditunaikan dan sentiasa perlu untuk dipertingkatkan. Namun begitu, IKADI Aceh khususnya harus melakukan usaha-usaha peningkatan utamanya dalam

University of Malaya

segi penguasaan teknologi moden, pengarkiban fail, dokumentasi aktiviti dan program serta menambah bilangan calon-calon da'i di masa hadapan.

## 5.3 Cadangan

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka dicadangkan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu utamanya kepada pengkaji yang akan datang sebagai penyelidikan lanjutan.

Kajian ini memiliki nilai yang sangat penting kerana Aceh merupakan satu-satunya negeri di Indonesia yang sedang diberi ruang untuk melaksanakan syariat Islam atau hukum hudud. Di tengah kehidupn moden yang semakin carut marut, pelaksanaan syariat Islam atau hukum hudud merupakan solusi sempurna bagi kehidupan manusia. Namun ramai yang tidak menginginkan hal ini kerana menganggap bahawa syariat Islam *out of date*, mengekang dan mengancam kenikmatan hidup di dunia. Oleh kerananya semakin ramai yang menolak hidup dalam syariat, mereka menginginkan sekularism dan kehidupan yang hedon. Pelaksanaan syariat Islam di Aceh harus diupayakan dengan sungguh-sungguh, dikawal dengan segenap usaha agar kehidupan sejahtera dunia akhirat dapatlah terwujud.

IKADI Aceh melalui usaha-usaha dakwahnya telah memberikan sumbangan yang sangat berharga bagi pelaksanaan kehidupan yang Islamik di bumi Serambi Mekah. Namun, kekurangan dan kelemahan tetaplah ada. Oleh itu dicadangkan perlunya seminar, konferensi mahupun kajian yang lebih mendalam mengenai usaha-usaha dakwah Islam di Aceh. Umpamanya adalah mempopularkan pemakaian pakaian polis wanita berhijab di Aceh, yang sehingga kini pemerintah pusat Indonesia belum mampu merumuskan pakaian yang sesuai untuk polis wanita berhijab dalm menjalankan kerjayanya. Pakaian yang menutup aurat namun tidak menghalang aktiviti-aktiviti lasak dan berbahaya.

University of Malaya

Selain daripada itu, sorotan kepada IKADI Aceh untuk lebih fokus pada usaha-usaha di pelusuk, bukan sekedar di ibukota Banda Aceh mengingat luasnya wilayah propinsi Aceh dan besarnya bilangan rakyat Aceh, patut diperhatikan. Kaedah-kaedah dakwah yang lebih berkesan dan penguasaan teknologi moden juga patut diterokai untuk memperoleh sambutan masyarakat yang lebih baik. Berjayanya pelaksanaan kehidupan Islamik di Aceh adalah tugasan besar kita semua untuk membuktikan bahawa Islam adalah rahmatan li al-‘ālamīn.

University of Malaya

# BIBLIOGRAFI

## RUJUKAN BUKU

- , *The Price of Freedom: The Unfinished Diary of Teungku Hasan di Tiro, National Liberation Front of Acheh Sumatra,*, 1984, h. 15-17.

Ab. Aziz Mohd Zin, Metodologi Dakwah, (Kuala Lumpur,Penerbit Universiti Malaya, 2001), h.2, 83-213

Abdullah Muhammad Zin (2004), "Falsafah dan Etika Pengurusan Islam", dalam Ali Yakub Matondang et al. (eds.), Asas Kecemerlangan Ummah, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 15.

A. Hasjmy, "Dari Tanah Aceh Kebudayaan Islam Mulai Sejarahnya di Nusantara" (Banda Aceh: Sinar Darussalam, No. 172/173. YPD. Unsyiah-IAIN Ar-Raniry, 1989), h.16.

A.K. Jakobi, *Aceh dalam Mempertahankan Perang Kemerdekaan 1945-1949 dan Peranan Teuku Hamid Azwar sebagai Pejuang* (Jakarta: Gramedia Pustakatama, 2004), h. 40.

A.M. Hubermen dan M.B. Miles, *Analisis Data Kualitatif:Buku Sumber tentang Metode-metode Baru*, judul asli *Qualitative data Analysis*(terjemahan Tjetjep Rohendi Rohidi), UI Press, Jakarta, 1984

Abdul Hadi Arifin, Malikussaleh Reinterpretasi Penyebaran Islam Nusantara (Lhokseumawe: Unimal Press, 2005).

Abdullah Yusuf Ali, *The Holy al-Qur'ān: text, Translation and Commentary* (Maryland: Amana Corporation, 1989), h. 1297.

Abdullahi Ahmed an-Naim, *Islam dan Negara Sekular: Menegosiasikan Masa Depan Syariah*, (Mizan: Bandung, 2007), h. 39.

University of Malaya

Ahmad Daudy, *Syeikh Nur al Din al Raniry: Sejarah, Karya dan Sanggahannya terhadap Wujudiah di Aceh* (Jakarta: Bulan Bintang, 1975), 37-39.

Alyasa" Abu Bakar, *Bunga Rampai Pelaksanaan Syariat Islam (Pendukung Qanun Pelaksanaan Syariat Islam)* (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, 2004).

Alyasa" Abubakar, *Syariat Islam di NAD: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*, edisi ke-4 (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Aceh, 2006), h. 78.

Banda Aceh, *Kota Banda Aceh hampir 1000 Tahun,* Pemerintah Kotamadya Daerah Tingkat II Banda Aceh, 1998.

Daniel Djuned, *Konsep Teoritis Syariat Islam dalam Konteks Keacehan (Langkah Awal Penelusuran Format Awalnya)* (Banda Aceh, 1999), h. 11.

Dody S. Trune & Ismatu Rapi, *Pranata Islam di Indonesia: Pergulatan Sosial, Politik, Hukum dan Pendidikan* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2002), 127.

Elizabeth F. Drexler, *Aceh, Indonesia: Securing the Insecure State* (University of Pennsylvania, 2008), 208.

Griffiths (1959), Administration Theory, Boston: Houghton Mifflin Company, h. 13 h. 15.

H.B. Sutopo, *Beberapa Unsur Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif* (Semarang: Yayasan Sejahtera, 2002).

Haji Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara, Khususnya di Tanah Melayu* (Malaysia: Al-Rahmaniyah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam, 1990), h. 29.

Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama* (Medan: Maju, 1963), h. 12.

Hasanuddin Yusuf Adan, *Teungku Muhammad Dawud Beureueh; Ulama, Pemimpin dan Tokoh Pembaharuan*, (Malaysia: UKM, 2005), h. 126.

Human Right Watch, *Menegakkan Moralitas:Pelanggaran dalam Penerapan Syariah Islam di Aceh, Indonesia,* 2010, h. 15-24.

University of Malaya

Husein Umar, *Metode Penelitian untuk Skripsi dan Tesis* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2005), h. 42.

Ibrahim Alfian, *Kontribusi Samudra Pasai terhadap Studi Islam di Asia Tenggara* (Yogyakarta: Cinennets Press, 2005), h. 60-61.

Imam Barnadib, *Arti dan Metodologi Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP, 1982), h. 51.

Ismail Sunny, *Bunga Rampai tentang Aceh* (Jakarta: Bharata Karya Aksara, ed.1980), h. 42.

Ismuha, *Ulama Aceh dalam Perspektip Sejarah*. (Jakarta: LEKNAS-LIPI, 1976), 50.

J. Lexo Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif,* (Bandung: Remaja Rosda Karya, 1997).

Jabatan Dinas Syariat Islam Propinsi Aceh, *"Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/ Kanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan dengan Syariat Islam,"* Edisi Keempat, 2005, h. 62.

Jum"ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah: Studi atas Berbagai Prinsip dan Kaidah yang Harus Dijadikan Acuan dalam Dakwah Islamiah* (2011; cet.ke-7, Solo: Era Adicitra Intermedia, 2011).

M. Nur El Ibrahimy, *Tgk.M. Daud Beureueh, Peranannya dalam Pergolakan di Aceh,* (Jakarta: Gunung Agung, 1978), h. 8.

Mahmud Syaltut, *Al-Islām, Aqīdah wa al-Syar'iyyah* (Kuwait: Mathabi" Dar al-Kalam, 1964), h. 92.

Marwati Djoened Poesponegoro dan Nugroho Notosusanto, Sejarah Nasional Indonesia III Zaman Pertumbuhan dan Perkembangan Kerajaan Islam di Indonesia, ed. ke-2 rev. (Jakarta: Balai Pustaka, 2008), h. 21.

Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur:Dewan bahasa dan Pustaka, 1990), h. 86.

University of Malaya

Morohaini Yusof, Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah, dalam Morohaini (ed.) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan* (Kula Lumpur: Universiti Malay, 2001), h. 109.

Mr. S. M. Amin, "Sejenak Meninjau Aceh Serambi Mekkah", dalam Ismail Suny, *Bunga Rampai tentang Aceh* (Jakarta: Bhrata Karya Aksara, 1980), h. 51.

Muchlis Usman, *Kaedah-kaedahUshuliyah dan Fiqhiyah:Pedoman Dasar dalam Istinbath Hukum* (Jakarta: Raja Grafindo, 1999), h. 10.

Muhammad Abu al-Fath Al-Bayanuni, al-Madkhal ila „llm al-Dakwah (al-Risalah Beirut, 1993), h. 245, 267-268

Muhammad Hakim Nyak Pha, M*asyarakat Aceh dan Pelaksanaan Syariat Islam (Tinjauan Sejarah Sosial dan Budaya)* ( Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, 1999), h. 3.

Muhammad Rizal, *Persatuan Ulama Seluruh Aceh*, h. 40.

Muhammad Shallābī, *al-Madkhal fī al-Ta'rīf bi al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dar al-Nahḍah al-„Arabiyyah, 1969), h. 28.

Muslim Ibrahim, *Langkah-langkah Penerapan Syariat Islam di Aceh (*dalam Lahmuddin Nasution et.al 2004) Penerapan Syariat Islam di Indonesia: Antara Peluang dan Tantangan (Jakarta: Global Media Cipta Publishing, 2004), h. 177.

Muslim Ibrahim, Langkah-langkah Penerapan Syariat Islam di Aceh(dalam Lahmuddin Nasution et.al 2004), *Penerapan Syariat Islam di Indonesia: Antara Peluang dan Tantanga* (Jakarta: Globalmedia Cipta Publishing, 2001), h. 1.

Muslim Ibrahim, *Syariat Islam di Aceh dalam Konteks Kekinian* (dalam Safwan Idris ed 2000) Syariat dalam Wilayah Syariat (Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2000), h. 1.

University of Malaya

Muslim Zainuddin, *Efektivitas Pelaksanaan Syariat Islam* (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Propinsi Aceh, 2005), h. 98.

Mustafa Ahmad, Syariat tanpa Dukungan Adat Susah Jalan, *Kertas Kerja,* Seminar Nasional Syariat Islam di pascasarjana IAIN Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh, 1999, h. 3.

Mustafa Ibrāhīm al-Zilmi, *Dilalat al-Nusyusy wa Thuruq Istinbath Al-Ahkam fi Daw Ushul Fiqh Al-Islam* (Bagdad: Matbaʻʻah Asʻʻad, 1983), h. 61.

Mustafa Ibrāhīm al-Zilmi, *Dilalat al-Nusyusy wa Thuruq Istinbath Al-Ahkam fi Daw Ushul Fiqh Al-Islam* (Bagdad: Matbaʻʻah Asʻʻad, 1983), h. 48.

Nazaruddin Sjamsuddin, *Pemberontakan Kaum Republik: Kasus Darul Islam Aceh,* (Jakarta: Grafiti, 1990), h. 2.

Nazaruddin Sjamsuddin, *Pemberontakan Kaum Republik: Kasus Darul Islam Aceh* (Jakarta: Grafiti), h. 73.

Noeng Muhadjir, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Yogyakarta: Rake Sarasin, 1996), h. 217-218

Nurhafni dan Maryam.2006, Pro dan Kontra Penerapan Syariat Islam di NAD. *SUWA IV* (3), 59-66.

Osman, Raliby,"Aceh: Sejarah dan Kebudayaan", dalam Ismail Suny. *Bunga Rampai tentang Aceh* (Jakarta: Bharata Karya Aksara, 1980), h. 21.

Pak Nasir Telah Tiada, *Panji Masyarakat*, No. 746, Yayasan Nurul Iman, Jakarta, 1993, h. 11.

Raliby Osman, "Aceh: Sejarah dan Kebudayaan", dalam Ismail Suny. Bunga Rampai tentang Aceh (Jakarta: Bharata Karya Aksara, 1980), h. 21.

Rusdi Sufi et.al., *Adat Istiadat Masyarakat Aceh* (Banda Aceh: Dinas Kebudayaan Propinsi Aceh, 2002).

University of Malaya

Rusjdi Ali Muhammad, *Penerapan Syariat Islam di Aceh: Pendekatan Gradalisme dan Interpretasi Lokal*, Banda Aceh, 2007, h. 15.

Rusjdi Ali Muhammad,*Revitalisasi Syariat Islam di Aceh: Problem, Solusi dan Implementasinya* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2003), h. 17-19.

Salim Segaf al-Jufri, *Penerapan Syariat Islam di Indonesia: Antara Peluang dan Tantangan* (Jakarta: Pusat Konsultasi Syariah, 2004).

Sayyid Qutb, Fi Zilal Al-Quran (Al-Shuruq, Beirut, 1977),jild 2, 2201-2202

Sekretariat Negara RI, *30 Tahun Indonesia Merdeka, 1950-1964,* Jakarta, 1986.

Shabri A, dkk., *Biografi Ulama-Ulama Aceh Abad XX,* Jilid I, (Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh, 2003), h. 35.

Sirajuddin Abbas, *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafii* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1972), h. 218.

Slamet Mulyana, *Kuntala Sriwijaya dan Suwarnabhumi* (Jakarta: Yayasan Idayu, 1981), 256.

Syahrizal Abbas, *Hukum Adat dan Hukum Islam di Indonesia* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2003), h. 36.

Syed Naquib Al-Attas, *Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), h. 21.

Syed Othman al-Habshi, Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah,dalam Abdullah Muhammad Zin, et. al, Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembagunan Malaysia (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), h.112

Taufik Adnan Amal dan Samsu Rizal Pangabean, *Politik Syariat Islam (dari Indonesia hingga Nigeria)* (Jakarta: Pustaka Alfabet, 2004), h. 4.

Teuku Mansoer, *Sanggamara: Sastra Aceh* (Jakarta: Teuku Mansoer Foudation, 1970), h. 16.

University of Malaya

Universiti Malaya, *Buku Panduan Menulis Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Islam, 2006), h. 15.

Yusuf al-Qaraḍāwī, *Membumikan Syariat Islam: Keluwesan Aturan Ilahi untuk Manusia* (Jakarta: Arasy Mizan, 2003), h. 13.

Yusuf Hasanuddin Adan, *Aceh dan Inisiatif NKRI,* (Banda Aceh: Adnin Foundation Publisher, 2011), h. 186.

**RUJUKAN LAMAN WEB**

http://aceh.kemenag.go.id/index.php?a=berita&id=127637

http://aceh.tribunnews.com/2013/09/11/aceh-lahan-empuk-upaya-kristenisasi

http://IKADI.or.id/berita/aktivitas-pwpd/897-IKADI-aceh-gelar-muswil-pilih-ketua-baru.html

http://IKADI.or.id/berita/aktivitas-pwpd/897-IKADI-aceh-gelar-muswil-pilih-ketua-baru.html

http://IKADIaceh.blogspot.com/

http://internationalreportingproject.org/stories/view/banda-aceh-invites-christians-aid-but-not-their-proselytizing

http://leser-aceh.blogspot.com/2012/01/teungku-abdurrachman-meunasah-meucap.html

http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=dakwah

http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pelaksanaan

http://salamberita.com/blog/2013/01/27/IKADI-aceh-melaksanakan-muswil-ii

http://seputaraceh.com/read/18408/2013/05/06/IKADI-aceh-perkuat-dakwah-di-media-sosial

http://setiainfo.blogspot.com/2011/04/pemurtadan-di-aceh-semakin-gencar.html

http://syarifpirus.blogspot.com/2014/05/madrasah-daʿʿidaʿʿiyah.html

University of Malaya

http://www.academia.edu/5137842/Tradisi_Peusijuek_dalam_Masyarakat_Aceh

http://www.dakwatuna.com/2013/05/11/33070/sukseskan-agenda-dakwah-IKADI-aceh-gelar-raker/#axzz35R4VyNXz

http://www.globalmuslim.web.id/2010/10/kasus-kristenisasi-di-aceh-pemerintah.html

http://www.inminds.com/tsunami.html

http://www.slideshare.net/Mukhlisuddinlamlo/dayah-pesantren

http://www.smh.com.au/news/Asia-Tsunami/Warning-to-Christians-on-a-mission-to-save-souls/2005/01/22/1106334263086.html

http://www.theguardian.com/world/2005/jan/16/tsunami2004.internationalaidanddevelopment1

https://serbasejarah.wordpress.com/2010/04/15/beureueh-pemberontakan-dengan-sebab-klasik/

University of Malaya

**RUJUKAN KERTAS KERJA DAN JURNAL**

Achmad Jainuri, Muhamadiyah sebagai Gerakan Pembaharuan Islam, dalam *Gebyar Muktamar Muhammadiyah ke-43 di Banda Aceh*, (Banda Aceh: PW Muhammadiyah D.I Aceh, 1995), h. 48.

Alyasa‟ Abubakar, Peranan Program Pascasarjana dalam Pelaksanaan Syariat Islam di Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam, *Kertas Kerja*, disampaikan pada PPS IAIN Ar-Raniry (Banda Aceh: 2006), h. 29.

Alyasa" Abubakar,*Syariat Islam di Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam,paradigma, kebijakan dan kegiatan* (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Propinsi Aceh, 2008), 389-390.

*Antara Harapan dan Kenyataan,* Hasil Konferensi Al-Wasliyah Banda Aceh, 1980, 90.

Ayang Utriza Nway, Adakah Penerapan Syariat Islam di Acheh? (Tinjauan Sejarah Hukum di Kesultanan Acheh tahun 1516-1688 M) (Banda Aceh: *Jurnal Gelombang Baru,* edisi IV, 2009), h. 22-23.

Haji Muhammad Said, "Mencari Kepastian tentang Mula dan Cara Masuknya Agama Islam ke Indonesia", dalam *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia* (Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, 1963), h. 191

Hamka, "Masuk dan Berkembangnya Agama Islam di Daerah Pesisir Sumatra" dalam *Risalah SeminarMasuknya Islam ke Indonesia* (Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, 1963), h. 87.

Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh,* (Banda Aceh: Yayasan Pena, 2008), h. 50.

Himpunan Hasil Mubes Tiga Persatuan Dayah Inshafuddin di Banda Aceh, 1986, h. 15.

Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia* (Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, 1963), h. 265.

## RUJUKAN TESIS DAN LATIHAN ILMIAH

Mujiburrahman, *Pelaksanaan Sistim Pondok dan Perkembangannya di Aceh Selepas Peristiwa Tsunami,* Tesis, 2010, h. 34.

University of Malaya

Tim Penulis Ensiklopedi Nasional Indonesia, *Ensiklopedi Nasional Indonesia*, *Jilid I*, (Jakarta: Cipta Adi Pustaka, 1990), 143. Lihat: Muhammad Rizal, *Persatuan Ulama Seluruh Aceh Pada Masa Revolusi Kemerdekaan Indonesia 1945-1949,* (Skripsi Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya UI, 2008), 38. (skripsi dapat diakses online: *http://lontar.ui.ac.id/file?file=digital/125835-RB04R206p-Persatuan%20ulama-Analisis.pdf*)

Majlis Ulama, *Umat dan Pembangunan: Hasil-hasil Rakernas 1982* (Jakarta: Sekretariat MI, Mesjid Istiqlal, 1982), h. 174.

Mohamad Nazli bin Omar, Pengurusan Dakwah d Negeri Maju: Kajian tentang Cabaran dan Masalahnya di Melaka, (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2013), h.56-57

Mohd Salleh Aman, Asas Pengurusan Sukan, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,2006), h. 9

Muhammad Choirin, Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) : Kajian dari Aspek Program Dakwah di Jakarta, (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2011)

**RUJUKAN MAJALAH**

K.A. Endin, Perhitungan Zakat Gaji dan Fee, *Sinar Darussalam,* No. 133, YPD Unsyiah- IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 1983, h. 81.

Ismail M. Z. ICMI: Bapak Angkat Mahasiswa Islam Indonesia, *Panji Masyarakat*, No.670, Yayasan Nurul Iman, Jakarta, 1991, h. 9.

M. Ali Muhammad, *Memasyarakatkan Zakat, Sinar Darussalam,* No. 145, YPD Unsyiah-IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 1985, h. 70.

University of Malaya

Pentas Kekuatan NU Semasa Orde Baru (Jakarta: *Panji Masyarakat,* No.72, Yayasan Nurul Iman, Jakarta, 1992), h. 29.

**RUJUKAN TEMUBUAL**

Temu bual dengan Ustaz DR. Muhammad Yasir, MA., *Ketua IKADI Aceh* pada 10hb April 2013 via telepon.

Temu bual dengan Ustaz DR. Muhammad Yasir, MA., pada 18hb April 2013 pukul 9.00 am di Pejabat IKADI Banda Aceh.

Temu bual dengan Ustaz Syukri pada 18 April 2013 di Masjid Raya Baitur Rahman Banda Aceh pukul 5.00 p.m.

Temu bual dengan Ustaz Zakaria Yahya, SHI., *Kepala Kantor Urusan Agama Kecamatan Trienggadeng, Pidie Jaya* pada 20hb April 2013 pukul 17.00 di rumah beliau, Desa Meunasah Lhok, Meureudu, Pidie Jaya.

Temu bual dengan Ustaz Abdul Aziz Arfi, *Imam Masid Jamek Pidie Jaya pada 21hb April 2013* pukul 6.30 pm di beranda Masjid Jamek Pidie Jaya, Jl. Meurah Dua, Pidie Jaya

Temu bual dengan Ustaz Mukhlis pada 22hb April 2013 di rumah kebajikan anak yatim Darul Aitam, Desa Meunasah Lhok, Meureudu, Pidie Jaya.

Temu bual dengan Ustaz Iskandar pada 22hb April 2013 di rumah beliau Desa Meunasah Lhok, Meureudu, Pidie Jaya.

Temu bual dengan Ustaz DR. Muhammad Yasir, MA., via email pada 12hb November 2013.

Temu bual dengan Ustaz DR. Muhammad Yasir, MA., via telepon pada 15hb November 2013.

University of Malaya

Temu bual dengan Ustaz DR. Muhammad Yasir, MA., di Banda Aceh pada 15hb Disember 2014.

Temu bual dengan Ustaz DR. Mustanir Yahya, Msc., *Pembina dan bekas Ketua IKADI* pada 16hb Disember 2014.

Temu bual dengan Ustaz Rolly Triwahyudi, SP., *Ahli Jawatan Kuasa IKADI Aceh* pada 16hb Disember 2014.

**RUJUKAN ARKIB**

Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga IKADI, 2003

Bapeda Aceh,*Rencana Pembangunan Jangka Panjang Aceh (RPJP Aceh) Tahun 2005-2025,*1.

University of Malaya